

DOKUMEN INI BELUM DISEMAK
[Senarai Ahli-Ahli Parlimen dilampirkan]
[Kandungan dilampirkan]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 13 April 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Richard Riot anak Jaem [Serian]** minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) di seluruh negara, pecahan mengikut negeri. Sila nyatakan bilangan pelajar dari luar negara termasuk kerakyatan mereka di institusi-institusi berkenaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, selamat pagi dan dengan izin, 'sabaha-khair'. Sehingga kini bilangan institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) yang diluluskan penubuhannya ialah sebanyak 599 buah. Daripada jumlah tersebut sebanyak 441 buah telah berdaftar. Sebahagian besar IPTS terletak di negeri Selangor yang mana jumlahnya ialah 119 buah dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah 105 buah.

Pada tahun 1999 [*Gangguan mikrofon*] – maaf saya. Pada tahun 1999 bilangan pelajar dari luar negara di IPTS dianggarkan seramai 10,200 orang. Mereka berasal dari pelbagai negara, antaranya ialah Indonesia, Republik Rakyat China, Maldives, Brunei, India dan Filipina. Bilangan IPTS yang dikehendaki oleh Yang Berhormat yang telah berdaftar mengikut negeri pada tahun 1999 ialah seperti berikut:

Negeri	Bil. Pelajar
Sabah	18

Negeri Sembilan	25
Pulau Pinang	31
Kedah	20
Terengganu	7
Sarawak	22
Melaka	15
Johor	30
Pahang	12
Kelantan	8
Selangor	119
Wilayah Persekutuan	105
Perlis	2
Perak	<u>27</u>
Jumlah:	<u>441</u>

Tuan Richard Riot anak Jaem: Kebelakangan ini IPTS di negara kita tumbuh seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Soalan saya, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi memastikan mutu kualiti kursus-kursus yang ditawarkan oleh IPTS kita terkawal dan terjamin. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Mengenai dengan IPTS tumbuh seperti cendawan, memang banyak kita dapati antara mereka kadangkala adalah kolej-kolej yang kecil yang mengendalikan kursus-kursus jangka pendek dan sebagainya. Sebab itu, kadangkala kita bercampur aduk dengan kolej-kolej ataupun IPTS yang berdaftar. Walau bagaimanapun, segala kolej-kolej ataupun IPTS yang berdaftar itu kesemuanya perlu dan mesti mendapat kelulusan daripada JPS Kementerian Pendidikan. JPS di sini bermakna Jabatan Pendidikan Swasta, bukan Jabatan Parit dan Saliran. *[Ketawa]* Jadi, segala yang hendak dilakukan itu hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada pihak kementerian. Jika tidak, ia dianggap sebagai kolej yang tidak berdaftar. Oleh yang demikian, pihak kita tidak teragak-

agak untuk mengambil tindakan sekiranya mendapat segala macam laporan dan sebagainya.

Mengenai dengan langkah-langkah yang akan diambil untuk menjamin mutu bagi IPTS, kita di kementerian sentiasa memantau keadaan ini. Oleh yang demikian, saya rasa sekiranya ada terdapat kompelin, kita tidak teragak-agak akan mengambil tindakan. Misalnya, katakanlah sesebuah IPTS itu telah menawar sekian-sekian kursus, tetapi sebenarnya bukan kursus itu yang ditawarkan. Itu adalah dianggap sebagai menyalahi peraturan. Walau bagaimanapun, saya jamin kepada Yang Berhormat tadi supaya mutu yang ditentukan itu sentiasa terjamin dan kita rasa di sini tidaklah kita hendak menganiayakan mana-mana pihak yang menaruh kepercayaan dengan wang yang begitu banyak untuk hanya mendapat pendidikan luar selain daripada IPTA tadi.

Di sini harus saya nyatakan juga bahawa peranan IPTS ini adalah sebagai merupakan membuka ruang lebih luas lagi kepada mereka yang tidak berpeluang untuk mengikuti pendidikan tinggi di peringkat IPTA.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya fikir hasrat ataupun cita-cita kerajaan menggalakkan penubuhan IPTS di negara kita ini ialah memberi lebih peluang kepada generasi muda kita untuk memasuki pengajian tinggi dan di samping itu, dengan adanya IPTS kita dapat menarik pelajar-pelajar dari luar masuk ke negara kita dan ia akan mendapatkan faedah kepada negara kita dari segi ekonomi. Saya ucapkan tahniah kepada kementerian kerana mengadakan polisi menubuhkan IPTS dan mengikut jawapan tadi ada lebih kurang 599 buah IPTS dan pelajar dari negara asing pun sudah mencapai 10,200 orang. Jadi, dari segi ini saya ucapkan tahniah. Tetapi sebaliknya, bila kita menubuhkan IPTS di negara kita ini bolehkah Yang Berhormat bayangkan sedikit keadaan sama ada pelajar negara kita ini adakah keluar dari negara kita untuk melanjutkan pelajaran mereka di luar negara. Jadi, kalau ada dari segi angka, ia merupakan satu peningkatan. Jadi, apakah sebab yang masih ada kelemahan di negara kita ini supaya langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk mengurangkan pelajar-pelajar kita keluar dari negara kita. Sekian, terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Pertama sekali harus ditekankan di sini bahawa buat satu masa kita telah tekankan bahawa negara kita akan menjadikan dengan izin, centre of excellence di bidang pendidikan. Oleh yang demikian, kita juga mengalu-alukan penuntut-penuntut di luar negara untuk datang ke sini mendapat pendidikan mereka. Ini telah pun berlaku dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun, saya beri jaminan di sini kepada Yang Berhormat bahawa kemasukan pelajar-pelajar luar negara ini tidak akan menjejaskan atau mengambil tempat anak-anak kita di negara ini. Saya kira dengan adanya IPTS tadi seperti mana yang telah saya jelaskan semalam atau kelmarin iaitu penuntut-penuntut dari luar tadi membayar yuran yang sama dan mereka juga begitu berminat dalam beberapa bidang. Misalnya, kalau kita dapati penuntut-penuntut dari Indonesia juga berminat untuk datang ke sini dan termasuk dari negara-negara lain.

Apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi mengenai dengan penuntut-penuntut kita yang keluar dan menuntut di luar negara, dari masa ke semasa angka ini sudah menurun. Ini mungkin juga disebabkan oleh kerana seperti mana yang saya telah jelaskan semalam juga mengenai dengan twinning programme, dengan izin, iaitu di mana universiti-universiti luar negara juga bekerjasama dengan IPTS tempatan untuk mengadakan kursus-kursus tertentu dan juga mengijazahkan penuntut-penuntut tadi di akhir pencapaian akademik mereka. Saya juga ingin beritahu kepada Yang Berhormat bahawa ada lagi sesetengah kursus yang tidak terdapat di negara kita, maka penuntut-penuntut tadi juga mencari ruang untuk keluar negara.

Jadi, di sini saya kira bahawa buat satu masa dahulu dengan cara untuk menjimatkan wang kita keluar negara, kita juga dari masa ke semasa mempertingkatkan keupayaan kita dalam pelbagai bidang supaya buat satu masa yang akan datang diharapkan semua bidang juga terdapat di negara ini.

Satu lagi ingin saya jelaskan kepada Yang Berhormat mengenai dengan kursus-kursus di peringkat ijazah iaitu maksud saya di peringkat Master's Programme dan Ph.D masih terdapat lagi penuntut-penuntut kita dari sini keluar negara.

2. **Datuk Lau Ngan Siew [Sandakan]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada langkah-langkah atau perundingan telah dibuat dengan MAS untuk mengurangkan kos pengangkutan udara di antara Sabah dengan Semenanjung Malaysia yang merupakan halangan utama menghalang pelancong-pelancong dan pelawat-pelawat ke Sabah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, penerbangan Malaysia MAS telah memeteraikan satu memorandum persefahaman (MoU) dengan izin, dengan Perbadanan Penggalakan Pelancongan Sabah pada 1 Februari 2000 untuk menggalakkan pelancongan ke negeri Sabah. Dengan adanya memorandum persefahaman ini beberapa inisiatif telah dan akan diambil bersama untuk meningkatkan kedatangan pelancong-pelancong ke Sabah. Misalnya, antara langkah yang diambil ialah pengenalan pakej pelancongan domestik istimewa dari Semenanjung Malaysia dan Sarawak ke Sabah. Pakej ini merangkumi tambang penerbangan pergi-balik, pengangkutan dari lapangan terbang ke hotel dan penginapan hotel bersama sarapan untuk tiga hari dua malam dan ditawarkan pada kadar harga yang lebih murah daripada kadar tambang biasa.

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kos pengangkutan udara merupakan satu perkara yang ketara antara Sabah dengan Semenanjung Malaysia. Tambang ini berbeza di antara tiga syarikat penerbangan iaitu MAS, Transmile dan Air Asia. Antara ketiga-tiga ini MAS merupakan syarikat penerbangan yang mengenakan tambang yang lebih tinggi dan kajian saya ianya merupakan 20% lebih tinggi daripada kedua-dua syarikat penerbangan. Kajian saya juga menunjukkan bahawa 60% daripada penumpang-penumpang merupakan penumpang-penumpang dalam negeri yang pergi daripada Kota Kinabalu ke Semenanjung ataupun sebaliknya. Cuma lebih kurang 30% -40% adalah penumpang-penumpang daripada negara asing. Soalan saya, saya ingin tahu sama ada kementerian menerusi MAS ataupun syarikat-syarikat ini ada cadangan untuk mengenakan tambang yang berbeza antara orang asing dengan penumpang-penumpang tempatan kerana sebahagian besar daripada yang diakibatkan oleh tambang yang mahal ini pada ketika ini adalah orang-orang tempatan. Sekian.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bagi Beluran, saya ingin beri maklumat kepada Yang Berhormat terutama sekali dari Sabah dan Sarawak. Untuk domestic flight dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang tambang ekonomi adalah RM104 dan jarak jauh adalah 188 batu. Ini purata 55 sen per mile. Dari KL ke Kota Kinabalu tambang ekonomi one way adalah RM437 dan distance adalah 1,017 batu dan average 43 sen per mile. Oleh itu, tambang-tambang yang kita ada memang adalah lebih murah di Semenanjung kalau dibandingkan dengan tambang yang kita ada dari KL ke KK.

Masalah yang dibangkitkan adalah kita akan bezakan tambang orang asing atau tempatan, itu memang kita susah, tidak dapat dijalankan. Walau bagaimanapun, masalah ini bukan baru. Saya pun dengar banyak kali di Dewan yang mulia ini. Kementerian telah pun memberi arahan kepada MAS supaya satu cadangan yang lebih sesuai tentang tambang domestik penerbangan akan diadakan. Cadangan ini akan mengambil kira supaya tambang dari KL ke KK atau Kuching diturunkan supaya lebih rakyat di Sabah dan Sarawak boleh datang ke Semenanjung melawat atau membuat business dan lebih integrasi diadakan.

Datuk Lau Ngan Siew: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa kerajaan telah merancang untuk membina sebuah aerobridge di Lapangan Terbang Sandakan di mana ia bukan sahaja akan dapat meningkatkan kemudahan di lapangan terbang tersebut, malah dapat memberi kemudahan yang lebih selesa kepada orang awam. Memandangkan Sandakan menjadi pintu masuk di kawasan BIMP-EAGA di samping meningkatkan perindustrian pelancongan di Sandakan, oleh itu soalan saya, bilakah aerobridge tersebut dibina dan berapakah kosnya?

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terkeluar daripada soalan asal. Kita di sini berbincang tambang KL ke Sabah. Yang Berhormat bagi Sandakan bertanya soal aerobridge di Lapangan Terbang Sandakan. Walau bagaimanapun, sukacita dimaklumkan bahawa kerja-kerja pelaksanaan bagi pembukaan aerobridge Lapangan Terbang Abdul Aziz Shah, Subang untuk digunakan di Lapangan Terbang Sandakan dijangka akan bermula pada bulan Jun

2000 dan kerja-kerja pemasangan pula dijangka akan mengambil masa selama 12 bulan.

3. Tuan Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan langkah-langkah kerajaan dalam menggalak serta menyediakan kemudahan bagi masyarakat luar bandar turut serta dalam industri pelancongan dan menjelaskan langkah kerajaan dalam memperkenalkan Pusat Tarikan Pelancong khususnya bagi daerah Kinabatangan yang mempunyai hutan semulajadi dan Pusat Pembiakan Kehidupan Liar (Probocis Monkey) di kalangan pelancong asing.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat bagi Kinabatangan bagi pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Ingin saya maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sentiasa menggalakkan masyarakat luar bandar turut serta di dalam industri pelancongan melalui Kempen Kesedaran Awam, penyediaan kemudahan dan perkhidmatan asas seperti gerai-gerai, jalan-jalan pelancongan, bantuan dan pinjaman industri kecil dan sederhana pelancongan dan sebagainya. Usaha-usaha ini telah membuka peluang kepada penduduk luar bandar melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti pelancongan seperti menguruskan tempat penginapan, melaksanakan Program Home-Stay, menyediakan perkhidmatan pengangkutan dan makanan, menjadi pemandu pelancong, menguruskan gerai kraftangan pelancongan dan sebagainya.

Di dalam usaha memperkenalkan lagi daerah Kinabatangan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh telah menyediakan sejumlah RM2.4 juta untuk pembangunan di kawasan ini iaitu RM1.9 juta untuk Projek eko-pelancongan iaitu pembangunan santuari hidupan liar hilir Kinabatangan dan RM500,000 untuk kemudahan-kemudahan pelancongan di tapak arkeologi di Gua Batu Putih Tulup, Kinabatangan. Dengan siapnya projek-projek ini, maka aktiviti promosi akan dapat dipergiatkan lagi dengan lebih berkesan dan secara eksklusif melalui Kempen eko-pelancongan di media massa dan lawatan suai-kenal.

Tuan Moktar bin Radin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan kepada Timbalan Menteri, walaupun bukan daripada kementeriannya tetapi macam dia confident betul menjawab soalan-soalan yang dikemukakan. Jadi, peruntukan yang telah diberikan, masyarakat Kinabatangan amat mengalu-alukan dan terima kasih kepada kementerian ini.

Soalan saya, sejauh manakah agihan daripada peruntukan-peruntukan ini yang dapat dimanfaatkan oleh masyarakat tempatan dan setahu saya kerajaan telah menerapkan satu konsep *smart-partnership* ataupun perkongsian pintar. Jadi, menerusi konsep ini apakah masyarakat di kawasan ini dapat melibatkan diri secara 100% ataupun antara lainnyanya dapat menikmati agihan-agihan daripada peruntukan yang telah diberikan. Kalau tidak, saya ingin mengemukakan supaya kementerian ini, apabila sahaja hendak membangun atau memberi peruntukan-peruntukan, berilah keutamaan kepada pengusaha-pengusaha tempatan dan kalau ya, saya ingin tahu bagaimana cara penglibatan masyarakat setempat ini dilibatkan untuk menjayakan program-program dan projek-projek daripada kementerian ini. Terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, susah pula hendak jawab ini. Terima kasihlah soalan tambahan. Sebenarnya kerajaan sebelum menyediakan prasarana-prasarana pelancongan di mana juga termasuk di Kinabatangan, kita memang sentiasa sebelum dibuat projek-projek tersebut, kajian sudah pun dibuat di mana mengambil kira faktor-faktor tempatan dan tugas memasyarakatkan minda pelancongan ini bukan sahaja dibebankan oleh Kerajaan Pusat melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan tetapi juga seperti Yang Berhormat katakan tadi perkongsian pintar di antara kerajaan negeri melalui agensi-agensinya yang ada di dalam kerajaan negeri. Macam di Sabah sudah ada Lembaga dan juga kerajaan tempatan dan yang paling penting sekali adalah masyarakat yang terdiri daripada rakyat dan aktivis-aktivis khususnya budaya kerana kita tahu orang datang melancong, daya tarikannya terbahagi kepada beberapa sektor – antara masyarakatnya atau tempat.

Saya difahamkan Yang Berhormat bagi Kinabatangan tidak ada masalah kalau dia hendak panggil masyarakat budayawan dan menjadikan seni dan budaya di

masyarakat yang terdiri daripada gabungan kaum Sungai dan Bugis di Kinabatangan sebab malam tadi kita tengok dia bernyanyi hebat betul.

Jadi, sejauh mana ia berjaya, banyak bergantung kepada faktor-faktor yang saya nyatakan. Walau bagaimanapun, kementerian akan memastikan yang projek-projek begini tidak akan menjadi 'gajah putih'. Sebagai contoh, di tempat saya Seri Mersing memang terkenal sebagai destinasi pelancongan. Kajian menunjukkan bahawa 10,000 ke 15,000 pelancong datang ke Mersing tiap-tiap bulan ingin melihat kecantikan pulau-pulau yang ada di Laut China Selatan, maka terpulanglah kepada aktivis masyarakat di tempat tersebut mengendalikan kekuatan ini supaya rakyat dapat mengecapi nikmat daripada limpahan ekonomi daripada sektor pelancongan.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang ditekankan oleh pihak Timbalan Menteri tadi, kawasan Kinabatangan ini sudah mulai menjadi satu tempat tarikan dari segi ecotourism. Saya hanya ingin bertanya adakah pihak kementerian, dalam soal membangunkan infrastruktur ini menyelarasnya dengan betul dan bersungguh-sungguh sebab seperti mana satu kes terjadi tahun lalu, seorang wanita 17 tahun dari England yang meninggal ketika melawat tempat itu dan news dalam *front page*, dengan izin, di England. Dia bilang jalan kaki tiga jam to the nearest telephone, dengan izin, dia pergi ke klinik, klinik tutup, minta Sabah Air terbang, mahu bayar deposit dahulu. Semua ini dalam *front page* dan memanglah tidak membawa nama baik kepada negara kita dari segi promosi pelancongan antarabangsa.

Jadi, dalam soal infrastruktur, adakah pihak kementerian memastikan apabila memajukan sesuatu tempat itu ada standard minimum, ada kelengkapan-kelengkapan yang perlu supaya pelancong antarabangsa ini tiada keraguan – kalau sangkut, kalau sakit tetap – seperti perkataan 'tetap' oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan - 'tetap' ada sokongan supaya daripada agensi-agensi ataupun daripada infrastruktur yang lain supaya tidak terjadi lagi kes seperti ini. Terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, itu satu cadangan yang amat baik. Kejadian-kejadian seperti ini jarang berlaku tetapi jika berlaku, apatah lagi ia melibatkan rakyat asing sudah tentu ia menjadi satu berita yang sensasi. Jadi,

kita di pihak kementerian akan cuba berusaha menyelaraskan dan memberikan piawai-piawai tertentu bagi menentukan infrastruktur-infrastruktur terutamanya dalam kes-kes kecemasan, umpamanya perhubungan melalui telefon ataupun kemudahan-kemudahan kesihatan akan kita ambil perhatian. Terima kasih, Yang Berhormat bagi Bandau.

4. Puan Lim Bee Kau [Padang Serai] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah program-program yang telah dan bakal dirangka oleh pihaknya untuk golongan belia di alaf baru ini. Nyatakan juga perancangan yang lain bagi memartabatkan lagi imej golongan tersebut.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan telah merancang dan melaksanakan pelbagai program induk sebagai agenda pembangunan belia di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah berdasarkan kepada pelan Dasar Pembangunan Belia Negara.

Agenda perdana Pembangunan Belia ini adalah mampu untuk meneruskan agenda negara selaras dengan cita-cita negara Malaysia yang maju menjelang alaf baru ini. Agenda Perdana Pembangunan Belia yang dilaksanakan secara berterusan untuk memantapkan kerjaya dan potensi belia dalam pembangunan adalah termasuk:

- (a) Program Pembangunan Usahawan Belia yang dilaksanakan bertujuan ke arah belia berniaga, belia keusahawanan, belia celik niaga, belia berdikari, belia dengan komputer, belia bermaklumat dan sebagainya, yang dirangkakan dengan pendekatan baru dan strategi yang lebih futuristik yang disediakan oleh kementerian ini ke arah belia yang berjaya dan berdaya saing dalam menghadapi persaingan ekonomi global hari ini.
- (b) Program Pembangunan Latihan dan Kemahiran Belia yang dilaksanakan untuk menyediakan latihan-latihan kemahiran yang sesuai dengan keperluan-keperluan semasa untuk belia yang berumur dalam lingkungan 18 hingga 25 tahun. Program-program yang dimaksudkan itu adalah termasuk program-program latihan kemahiran jangka pendek, jangka

panjang di Institut-institut Kemahiran Belia Negara dan institut-institut kemahiran belia swasta serta Latihan Sambil Kerja atau On-Job Training (OJT), dengan izin, Skim Perantisan dan sebagainya. Ianya adalah dilaksanakan secara menyeluruh di negara kita bagi menyediakan belia-belia yang berkemahiran bagi menampung keperluan semasa;

- (c) Program Pembangunan Kepimpinan dan Sahsiah Belia yang bertujuan ke arah melahirkan belia-belia yang berkepimpinan, berketrampilan, bermotivasi tinggi, patriotik, berdaya saing, mempunyai rasa tanggungjawab, bermasyarakat dan sebagainya. Ini mencakupi pelaksanaan program-program kepimpinan di Institut Kepimpinan Belia Negara, Program Motivasi Perdana, Program Khidmat Sosial Negara dan sebagainya. Sedangkan program-program kepimpinan dan keantarabangsaan dan sebagainya adalah merupakan program-program ke arah melahir dan memantapkan kepimpinan dan sahsiah belia kita bagi alaf baru ini. Program ini dilaksanakan dengan perkongsian bestari (smart-partnership), dengan izin, yang menyeluruh dan bersepadu di antara kerajaan dengan pertubuhan-pertubuhan belia, NGO, agensi-agensi kerajaan yang lain serta swasta dan institut-institut tempatan;
- (d) Program Pembangunan Rakan Muda yang dilaksanakan secara menyeluruh dan tersusun yang mengambil kira minat dan cita-rasa semua golongan remaja dengan menekankan kepada nilai-nilai jati diri, patriotisme, rasa tanggungjawab keagamaan, kepimpinan dan sebagainya kepada belia-belia di kilang-kilang industri, institusi pengajian tinggi awam dan swasta, belia-belia bandar, belia dalam skim-skim tanah rancangan, pusat membeli-belah, perumahan awam dan sebagainya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya memuji pihak kementerian telah mewujudkan satu perancangan dan program sebagai satu matlamat *social engineering* kepada belia negara tetapi kadang-kadang *social engineering* ini ada resistant daripada belia-belia yang tidak mengikutkan hala. Belia yang memang mengikut hala ini daripada sekolah ini dan mereka yang baik – saya pernah berbincang dengan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan mengatakan belia yang baik terlibat dengan perkara-perkara yang baik. Jadi, sejarah di satu universiti mengatakan pelajar berjalan di atas rumput – semua pelajar berjalan di atas rumput, lepas itu dihukum budak-budak itu pun masih budak-budak berjalan di atas rumput. Akhirnya, universiti itu membuatkan satu jalan di atas rumput yang mana dia jejak pelajar-pelajar itu sekali, jadi semua pelajar tidak berjalan atas rumput lagi – mereka gunakan tempat pejalan kaki ini. Ini menunjukkan pihak kerajaan semasa merancang program-program sedemikian mesti melihat apa kemahuan belia.

Persoalan saya, kita lihat sekarang orang banyak berlumba-lumba, banyak budak yang lepak bawa *roller skate*, main *x-extreme game*, papan luncur dan sebagainya tetapi arena tempat papan luncur tidak ada, arena untuk bermain skating ring tidak ada, arena untuk pergi berlumba-lumba ini untuk mencari bakat di antara budak-budak ini tidak ada. Jadi, saya bertanya kepada kementerian, adakah perancangan dibuat supaya *social engineering* yang orang ikut, kata kerajaan, yang orang ada minda sendiri yang buat kerja sendiri ini juga diberi peluang mereka mengikutkan satu program yang mereka pilih. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju dengan apa yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Batang Lupar tadi bahawa Program Rakan Muda ini sememangnya merupakan satu program yang berorientasikan *social engineering*, dengan izin.

Untuk menjawab soalan yang dibangkitkan tadi, suka saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa pihak kementerian tetap mengambil kira selera kaum remaja dalam pelbagai bidang dan itulah sebabnya pelbagai perancangan yang baru telah pun dirangka dan juga dilaksanakan di beberapa peringkat, umpamanya, sukan

bermotor. Sukan bermotor ini sebenarnya dirangkakan dengan mengambil kira minat yang ada pada kaum remaja terhadap sukan yang berkenaan. Untuk menjayakan sukan bermotor ini, umpamanya kemudahan-kemudahan yang tertentu telah pun disediakan. Antara lain termasuk kemudahan *go-kart*, misalnya – ini salah satu acara sukan yang diminati dan digemari ramai sekarang ini.

Demikian juga selera remaja yang lain, asalkan ianya berbentuk positif, tidak melanggar kod etika yang sedia ada, biasanya ianya akan diambil kira dan di samping itu pun pihak kementerian juga mempelawa cadangan dan pandangan yang boleh dikemukakan kepada pihak kementerian menerusi pelbagai badan-badan belia NGO supaya pihak kementerian dapat mengambil kira ciri-ciri yang berkenaan.

Puan Lim Bee Kau: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas penjelasan yang telah diberikan. Saya hendak ucapkan syabas kerana pihak kementerian mempunyai banyak program untuk belia-belia kita ini tetapi tidak semestinya program-program itu dapat menarik minat kaum belia ini. Jadi, soalan tambahan saya ialah apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan program-program ini dapat ataupun akan mencapai matlamatnya. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita menyentuh soal minat ini, minat ini memang luas perangkumannya. Minat seseorang itu tidak semestinya digemari oleh orang lain tetapi apa yang saya sarankan tadi ialah pihak kementerian mengambil kira minat yang ada pada kaum remaja secara *extensive* dan bukannya minat perseorangan.

Dalam hubungan ini, sukalah saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa apa yang perlu kita ketengahkan ataupun kita tumpukan pada hari ini ialah lebih kepada usaha promosi dan juga penyebaran maklumat kepada kumpulan sasaran kita iaitu kaum belia tentang adanya kemudahan dan juga program-program yang dianjurkan untuk mereka. Ini yang lebih penting daripada aspek-aspek yang lain.

5. Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah tangkapan yang dibuat oleh pihak polis ke atas nelayan Kuala Kedah dan di seluruh negara dan jenis kesalahan yang mereka lakukan; dan
- (b) apa jenis tindakan ke atas peralatan menangkap ikan dan tuan punya peralatan yang terlibat.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, statistik tangkapan yang dibuat oleh polis ke atas nelayan Kuala Kedah dan seluruh negara di bawah Akta Perikanan 1985 dan jenis kesalahan yang dilakukan oleh mereka adalah seperti tindakan ke atas nelayan Kuala Kedah berdasarkan kesalahan membawa bot nelayan tanpa lesen. Bagi tahun 1999 adalah sebanyak satu kes sahaja dan bagi kesalahan melanggar syarat dalam lesen adalah sebanyak dua kes.

Sementara itu, jumlah tindakan yang telah diambil ke atas nelayan di seluruh negara bagi tahun 1999, bagi kesalahan bot nelayan asing adalah sebanyak lapan kes. Bot nelayan tanpa lesen sebanyak 42 kes, melanggar syarat dalam lesen sebanyak 481 kes dan sebanyak 37 kes bagi kesalahan menangkap ikan dengan bahan letupan.

Mengikut prosedur yang lazim diamalkan, kesemua kes tangkapan di bawah Akta Perikanan yang dibuat oleh bot peronda Pasukan Polis Marin akan diserahkan kepada Jabatan Perikanan yang terdekat untuk tindakan lanjut. Bila sesuatu tangkapan dibuat, bot nelayan berkenaan akan ditahan dan dibawa balik ke pangkalan polis marin atau jeti nelayan yang terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, satu laporan polis akan dibuat oleh Ketua Bot Ronda Polis Marin yang berkenaan. Selepas itu kesemua barang kes seperti peralatan menangkap ikan, hasil tangkapan, bot dan awak-awak akan diserahkan kepada pegawai perikanan untuk tindakan selanjutnya.

Tindakan yang diambil oleh Jabatan Perikanan adalah bergantung kepada jenis kesalahan yang dilakukan. Tuan punya mungkin diberi amaran, dikompaun atau kes dibawa untuk didakwa di mahkamah. Peralatan menangkap ikan sama ada di pulangkan, disita atau dilelong ataupun dimusnahkan.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah pihak kerajaan mengkaji ataupun untuk meminda Akta Nelayan 1985 itu terutama sekali bila orang yang ada satu bot, bila dia melakukan kesalahan dan sementara hendak didakwa di mahkamah, bot itu ditahan, katalah enam bulan selepas perbicaraan dan sebagainya, mereka hendak guna bot itu balik semula tidak boleh dah, bot sudah rosak, semua air-cond sudah rosak, boleh atau tidak kita buat pindaan ataupun misalnya semasa kes itu sedang berjalan, bot itu seminggu ditahan lepas itu dibolehkan semula untuk menggunakan bot itu buat penangkapan sementara menunggu perbicaraan, kalau tidak mereka ini dia jatuh tangga, ditimpa tangga, terkena pula tahi ayam. *[Ketawa]* Jadi, mereka begitu teruk menghadapi bila sesuatu bot itu diambil tindakan sementara menunggu perbicaraan, boleh atau tidak kita kaji untuk meminda Akta Nelayan ini.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, jatuh tangga, timpa tangga ini hendaklah dilihat dengan betul, maka naik tangga turun tangga juga mesti diperhatikan betul-betul. *[Ketawa]* Mengkaji Akta Perikanan 1985 bagi masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Kedah ini bersabit dengan tangkapan sampan ataupun bot nelayan yang berkenaan, apabila bot atau sampan nelayan yang berkenaan ditangkap dan dalam urusan untuk hendak dibawa ke mahkamah, barang ini adalah barang kes dan sebarang barang kes tidak boleh dipindah, tidak boleh diguna, tidak boleh diubahsuai. Sekiranya kita biarkan barang kes ini digunakan oleh nelayan, barang kes ini akan berubah menjadi rupa dan bentuk yang lain atau mungkin barang kes ini dirosakkan ataupun terrosak ataupun terkaram.

Bila barang ini hilang, pihak pendakwa tidak ada kekuatan untuk membawa tuduhan ke mahkamah. Saya menasihatkan supaya nelayan-nelayan ini tidak melakukan kesalahan dan kalau kita melihat seluruh tahun 1999 pun, hanya ada satu kes sahaja di Kuala Kedah ini dan tidak ada banyak kes. Saya percaya nelayan-nelayan Kuala Kedah telah memerhatikan betul-betul dan telah mengakui atas keluhuran peraturan-peraturan yang ada, yang patut mereka patuhi.

Sementara ini kita tidak berniat untuk hendak pinda akta ini. Walau bagaimanapun, ianya terpulang kepada pihak Kementerian Pertanian. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa kekurangan marine police telah mengakibatkan banyak nelayan-nelayan seperti nelayan pukat harimau sepatutnya mereka kena memukat di laut dalam, tetapi mereka sekarang telah memukat jaring mereka dekat pinggir-pinggir pulau dan juga belukar di sekitaran, saya maksudkan khas di Pulau Pinang. Di Pulau Jerejak dan di depan Batu Feringgi, mereka sampai ke tepi-tepi pantai untuk memukat pukat harimau dan nelayan-nelayan air cetek ini mereka tidak boleh berbuat apa-apa.

Jadi, masalahnya ialah kekurangan penguatkuasaan. Jadi, bolehkah Yang Berhormat menimbangkan supaya pihak marine police ini ditambahkan kerana kegiatan ini selalunya berlaku pada lewat malam. Sekian.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan. Masalah penggunaan pukat harimau oleh nelayan-nelayan ini bukannya satu perkara yang baru, ianya adalah satu perkara yang memang disukai oleh nelayan-nelayan yang tidak mahu mengikut peraturan.

Saya sangat berterima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bagan kerana mengharapkan bahawa polis marin akan mengambil tindakan dan sekiranya polis marin mengambil tindakan yang rampant pada masa-masa yang akan datang, saya berharap Yang Berhormat tidak membangkitkan di dalam Dewan ini bahawa polis terlalu ramai turun ke laut dan sehingga nelayan-nelayan menjadi takut seperti apa yang disebut waktu dalam pilihan raya di Sanggang. Dan kalau kita mahu polis turun untuk mengawal kepentingan umum dan menjaga masalah ini, saya percaya bahawa polis marin hanya bertindak apabila kita mendapat laporan pada waktu-waktu yang tertentu dan pada waktu-waktu tengah malam, subuh, sangat kurang laporan yang kita boleh terima oleh sebab nelayan-nelayan pun tidak ada di laut pada masa yang berkenaan. Insya-Allah, saya beri pengakuan, pulau-pulau yang Yang

Berhormat sebutkan tadi kita akan memberi arahan kepada polis marin kita untuk membuat rondaan dan saya berharap Yang Berhormat tidak membela orang yang kita tangkap ini. Terima kasih.

[Soalan No. 6 – Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap) tidak hadir]

7. Dr. Yee Moh Chai [Tanjong Aru] minta Perdana Menteri menyatakan sama ada imuniti dan keistimewaan para peguam yang memberi khidmat untuk kepentingan anak-anak guaman mereka telah dimansuhkan dan jikalau benar, di bawah perkara manakah dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan ianya telah dibuat.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, hak dan keistimewaan seseorang peguam diperuntukkan dalam Bahagian IV Akta Profesion Undang-undang 1976, Seksyen 8 Ordinan Peguam Bela Sabah Bab 2 dan Seksyen 8 Ordinan Peguam Bela Sarawak, Bab 110 masing-masing bagi peguam bela dan peguam cara yang menjalankan amalan di Semenanjung Malaysia, peguam bela di Sabah dan di Sarawak.

Hak dan istimewa yang dimaksudkan dalam peruntukan-peruntukan tersebut adalah hak eksklusif seseorang peguam untuk mewakili dan hadir bagi pihak kliennya di mahkamah mengikut undang-undang yang terpakai bagi mahkamah itu. Hak dan keistimewaan yang dinikmati oleh para peguam dalam memberikan khidmat kepeguaman kepada klien masing-masing tidak pernah selama ini diganggu gugat oleh mana-mana pihak dan tidak ada cadangan untuk menyekat atau mengehendkan hak keistimewaan itu, apatah lagi untuk memansuhkannya.

Ahli Yang Berhormat sendiri pasti menyedari hakikat bahawa sekiranya hak dan keistimewaan para peguam sebagaimana diperihalkan awal tadi dimansuhkan, maka akan turut terhapus fungsi asas seorang peguam dan dengan itu akan terjejaslah kepentingan orang ramai yang berurusan atau yang memerlukan apa-apa khidmat kepeguaman.

Oleh yang demikian, tidak seharusnya timbul kekhuatiran tentang kebebasan para peguam menjalankan amalan mereka di negara ini. Namun begitu, adalah tidak tepat sama sekali sekiranya hak dan keistimewaan yang diperuntukkan oleh undang-

undang ditafsirkan sebagai mutlak dan memberi para peguam kekebalan dari segi undang-undang. Di negara ini, semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata, sebagaimana yang jelas termaktub dalam Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan.

Begitulah juga halnya dengan para peguam, hak eksklusif dan keistimewaan yang bertujuan untuk memudahkan mereka memberi khidmat kepeguaman dengan sebaik-baiknya tidak menjanjikan apa-apa kekebalan daripada kuasa undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana panjang memberi kuliah undang-undang terutamanya kepada pembangkang kerana selalu mempertikaikan perundangan negara, soalan ini juga kita faham ada political motive.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan, saya cuma ingin bertanya kepada Yang Berhormat kerana Yang Berhormat seorang peguam tentang imuniti peguam sewaktu berada di mahkamah, tentang imuniti peguam-peguam sewaktu membicarakan kes-kes di mahkamah, saya ingin tahu.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Larut. Tadi, saya telah jelaskan secara panjang lebar tetapi secara ringkasnya bahawa seseorang peguam memang mempunyai kebebasan bercakap di dalam Parlimen asalkan sewaktu di mahkamah mereka menjalankan tugas-tugas mereka sebagai seorang peguam, membela anak guaman mereka dengan peraturan-peraturan dan undang-undang yang sedia ada. Namun demikian, imuniti yang dikatakan imuniti ataupun kekebalan yang selalu didakwa oleh peguam, ini sebenarnya adalah hanya merupakan inherent power yang ada kepada mahkamah dan mahkamah akan menentukan sama ada hujah-hujah peguam tersebut ada mengandungi niat jahat ataupun mala fide, ada tuduhan liar. Jadi, kalau ada perkara-perkara sebegini dan ada peguam yang mengambil kesempatan di dalam mahkamah untuk menimbulkan isu-isu, political issue sebagai contohnya ataupun ada mala fide, sudah tentu kekebalan yang ada pada peguam-peguam ini akan dipertikaikan.

Jadi, ini harus kita faham seperti mana yang kita selalu dengar terutamanya daripada pembangkang bila disebut kebebasan, mereka sebut kebebasan tanpa limit,

sedangkan kita sedia maklum bahawa setiap kebebasan ini tentu ada batasannya. Terima kasih.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah beliau sedar ekornya pendakwaan menurut Akta Hasutan terhadap rakan saya bekas Ahli Parlimen bagi Jelutong yang mendakwakan beliau membuat kenyataan dalam mahkamah yang menyoalkan manipulasi oleh tokoh-tokoh dan pemimpin-pemimpin politik dari Barisan Nasional dan juga berikutnya satu laporan yang dibentangkan bernama *Justice in Jeopardy - Malaysia 2000* yang dibentangkan oleh empat pertubuhan peguam dan pakar perundangan antarabangsa yang melaporkan bahawa kedaulatan sistem perundangan Malaysia telah pun terjejas dan kedua-dua kejadian ini telah pun menyebabkan keyakinan rakyat Malaysia terhadap sistem kehakiman dan perundangan dalam Malaysia ini semakin terhakis

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan, sila.

Tuan Tan Kok Wai: Keadilan dan suara bebas selalu dihalang dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sila keluarkan soalnya.

Tuan Tan Kok Wai: Ha, apa pula dalam mahkamah, Parlimen institusi perundangan tertinggi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jangan buang masa, keluarkan soalan.

Tuan Tan Kok Wai: Perkara-perkara begitu adalah perkara yang tertentu

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak payah membuat ucapan. Ucapan tidak payah! Kalau tidak ada soalan, saya hendak menjemput

Tuan Tan Kok Wai: yang membimbangkan kita semua ini, maka soalan saya, jika Yang Berhormat sedar, keyakinan rakyat semakin terhakis dan memandangkan imuniti peguam tidak dipastikan dalam mahkamah, apakah tindakan

yang perlu diambil oleh pihak di sana untuk menyelamatkan kedaulatan sistem kehakiman lebih terhakis dan juga memastikan peguam-peguam kerana mereka

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukuplah, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen faham!

Tuan Tan Kok Wai: Selepas kes Karpal Singh itu

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, Yang Berhormat!

Tuan Tan Kok Wai: .. peguam-peguam nampaknya tidak akan berani supaya bercakap dalam mahkamah tanpa takut atau pilih kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup, cukup!

Seorang Ahli: Cukuplah! Sila duduklah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup!

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Sudahlah, saya hendak jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau Yang Berhormat tidak mematuhi, saya minta Setiausaha Parlimen tidak payah jawab. Sila duduk!

Tuan Tan Kok Wai: Yang Berhormat boleh pastikan keadilan dapat ditegakkan tanpa pengaruh daripada mereka yang kaya dan berkuasa. [*Pembesar suara dimatikan*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila duduk!

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasihlah Yang Berhormat bagi Cheras. Tuan Yang di-Pertua, inilah, saya telah menyatakan tadi, bila sebut kebebasan ini, pembangkang ini selalu salah menggunakan kebebasan, dalam Dewan ini pun sudah nampak contoh dah. [*Tepuk*] Kebebasan dalam Dewan ini pun dia tidak tentu waktu bila hendak bertanya, waktu bila hendak berbahas, jadi kira asal dia boleh bercakap, dia taruk sama rata sahaja. [*Ketawa*]

Jadi, sebab itu kita kena ada peraturan. Begitu juga peguam! Saya telah nyatakan tadi, peguam di mahkamah, dia bebas bercakap tinggal lagi, dia jangan ada niat jahat, jangan ada mala fide dan mengenai tuduhan-tuduhan liar.

Jadi, dalam kes sahabat karib, Yang Berhormat hendak jadi hero, jadi pembela kepada Karpal Singh ini, saya tidak boleh komen, sebab ini masih lagi dalam mahkamah. Saya tidak mahu ada subjudice. Tetapi walau macam mana pun,

yang lepas kita sudah banyak dah bahas pasal kes Karpal Singh ini, saya pun sudah banyak kali bercakap dah. Itu dia buat political statement dalam mahkamah – tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik mengatakan tadi bahawa keyakinan rakyat ini seolah-olah terhakis. Sebenarnya saya hendak tegaskan kalau ada pun keyakinan rakyat ini terhakis adalah kerana permainan parti pembangkang [*Tepuk*] Yang memutarakan belitkan isu-isu mengenai kehakiman.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Saya ambil satu contoh yang dibangkitkan tadi, laporan undang-undang antarabangsa, memang betullah. Kalau laporan antarabangsa ini, yang buat kajian ini orang luar. Jadi, kalau kita mudah terpengaruh dengan laporan antarabangsa, kita sendiri pun kalau diberi peluang membuat kajian, di Amerika, di England, di mana-mana negara dalam dunia ini, sudah pasti loophole, kelemahan pentadbiran akan kita dapati. [*Tepuk*]

Seorang Ahli: Betul!

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Jadi, kalau kita mudah terpengaruh dengan laporan antarabangsa dan sampaikan perkara ini kepada rakyat, sudah tentu rakyat diberikan maklumat yang salah. Jadi, inilah kebebasan yang saya nyatakan tadi. Pembangkang harus tahu setakat mana kebebasan yang harus dan boleh digunakan. [*Tepuk*] Terima kasih.

8. Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling] minta Perdana Menteri menyatakan apakah asas yang ditetapkan oleh pihak kerajaan bagi membolehkan sesuatu syarikat diberikan Sijil Halal ke atas barangan keluaran mereka dan siapakah yang bertanggungjawab terhadap pemantauan tersebut.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengeluarkan satu garis panduan yang bertajuk Garis Panduan makanan, minuman dan bahan gunaan orang Islam. Garis panduan ini menetapkan asas-asas bagi melayakkan sesebuah syarikat dipertimbangkan untuk mendapat pengesahan halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) seperti berikut:-

- (i) bahan iaitu bahan ramuan utama dan bahan ramuan tambahan mestilah berasaskan sumber yang halal dengan mengemukakan dokumen sokongan mengenainya;
- (ii) cara pengendalian seperti kaedah pengangkutan barang-barang, penyimpanan, pemprosesan, penghidangan, penyajian, pembungkusan dan sebagainya mestilah tidak bersentuh dengan benda yang najis.
- (iii) peralatan yang diguna pakai seperti peti sejuk, alat pemotongan, alat memasak dan sebagainya hendaklah bersih dan suci daripada sebarang najis; dan
- (iv) kebersihan merangkumi setiap aspek seperti kebersihan tempat memasak atau memproses, cara membasuh, kebersihan dan kesihatan pekerja dan sebagainya.

Pemantauan ke atas barangan dalam negeri dibuat oleh JAKIM atau Jabatan Agama Islam Negeri dengan dilakukan bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, manakala pemantauan ke atas barang-barang yang disahkan halal oleh Badan Islam di luar negeri yang telah diperakukan oleh JAKIM dilakukan oleh Badan Islam itu sendiri. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan bahawa kawalan halal haram makanan untuk rakyat ataupun orang Islam ini yang terbaik ialah Malaysia. Boleh dapat komen sedikit daripada
[Disampuk]

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memang kita tidak nafikan selain daripada Malaysia ada juga negara-negara lain yang mengeluarkan halal haram tetapi di negara kita dengan adanya tanda halal haram ini sesungguhnya memberikan peluang perniagaan yang lebih baik kepada syarikat yang telah pun mendapatkan tanda halal haram ini kerana apabila ada halal haram ini, ianya bukan sahaja akan digunakan tanpa ragu-ragu oleh rakyat negara ini. Tetapi apabila barang-barang mereka ini dieksport ke luar negara yang mana terutamanya kepada negara-negara Islam dan juga pengguna-pengguna Islam di luar

negara. Sudah tentu pengguna-pengguna Islam ini tidak ragu-ragu mengguna barang keluaran yang ada tanda halal.

Jadi, dengan ini sudah tentu akan memberi pendapatan yang lebih kepada syarikat berkenaan dan negara kita merupakan sebuah negara yang ke depan daripada segi menentukan halal haram ini kalau dibandingkan dengan negara-negara yang lain. Terima kasih.

Tuan Taib Azamuddin bin Md. Taib: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kita tidak nafikan bahawa sedikit sebanyak kejayaan telah kita perolehi dalam usaha-usaha untuk mengawal makanan halal di dalam negara kita. Cuma, Al-Quranul Karim menekankan [*Bercakap bahasa Arab*] bukan sahaja halal tetapi ‘taiyiba’.

Jadi, taiyiba ini pada hemat saya bolehlah kita ertikan atau termasuk dalam masalah-masalah yang berkaitan dengan pengurusan dan penyediaan yang lebih profesional.

Jadi, dengan sebab itu – soalan saya, apakah kerajaan berhasrat untuk mengiktiraf satu piawai yang telah dan sedang diusahakan oleh Persatuan Pengguna Islam Malaysia yang dinamakan ISI 2020 seperti mana pengiktirafan kita terhadap perkara-perkara lain dalam bidang

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, minta ringkaskan. Minta ringkaskan.

Tuan Taib Azamuddin bin Md. Taib:pengurusan pentadbiran yang ISO 2000 dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Baling. Jadi, kalau pembangkang cakap macam itu, kita pun rasa sejujlah hati, kenalah terima juga yang mana betul, itu kena kata betul. [*Ketawa*] [*Tepuk*] Yang ada kemajuan kita kena terima. Janganlah kata semua tidak betul.

Jadi, mengenai cadangan Yang Berhormat, kita memang setuju supaya halal haram ini memang amat penting daripada segi agama terutamanya sebagai orang Melayu khususnya, memang kita begitu prihatin mengenai halal haram.

Jadi, untuk masa ini kerajaan telah pun melantik sebuah syarikat iaitu Ilham Daya Sendirian Berhad mulai 30 September 1998. Jadi, syarikat ini dilantik dan syarikat inilah yang akan buat penyiasatan seperti mana yang saya nyatakan tadi mengenai bahan, cara pengendalian, peralatan kebersihan, syarikat ini akan buat kajian. Apabila syarikat ini telah buat kajian mereka akan buat perakuan, mereka akan buat perakuan kepada Jawatankuasa Persijilan Halal Haram yang terletak di bawah JAKIM dan dengan ada perakuan-perakuan tersebut, maka barulah sijil ini kita keluarkan. Dan sudah tentu dalam negara kita, kita sentiasa ingin meninggikan perkhidmatan kita dan cadangan-cadangan Yang Berhormat tadi, insya-Allah kita akan ambil kira. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6 dan 9 hingga 20 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

**USUL MENARIK BALIK BACAAN KALI KEDUA
DAN KETIGA RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG KUALITI ALAM SEKELILING
(PINDAAN) 2000**

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, saya memohon menarik balik Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2000 bagi bacaan kali yang kedua dan ketiga untuk dikemukakan dalam sesi yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN
(1999) (2000)****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.4) 1999**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) 2000 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak lima ratus dua puluh dua juta tiga ratus tujuh puluh sembilan ribu dua ratus sembilan puluh lima ringgit (RM522,379,295) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1999, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat, 1999 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 2000 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut hendaklah disahkan.” *[12 April 2000]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong diminta menyambung ucapan.

11.07 pagi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, semalam memang ada satu majlis yang memang bermakna. Saya berharap dapat merapatkan kemesraan dan silaturahim tetapi nampaknya suasana kadangkala ada ahli Barisan Nasional yang campur dengan kita, dia pun takut juga kerana ada fear group dia, dia takut.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Minta apa Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw:inilah masalah kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Minta apa, kata?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya. *[Ketawa]* Mengenai masalah majlis walaupun tujuan baik tetapi suasana yang perlu dipertingkatkan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah ini perkara berkaitan dengan Perbekalan Tambahan?

Dr. Tan Seng Giaw: Oh, memang ada kena-mengena kerana kita *[Ketawa]* *[Disampuk]* – duit kita, kita hendak *[Ketawa]* – duit kita. Ya, Perbekalan Tambahan datang dari kita juga untuk majlis seperti mana yang disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah mencadangkan supaya diadakan undang-undang dan penguatkuasaan yang lebih ketat, yang lebih berkesan untuk membanteraskan penjenayahan teknologi tinggi termasuk pencurian wang menerusi mesin pengeluaran wang automatik ATM yang didapati di beberapa tempat termasuk sekarang di Machang, di Kota Bharu dan saya percaya akan wujudnya masalah ini di banyak tempat lagi.

Ini bermakna pihak sistem perbankan termasuk Bank Negara dan polis tidak mempunyai kaedah yang cukup, sistem yang berkesan untuk menangani penjenayahan teknologi tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ada sebutkan iaitu Pelan Induk Industri Bank untuk menangani pelbagai masalah termasuk daya saingan, kecekapan dan ekuiti orang asing di dalam bank-bank tempatan ketika era globalisasi ini sambil mengatasi penyelewengan-penyelewengan dan pengurusan yang kurang cekap termasuk apa yang berlaku di dalam Bank Bumiputra selama lebih dua dekad. Banyak perkara yang berlaku termasuk apabila digabungkan dengan Bank of Commerce pun – Bumiputra Commerce Bank sekarang ini. Memang ada wujud masalah dan kita mesti ambil iktibarnya. *[Disampuk]* Ya, Melaka pun hentam bank pula.

Sambil mengatasi semua penyelewengan ini, kita mestilah meningkatkan pengawalseliaan ke atas semua bank di negara ini dan selepas itu bank-bank tempatan mestilah membuka lebih banyak cawangan di negara-negara rantau ini supaya kita dapat prestasi yang lebih baik dan itu pun menunjukkan keberkesanan

dan kecekapan bank-bank tempatan untuk membuka cawangan-cawangan di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada master plan untuk bank-bank saya hendak mencadangkan supaya pihak Kementerian Pendidikan sekarang asyik untuk menambahkan bilangan pelajar di 11 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Memang ini satu hasrat untuk menambahkan tenaga mahir bagi negara ini.

Tujuannya baik, maksudnya baik tetapi bayangkanlah Tuan Yang di-Pertua, sekarang di negara ini di IPTA, kemudahan-kemudahan termasuk tenaga pengajar sangat kurang. Kalau satu kuliahnya dapat menampung misalnya 50 orang pelajar. Sekarang ditambahkan kepada 100, 200 orang dengan begitu cepat dan kita tidak dapat memastikan kualiti dan standard pendidikan itu boleh dikekalkan ataupun boleh dipertingkatkan. Sebab ada standard itu tidak cukup lagi walaupun IPTA ada standard-standard tidak cukup. Dan sekarang kita hendak tambahkan kepada 20,000 setiap tahun, kita akan ambil 20,000 pelajar.

Ini bermakna kalau sebelas IPTA, lebih daripada 200,000 orang pelajar diambil setiap tahun. Adakah pihak Kementerian Pendidikan mampu untuk menampung keperluan ini? Saya tidak menafikan kita perlukan lebih ramai pelajar di IPTA dan bukan sahaja IPTA, IPTS juga tetapi adakah kita mampu dari semua aspek termasuk kemudahan asas dan tenaga pengajar kerana kita tidak cukup dan sebab itulah saya menyeru supaya Kementerian Pendidikan mengeluarkan satu Kertas Putih di dalam Dewan yang mulia ini untuk memberi penjelasan bagaimana bilangan pelajar ditambahkan tanpa menjejaskan standard dan kualiti pendidikan. Itu memang saya berharap pada sesi akan datang kita dapat satu Kertas Putih di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai Kompleks Sukan Bukit Jalil dan walaupun kita hendak berusaha untuk menganjurkan satu temasya sukan Asia pada tahun 2006 dan kita pun mintalah diluluskan apa yang telah dibelanjakan RM120 juta untuk Kompleks Sukan Bukit Jalil.

Tuan Yang di-Pertua, selepas beberapa bulan sahaja temasya Sukan Komanwel kita dapati padang, sampah sarap dan sebagainya, papan tanda sudah

rosak ada tempat-tempat yang karat dan sebagainya dan busuk. Apakah masalah penyelenggaraan bagi kompleks sukan kita? Kalau standard kita hanya untuk menunjukkan kebolehan semasa temasya sukan kemudian beberapa bulan selepas itu kita tidak ada kecekapan untuk mengendalikan, untuk menyelenggarakan, apakah gunanya? Ini memang tidak baiklah bagi negara kita. Walaupun imej itu buat satu ketika baik tetapi kemudian kita membazirkan wang, kita tidak dapat kebolehan.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Di sini saya boleh katakan 'Malaysia tidak boleh' kalau lihat Bukit Jalil dan sebab itulah walaupun kita hendak adakan temasya sukan antarabangsa, kita mesti memastikan sepanjang masa kecekapan kita untuk menguruskan stadium kita, untuk menguruskan semua kemudahan sukan kita di dalam negara. Itu memang satu perkara yang penting.

Dan seterusnya kembali kepada Kementerian Pendidikan, walaupun Setiausaha Parlimen semalam ada katakan kita sudah pun bermula dengan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah lebih ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana lebih pulak? Ada banyak masalah yang penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yalah, sambung – kita 10 minit.

Dr. Tan Seng Giaw: Banyak soal penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Semalam sudah beri lima minit. Hari ini sudah lebih daripada limalah.

Dr. Tan Seng Giaw: Lima dah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Kalau dua minit lagi boleh tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Satu minit lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Satu sahaja. *[Ketawa] [Disampuk]* sekolah bestari, 86 disebutkan oleh Setiausaha Parlimen bahawa ada bermula dengan usaha untuk membestarikan sekolah-sekolah yang berjumlah 86 buah ini.

Tuan Yang di-Pertua, pengisian software kita ini tidak disiapkan ataupun belum sempurna lagi, entahlah berapa tahun sudah disebutkan projek sekolah bestari ini tetapi sampai sekarang pengisian komputer kita tidak siapkan. Apakah masalah untuk menyiapkan pengisian komputer kita di dalam sekolah-sekolah bestari ini? Bukan sahaja pengisian komputer kita, bahkan bilangan komputer dan kemudahan-kemudahan moden yang – kerana yang bestari itu yang disebutkan ialah cara-cara yang moden, cara-cara yang berkesan untuk mewujudkan suasana pendidikan di sekolah-sekolah yang berjumlah 90 buah itu.

Bukan bestari sangat tetapi kemudahan itu kerana moden dan cara-cara dan teknik moden untuk mendidik pelajar-pelajar tetapi kalau kita tidak ada pengisian yang mengambil bertahun-tahun untuk menyempurnakan pengisian komputer kita, apakah kita harapkan dengan sekolah bestari ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya berhenti betul-betul tempat noktah. Ini sebelah Gelang Patah. Ya, ya. Sila.

11.17 pagi.

Datuk Lau Ngan Siew [Sandakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat 1999.

Saya ingin menarik perhatian Kementerian Dalam Negeri mengenai masalah-masalah yang berlaku dalam industri perladangan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pekerja-pekerja industri perladangan. Industri perladangan di Sabah sedang menghadapi masalah tekanan dalam menggaji dan mengekalkan buruh-buruh asing bagi memenuhi sumber tenaga yang diperlukan. Ini adalah kerana industri perladangan merupakan industri intensif buruh. Ekroan

daripada kurangnya minat pekerja-pekerja tempatan berkerja di dalam sektor perladangan, maka para pengusaha ladang terpaksa mengupah buruh-buruh asing dari negara luar, seperti Indonesia dan Filipina untuk bekerja di ladang mereka.

Malangnya, baru bekerja satu dan dua bulan dengan majikan mereka, timbul pula masalah lain di mana buruh-buruh asing meninggalkan majikan mereka setelah segala urusan pembayaran yuran pendaftaran dan yuran-yuran yang lain telah dijelaskan oleh majikan mereka. Sebenarnya, buruh-buruh asing ini masih berada di daerah Sandakan, cuma tidak diketahui di mana mereka berada. Ada yang melaporkan sesetengah daripada mereka telah berkerja di sektor perladangan yang lain.

Berikutan daripada kejadian ini terdapat segelintir para pemilik ladang yang lain telah mengambil kesempatan dengan menawarkan kemudahan dan gaji yang lebih tinggi untuk menarik perhatian buruh-buruh asing yang meninggalkan majikan mereka. Memandangkan tawaran yang diberikan adalah lumayan, sudah tentu mereka menerima tawaran tersebut tanpa berfikir panjang.

Pemilik ladang ini memang tidak mempunyai sikap prihatin dan daya saing yang positif kerana mereka menggunakan taktik yang kurang sihat untuk mendapatkan tenaga kerja pengusaha lain, di mana mereka tidak perlu mengeluarkan kos perbelanjaan terhadap yuran pendaftaran dan yuran-yuran lain yang dikenakan kepada buruh-buruh asing seperti yang dikenakan kepada majikan mereka.

Oleh kerana perbuatan milik peladang ini, yang telah mengambil kesempatan yang ada – masalah yang dialami oleh majikan buruh-buruh asing ini tadi, maka majikan mereka mengalami kerumitan di dalam kekurangan sumber tenaga kerja di sektor perladangannya. Ini perlu mengakibatkan segala urusan dan perkembangan sektor perladangannya terbengkalai. Sebagai jalan penyelesaiannya majikan mereka terpaksa mengupah tenaga kerja yang baru untuk mengganti buruh-buruh asing yang telah melarikan diri dari majikan mereka.

Oleh sebab itu, para pengusaha ladang yang terbabit dengan masalah sebegini merayu kepada kerajaan atau Jabatan Imigresen atau jabatan-jabatan yang terlibat dalam pendaftaran kemasukan buruh-buruh asing ini dapat membantu mereka

meringankan beban mereka tentang membenarkan mereka mengambil buruh asing yang lain bagi menggantikan buruh-buruh asing yang lari itu tanpa mengenakan bayaran yuran pendaftaran terhadap pengambilan ini. Kerana proses untuk mendapat kelulusan mengupah buruh-buruh asing ini mengambil satu jangka masa yang panjang untuk meluluskannya. Mereka juga merayu agar proses mendapat kelulusan ini dapat dipercepatkan dan tidak perlu mengambil begitu banyak dokumen yang perlu diluluskan kerana majikan ini memerlukan tenaga kerja yang mencukupi dalam masa yang singkat ini.

Memandangkan keadaan rumit yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha ladang di Sabah, saya merayu agar kerajaan dapat mengkaji dan menyelesaikan masalah ini secepat mungkin. Saya juga amat menyokong tindakan undang-undang yang dikenakan oleh kerajaan pada buruh-buruh asing yang melarikan diri dari majikan mereka. Tindakan itu ialah mengenakan denda dan sebatan sekiranya buruh-buruh asing ini didapati telah kali kedua datang semula ke negara kita setelah dihantar pulang ke negara mereka. Ini adalah satu tindakan yang bijak dan perlu dilaksanakan bagi memastikan buruh-buruh asing ini lebih berdisiplin dan mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan semasa mereka berada di negara kita.

Begitu juga dengan pengusaha ladang yang mengambil kesempatan, mengambil tenaga kerja pengusaha yang lain, mereka ini juga perlu dikenakan tindakan undang-undang yang setimpal dengan kesalahan mereka. Dengan cara ini sudah tentu industri perladangan kita dapat berkembang maju dengan daya saing yang mencabar, tabah menghadapi tekanan dalam perkembangannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Kementerian Pertanian mengenai masalah dalam sektor perikanan di Sabah. Pengeboman ikan di Sabah semakin berleluasa kian hari. Amalan sedemikian adalah amalan yang sering dipraktikkan oleh nelayan yang inginkan penangkapan yang cepat dan murah. Amalan yang mementingkan diri sendiri ini akan menjejaskan penangkapan ikan pada masa depan. Ini adalah kerana sekiranya bom ikan digunakan bukan sahaja anak-anak ikan yang terkorban malah terumbu karang yang merupakan habitat ikan-ikan akan musnah. Dengan kata lain, pembiakan ikan akan terancam. Amalan

pengeboman ikan di Sabah telah sampai ke tahap yang agak membimbangkan. Tangkapan demi tangkapan terhadap nelayan-nelayan yang menjalankan aktiviti-aktiviti ini adalah juga disiarkan di dalam surat-surat khabar tempatan, contohnya baru-baru ini tangkapan melibatkan 850 kg dan 1300 kg ikan bom di Lahat Datu dan Kota Kinabalu.

Namun demikian, tangkapan terhadap nelayan yang menjalankan aktiviti pengeboman ikan masih lagi kurang di Sandakan, walaupun bom ikan banyak dijual di pasar Sandakan. Oleh itu pihak marin polis dan jabatan-jabatan kerajaan yang berkenaan haruslah bergabung dan membentuk satu jawatankuasa bagi menghapuskan amalan pengeboman ikan ini, perundangan sama ada di luar mahupun di pasar-pasar ikan, haruslah ditambah bagi mengesan mereka yang terlibat. Mengikut undang-undang Akta Perikanan 1985, subseksyen 26(1)(c);

“Seseorang yang didapati terlibat dalam aktiviti pengeboman ikan, denda tidak melebihi RM20 ribu atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.”

Sekiranya kegiatan ini ingin dihapuskan saya berpendapat bahawa hukuman yang lebih berat perlulah dijatuhkan terhadap mereka yang terlibat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila gulung Yang Berhormat.

Datuk Lau Ngan Siew: Sikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Datuk Lau Ngan Siew: Antaranya ialah penjara dan rotan. Peruntukan yang lebih juga perlu ditambah kepada pihak marin agar boleh menambah bilangan mereka yang menjalankan tanggungjawab mereka dalam menangani masalah pengeboman ini serta melindungi industri perikanan. Jikalau tidak, industri perikanan di Sabah kelak akan musnah dan akhirnya akan menjejaskan hidupan dan pendapatan nelayan-nelayan dengan teruk. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pokok Sena.

11.28 pagi.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan telah memulakan langkah terhadap perubahan struktur ekonomi negara kita dari p-ekonomi kepada k-ekonomi. Ilmu pengetahuan dan maklumat yang menjadi teras kepada k-ekonomi sepatutnya boleh membantu kepada pengukuhan sistem demokrasi di dalam negara kita. Tetapi apa yang sedang berlaku di dalam negara kita seolah-olah kerajaan sedang mengemukakan satu master plan kepada rakyat dalam usaha untuk menguruskeringkan lagi demokrasi di negara ini. Di Melaka baru-baru ini, Ketua Menteri yang menjadi badut kepada Barisan Nasional melakukan perkara yang paling lawak dan lucu dalam tempoh 43 tahun sejarah kemerdekaan negara ini. Belum pernah berlaku kerajaan mengenakan sekatan secara langsung terhadap orang-orang yang menyokong parti pembangkang, mengeluarkan RM40 juta daripada Bank Islam dan Bumiputera Commerce Bank kerana ada staf bank kononnya menyokong parti pembangkang adalah sangat bercanggah dengan amalan demokrasi.

Saya mencabar Kerajaan Negeri Melaka untuk membuktikan siapakah yang membocorkan rahsia tersebut dan jika benar ada, mengapakah individu tersebut tidak didakwa sebaliknya bank yang menjadi mangsa. Mengapa doktor panel, peguam panel, kontraktor bumiputera disenaraihitamkan untuk kepentingan UMNO dan Barisan Nasional. Adakah menjadi kesalahan di negara kita sekarang ini, seseorang itu jika ianya condong untuk menyokong kebenaran yang dibawa oleh pembangkang di negara kita. Minggu lepas sekali lagi Ketua Menteri Melaka yang menjadi badut Barisan Nasional melarang pula agensi kerajaan Barisan Nasional mengadakan lawatan rasmi ke Kelantan dan Terengganu. Inilah tindakan yang paling 'lok-lak' dalam dunia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, panjang hendak cakap hal itu, nampak masa itu ya....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, para pemimpin Barisan Nasional sekarang ini begitu rancak membincangkan isu perpecahan yang kononnya berpunca daripada PAS. Saya hendak memperingatkan Dewan yang

mulia ini bahawa rakyat Malaysia sebenarnya tidak berpecah-belah, yang berlaku hanyalah perbezaan fahaman politik yang sebenarnya diizinkan oleh Perlembagaan kita sendiri. Adalah sangat sempit jika kita mengatakan orang Melayu yang berpecah kerana menyokong BA dan sebahagian yang lain menyokong UMNO. UMNO hanya disokong dan diundi oleh orang Melayu hanya 36%, diakui sendiri dalam kenyataan yang dibuat oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar.

Adalah sangat sempit jika kita mengatakan orang Melayu berpecah kerana sebahagian menyokong Barisan Alternatif dan sebahagian kecil lagi menyokong UMNO dan Barisan Nasional. Begitu juga kaum China yang menyokong DAP, MCA dan Gerakan, bukanlah gambaran perpecahan tetapi ialah gambaran kematangan rakyat untuk berfikir, menilai, meneliti dan akhirnya berubah daripada kezaliman kepada kebenaran. Allah mengingatkan kita dalam firmanNya yang bermaksud, *“Wahai orang-orang yang beriman, tolong menolonglah kamu ke arah kebaikan dan janganlah bertolongan untuk melakukan perkara yang keji dan permusuhan”*.

UMNO dan Barisan Nasional cuba menggambarkan kepada rakyat bahawa perubahan daripada menyokong UMNO kepada menyokong PAS adalah sesuatu perpecahan dan PAS dilabelkan sebagai ejen perpecahan tersebut. Pada hemat saya, adalah sangat memalukan apabila kita mengatakan satu perpaduan, bila kita sama menyokong kezaliman, dan kita mengatakan satu perpecahan apabila rakyat berubah daripada kezaliman kepada kebenaran.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Mukadimah panjang tu Yang Berhormat. Pergi kepada maksud tambahan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Jika dikatakan wujudnya perpecahan, saya ingin mengajak Dewan yang mulia ini untuk melihat kembali sejarah perpecahan yang dikatakan berlaku perpecahan di kalangan umat Melayu berlaku semenjak merdeka. Siapakah yang menjadi ejen kepada perpecahan. Perpecahan sebenarnya bermula apabila UMNO menerima dan membawa masuk sekularisme untuk bersaing dengan Islam yang telah dipegang kukuh oleh umat Islam di negara ini. Almarhum Tunku Abdul Rahman dalam bukunya sebelum dan selepas 13 Mei,

pernah menyebut secara serius mengatakan bahawa Dr. Mahathir yang kini menjadi Perdana Menteri, turut memainkan peranan menyumbang kepada perbalahan kaum pada waktu itu. Malah bukan sahaja Malay Dilema kata Tunku, tetapi surat-surat beracun ini dikatakan diedarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang ini juga menjadi penyumbang kepada perbalahan kaum. PAS langsung tidak terlibat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya ingat cukup Yang Berhormat, yang lain pula Yang Berhormat ya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ya. Pada November 1985, pemimpin PAS telah diserang dan dibunuh di Mamali, angkara siapakah ini Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat, tidak usah ungkit, Yang Berhormat tidak usahlah ungkit banyak sangatlah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Pada tahun 1987, orang-orang Melayu telah berpecah kerana UMNO dan ia tidak ada kaitan langsung dengan PAS.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, cukuplah tu.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya percaya bahawa Timbalan Perdana Menteri juga boleh memperjelaskan benda ini kerana beliau juga terlibat dengan Team 'B' – Gua Musang, Jelebu, Bagan Serai, Jerantut tentu tahu cerita sebenarnya. Nasib baik PAS dapat satukan mereka di bawah payung Angkatan Perpaduan Ummah. Tentu kita juga masih ingat siapa yang menghina dan menceroahi institusi kehakiman pada tahun 1988 sehingga Ketua Hakim Negara terpecat dan UMNO jugalah yang mengugut orang-orang China di dalam sesuatu perhimpunan yang dirancang untuk diadakan di Stadium Raja Muda pada tahun 1987, UMNO jugalah yang menjatuhkan maruah raja-raja dalam tahun 1992. Dalam tahun 1998 sekali lagi rakyat berpecah, angkara fitnah yang ditaja oleh UMNO dan Barisan Nasional.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat, cukup.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya juga meyakini bahawa rakyat negara ini

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat, yang lain Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ya. Saya juga meyakini rakyat negara ini akan mengambil semangat hijrah yang baru kita sambut seminggu yang lepas untuk memulakan perubahan politik, daripada politik sempit berteraskan perkauman, kezaliman, tipu daya, kerakusan pemimpin dan perpecahan kepada satu sistem politik yang lebih adil, telus dan berorientasikan perpaduan, berlandaskan semangat kesatuan akidah Islam dan kecintaan kepada negara. Islam sendiri sedang diterima oleh umat Islam sebagai satu sistem menyeluruh bukan lagi terpengaruh dengan teori 'politik suku, agama suku' yang disuntik oleh para sekularis Barisan Nasional kerana itu ura-ura untuk membuang Islam daripada PAS telah mula ke dengarannya. Saya tahu bahawa tindakan itu pasti akan ditentang oleh umat Islam.

Dewan yang mulia ini harus menyedari bahawa umat Islam sedang menolak politik perpecahan dan segala bentuk provokasi politik yang mendorong kepada perpecahan yang boleh melemahkan umat Islam. Kerana itulah untuk mempertahankan perpaduan ini umat Islam telah menyedari bahawa bukanlah dengan terus bersatu menyokong kezaliman dan penindasan akan mengekalkan perpaduan. Perpindahan minda, pendirian sikap dan perubahan undi daripada menyokong kezaliman Barisan Nasional kepada menyokong kebenaran dan keadilan yang dibawa oleh PAS dan Barisan Alternatif adalah tidak boleh diistilahkan sebagai perpecahan tetapi perbuatan keji yang terus menindas rakyat bahawa akan melahirkan perpecahan yang berterusan. Rakyat sebenarnya telah bersedia untuk berhijrah daripada bersatu di bawah payung kezaliman Barisan Nasional kepada perpaduan di bawah naungan kebenaran yang dibawa oleh PAS dan Barisan Alternatif. Semangat perpaduan dan kerjasama kaum Muhajirin dan Ansar, saya percaya sedang ditelani dan akan diterjemahkan seterusnya oleh umat Islam di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyebut tentang Enakmen Pengawalan Akidah 2000, Negeri Perlis yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Perlis baru-baru ini. Enakmen ini adalah sangat bercanggah dengan undang-undang syarak dan ianya bukanlah undang-undang Islam. Adakah dengan kita mengambil tindakan menahan orang yang ingin keluar daripada Islam selama setahun di pusat pemulihan akidah dan jika gagal dipulihkan lalu Mahkamah Tinggi Syariah perlu mengisytiharkannya sebagai bukan lagi orang Islam, sebagai satu pencegahan murtad. Ini adalah satu lesen untuk membolehkan hukuman Islam murtad secara sah mengikut undang-undang.

Apakah setelah setahun ditahan lalu diisytiharkan sebagai murtad dianggap pencegahan dan pengawalan. Ini adalah pengiktirafan kerajaan terhadap kemurtadan dan umat Islam di negara ini. Tidak ada penghukuman yang dikenakan. Sedangkan Islam telah menetapkan hukuman bunuh ke atas orang yang murtad, saya harap kerajaan boleh merujuk Al-Quran dalam Surah Al-Maidah dalam ayat 21, dan Al-Baqarah dalam ayat 217, sepertimana juga disebut oleh Ibnu Al-Humam dalam Sarah Fatil Al-Khadir, jilid 4 halaman 407, bahawa orang yang menukar agama daripada Islam kepada bukan Islam mesti dibunuh berdasarkan kepada hadis nabi yang menyebut antara lain maksudnya, "*Barang siapa menukar agama, maka bunuhlah ia.*"

Hadis ini adalah hadis yang sahih, diriwayatkan oleh semua perawi hadis kecuali Imam Muslim. Ini hadis yang sangat kuat, saya tidak tahu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis, dia ambil riwayat mana. Mungkin dia ambil riwayat Ibnu Kasim Baba. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak bolehlah bercakap begitu Yang Berhormat, itu pendapat ulama, canggah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya menyeru Menteri Besar Perlis untuk mengadakan muzakarah secara terbuka dengan para mufti kerajaan dan ahli-ahli akademi Islam untuk membuktikan bahawa enakmen ini selaras dengan kehendak syarak. Beliau tidak perlu berbangga kerana berjaya membawa dan meluluskan undang-undang ini di DUN Perlis. Tetapi beliau sepatutnya merasa

hina dan malu kerana membuat undang-undang yang sangat bercanggah dengan Al-Quran dan sunnah hadis Nabi s.a.w., dan merugikan masa depan umat Islam.

Saya juga meminta Menteri di Jabatan Perdana Menteri agar menarik balik gesaan beliau supaya semua negeri menerima pakai undang-undang tersebut. Ini adalah hudud UMNO rupanya. Apa yang berlaku di Perlis adalah tamparan hebat kepada umat Islam kerana ianya diluluskan ketika umat Islam sedang menyambut tahun baru hijrah. Sekianlah sahaja, dan saya mengharap ucapan saya ini akan mendapat perhatian daripada kerajaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Gelang Patah.

11.38 pagi

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang keemasan kepada saya untuk membahas Akta Perbekalan Tambahan (1999) 2000. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan perlu meneruskan dasar pendidikan yang terbuka. Penggunaan bahasa Malaysia di semua peringkat pengajian perlu digalakkan. Namun penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar juga tidak boleh diabaikan supaya mereka dapat berkomunikasi dengan berkesan di peringkat antarabangsa dan belajar bersungguh-sungguh buku-buku ilmu pengetahuan dalam bahasa Inggeris terutama semasa mereka belajar di IPTA dan IPTS.

Tuan Yang di-Pertua, komposisi penduduk Malaysia yang berbilang kaum juga menghendaki dasar pendidikan negara ini turut memberi perhatian terhadap pembelajaran bahasa ibunda masing-masing kaum. Sikap terbuka kerajaan Barisan Nasional terhadap perkembangan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan China dan Tamil perlu diteruskan. Penubuhan sekolah jenis kebangsaan China dan Tamil yang baru di kawasan bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bharu, Penang adalah sangat diperlukan supaya dapat menyelesaikan masalah-masalah kekurangan sekolah jenis kebangsaan China dan Tamil dan kesesakan murid-murid di bilik darjah di kawasan bandar.

Keadaan sekolah yang terlalu sesak seperti Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Pu Sze Skudai, di kawasan saya yang mempunyai 4,326 murid sekolah di tapak seluasnya 2.2 ekar, akan menjejaskan proses pembelajaran para pelajar dan secara tidak langsung membantut usaha pembangunan sumber manusia negara. Oleh yang demikian, saya harap pihak kerajaan akan dapat menimbang permohonan jemaah pengurus sekolah itu untuk menubuhkan sekolah yang kedua untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Pu Sze di kawasan Parlimen Gelang Patah.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan perlu meneruskan kebenaran pemindahan sekolah jenis kebangsaan (Cina) dari kawasan estet ke tapak rizab pendidikan di taman-taman perumahan di kawasan bandar.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, setiap projek perumahan yang baru perlu menyediakan keluasan tanah yang tertentu bagi maksud rizab pendidikan. Tanah-tanah rizab pendidikan untuk sekolah rendah harus dibahagikan di antara sekolah-sekolah rendah kebangsaan dan jenis kebangsaan mengikut keperluan masing-masing supaya perancangan yang sempurna dan menyeluruh untuk sekolah-sekolah tersebut dapat diadakan.

Kita mesti mengakui bahawa masih terdapat sesetengah pihak yang merasa kurang senang hati dengan kewujudan sekolah-sekolah jenis kebangsaan di negara ini. Mereka ini berpendapat kononnya kewujudan sekolah-sekolah ini yang menggunakan bahasa ibunda kaum Cina atau kaum India sebagai bahasa penghantar akan memecahbelahkan masyarakat Malaysia yang majmuk. Mujurlah kita mempunyai pemimpin-pemimpin negara yang tidak terpengaruh dengan fahaman yang ekstrim ini.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi telah berkali-kali menjelaskan bahawa rakyat Malaysia yang mendapat pendidikan bahasa ibunda langsung tidak mendatangkan sebarang masalah kepada proses penyatupaduan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Mereka ini juga turut menyumbang kepada pembangunan negara dalam semua bidang dan baru-baru ini memberi sokongan kuat kepada calon-calon Barisan Nasional dalam pilihan raya umum pada 29 November

1999, yang telah dapat meyakinkan pelabur dalaman dan pelabur asing untuk melabur di negara kita ini oleh kerana Barisan Nasional memperolehi lebih dua pertiga kerusi dalam Dewan Rakyat yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam saat-saat genting semasa krisis ekonomi baru-baru ini, rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang pendidikan juga telah bersatu hati menggemblengkan tenaga, membantu negara keluar dari belenggu krisis ekonomi. Oleh yang demikian, adalah menjadi harapan agar semua pihak kerajaan akan terus bersikap liberal terhadap pendidikan bahasa ibunda di negara ini. Masyarakat majmuk yang dapat berkomunikasi menggunakan beberapa bahasa merupakan satu aset kepada negara kita dalam era globalisasi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kelapan, yang akan datang, saya berharap pihak Kementerian Pendidikan akan mengadakan Program Perancangan Projek-projek Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan dan Jenis Kebangsaan sejajar dengan kehendak-kehendak murid-murid berbilang kaum.

Pihak Kementerian Pendidikan perlu mempertingkatkan usaha untuk menangani masalah kekurangan guru yang serius di sekolah rendah jenis kebangsaan (Cina) terutama sekolah-sekolah itu di kawasan bandar seperti di Johor Bahru. Kekurangan guru-guru di sekolah ini akan menjejaskan prestasi pendidikan sekolah itu.

Selain daripada itu, saya berharap pihak Kementerian Pendidikan akan menambah peruntukan kewangan kepada sekolah rendah jenis kebangsaan (Cina) dan (Tamil) sama ada jenis bantuan modal atau bantuan penuh. Jika boleh adalah wajar perjenisian bantuan penuh dan modal untuk sekolah rendah jenis kebangsaan (Cina) dan (Tamil) agar dapat dimansuhkan tanpa syarat demi kepentingan pendidikan.

Sekolah merupakan tapak persemaian generasi muda yang bakal menjadi sumber tenaga [*Disampuk*] Ya, okay.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Sipitang minta penjelasan. Ya, sila.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Minta penjelasan daripada jiran sebelah, Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju betul dengan pendapat Yang Berhormat

bagi Gelang Patah bahawa pendidikan, baik di bandar ataupun di luar bandar ketidakcukupan ruang sekolah ataupun kelas ini agak serius sekarang. Negara kita menuju ke arah untuk menjadikan rantau ini sebagai pusat kecemerlangan pendidikan. Tetapi di kawasan-kawasan perumahan dan juga kawasan luar bandar yang ada sekarang ini masih jauh tertinggal dan jikalau kadar yang kita ada sekarang ini tidak mungkin kita boleh mengejar kepada tahap negara maju pada tahun 2020. Kita perhatikan di kawasan luar bandar masih ada lagi sekolah yang tidak cukup kelas, masih ada lagi banyak sekolah yang tidak cukup guru, kadang-kadang itu guru kelulusan Tingkatan Lima mengajar murid Tingkatan Lima dan inilah masalahnya.

Jadi, apakah Yang Berhormat setuju supaya kerajaan dengan peruntukan yang banyak itu dilipatgandakan lagi dan menjadikan perkara ini sebagai keutamaan (priority), tidak lagi ada murid yang tidak ada kelas, tidak ada lagi sekolah yang tidak cukup guru, tidak ada lagi kawasan luar bandar yang kehadiran muridnya cuma dalam 100 hari ataupun 80 hari - separuh daripada tempoh belajar? Adakah Yang Berhormat setuju kalau di kawasan luar bandar ini ada kompleks pendidikan yang mana sekolah-sekolah rendah yang tidak berpotensi disatukan sebagai satu sekolah? Di situ kita buat rumah sekolah yang mencukupi, dibuat rumah guru yang mencukupi dengan adanya padang bola dan kemudahan dan mesra penduduk tempatan dan juga dengan asrama dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, saya memang setuju dengan cadangan daripada Yang Berhormat bagi Sipitang, di sebelah saya. Jika kita ingin mengadakan pendidikan yang berkualiti untuk generasi muda kita, kita perlu terima apa yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Sipitang tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sekolah merupakan tapak persemaian generasi muda yang bakal menjadi sumber tenaga negara menjelang tahun 2020. Oleh yang

demikian, sekolah yang tidak ideal akan melahirkan generasi muda yang kurang sempurna juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun ingin ambil peluang keemasan ini untuk mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya dapat mengiktiraf Sijil Peperiksaan Seragam Sekolah Menengah Persendirian (Uniform Exam Certificate) dengan izin, kerana sijil itu telah diiktiraf oleh banyak universiti terkenal di dunia ini dan penuntut-penuntut yang mempunyai keputusan cemerlang dapat diambil terus masuk ke universiti di Australia dan Singapura, terutama di Singapura lebih 500 pelajar dapat tempat di Universiti Singapura untuk belajar.

Tuan Yang di-Pertua, keengganan pengiktirafan Sijil Peperiksaan Seragam Sekolah Menengah Persendirian itu telah mengakibatkan ramai pelajar yang cerdas dalam pelajaran belajar di luar negara dan terus bekerja di negara asing. Ini telah mendatangkan kerugian kepada pembangunan tenaga sumber manusia dengan keadaan *brain drain*, dengan izin, kerana negara kita masih menghadapi kekurangan intelek dan tenaga kerja yang mahir.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila gulung, Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten: Ya, sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Selama ini ramai pelajar dari 60 buah sekolah menengah persendirian telah menyumbang kepada pembangunan negara kita. Oleh yang demikian, dasar terbuka dalam pendidikan untuk 60 buah sekolah menengah persendirian perlu diteruskan untuk kepentingan pendidikan dan pengiktirafan Sijil Peperiksaan Seragam Sekolah Menengah Persendirian akan dapat mengurangkan pengaliran penuntut-penuntut dari sekolah menengah persendirian ke negara asing supaya kita dapat menyekat *brain drain*. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tambun.

11.52 pagi.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin bertanya kepada Setiausaha

Parlimen Kementerian Kewangan mengenai dengan timing perbentangan perbelanjaan tambahan ini. Mengapakah perbekalan tambahan ini dibentang selepas ia dibelanjakan. Saya menyentuh perkara ini kerana di dalam prinsip kawalan perbelanjaan kerajaan adalah lebih baik jika belanjawan ini dibentangkan untuk kelulusan sebelum dibelanjakan. Jadi saya harap mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Kedua, saya ingin menyentuh perkara yang disentuh Yang Berhormat Kepong mengenai dengan ATM tetapi saya melihat daripada sudut yang lebih luas tentang soal profesionalisme dalam sektor perbankan. Saya amat bimbang tentang perkara ini. Walaupun kita menggabungkan bank dan bank bersaiz besar tetapi kalau profesionalisme bank ini tidak dipertingkatkan ia akhirnya akan kalah dengan bank-bank besar daripada luar negara kita. Kita telah mengalami tiga peristiwa yang seharusnya mewujudkan kesedaran kepada kita. Pertama kehilangan melalui NPL yang banyak dan ini saya kaitkan dengan masalah profesionalisme dari segi kegagalan pihak bank untuk mengadakan perancangan serta menjalankan operasi yang profesional.

Kedua tentang ATM. Saya hendak nyatakan kepada Tuan Yang di-Pertua, dua tahun dahulu saya pun ada melaporkan kepada pihak bank tentang rasa saya ada kehilangan wang tetapi sikap pegawai bank, sikap 'tidak apa attitude' dan ini jauh dari sikap profesionalisme yang sepatutnya kita mesti jadi caring officer. Bila dilaporkan sesuatu yang terjadi di bank tersebut, pegawai-pegawai mesti merasa concerned seolah-olah kehilangan itu adalah kehilangan pihak bank sendiri. Oleh kerana pihak bank sering menyalahkan pihak luar maka jadilah masalah yang kita hadapi sekarang. Bila sudah sampai ke tahap serius barulah kita mengambil tindakan yang tegas pada hal masalah ini telah dilaporkan dua tiga tahun yang lalu.

Dan ketiga tentang bocor rahsia. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini serius. Saya harap kerajaan akan mengambil tindakan yang tegas. Saya cuba untuk membangkitkan semula bahawa salah satu produk *niche* yang ada pada negara kita yang boleh kita eksport ke seluruh dunia adalah sistem perbankan Islam. Satu dunia mengiktiraf. Kita boleh memperluaskan di peringkat rantau dan juga di peringkat

dunia. Dan jika kita boleh jadikan Kuala Lumpur pasaran modal Islam di samping sistem conventional sekarang dan Labuan sebagai international offshore boleh menarik pelaburan, saya percaya Malaysia akan berpindah kepada satu tahap pembangunan yang lebih tinggi. Saya melihat melalui kajian dana-dana Arab, ke manakah pergi dana-dana Arab ini. Ia pergi ke New York ke London dan Zurich.

Dari segi pulangan tidak banyak tetapi oleh kerana bank-bank di New York, London dan Zurich menjaga perkara-perkara yang confidential Arab Funds ini mereka yang menghantar wang mempunyai keyakinan yang tinggi pada hal di negara Arab di kalangan keluarga diraja ada pergaduhan. Masing-masing hendak sabotaj yang lagi satu dan ada pihak-pihak yang mahu mendapat maklumat daripada bank untuk digunakan sebagai modal untuk menyatakan yang satu ini tidak betul. Tetapi oleh kerana sistem bank tersebut menyakinkan kepada negara-negara Arab walaupun pulangan itu tidak banyak. Kadang-kadang tidak ada pulangan, berbillion US Dollar dihantar ke situ. Dan kita sebuah negara Islam mempunyai sistem perbankan yang terbaik di dunia berdasarkan sistem perbankan Islam, kita boleh menarik modal tersebut. Tetapi dengan insiden ini yang berlaku beberapa orang pegawai bank menyebarkan maklumat. Dia boleh menghancurkan satu harapan negara kita untuk menjadi sebuah negara yang maju dari segi pusat kewangan antarabangsa.

Ketiga, saya ingin menyentuh tentang dasar pembangunan negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Larut berdiri, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Ya, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila, sila.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. Saya tertarik dengan apa yang telah disentuh oleh Tambun tadi berhubung dengan membocor rahsia simpanan bank. Ini satu perkara yang serius. Adakah Yang Berhormat setuju kalau undang-undang yang ada ini dipinda dan diperketatkan lagi dengan hukuman mandatori sebat dijatuhkan ke atas mereka yang melakukan kesalahan. Ini bukan perkara yang ringan. Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, kita sebenarnya ada rang undang-undang yang cukup, negara kita cukup rang undang-undang. Cukup, negara kita cukup rang undang-undang dalam bidang apa sekalipun. Yang menjadi masalah penguatkuasaan. Saya semasa masalah NPL kita kehilangan berpuluh bilion. Saya tidak tahu hendak nyatakan, Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang rakyat saya merasakan kehilangan yang cukup besar dan saya mengesyorkan ke Parlimen pegawai-pegawai yang bertanggungjawab mesti diambil tindakan. Jadi dalam soal ini saya berpegang kepada kerana penguatkuasaan kita tidak begitu kuat, patut ditangkap dan ambil tindakan serta merta kerana ini akan menjadi memberi syarat kepada negara kita bahawa kita berpegang kepada undang-undang dan peraturan dalam semua perkara yang kita lakukan.

Tadi saya ingin menyentuh tentang dasar pembangunan negara. Ada peruntukan untuk Jabatan Perdana Menteri. Saya berharap supaya pandangan saya ini akan diambil kira. Mungkin pandangan saya tidak secocok dengan pandangan sesiapa tetapi ini satu pandangan saya. Saya dapati sekarang kita dalam satu proses antara yang manakah yang kita hendak bangunkan - perindustrian atau pembangunan?

Dalam perbincangan tentang Kementerian Pertanian seolah-olah kita hendak melakukan semua dalam bidang pertanian termasuk Ostrich macam-macam kita hendak lakukan. Tetapi saya hendak bagi pandangan di sini. Kita perlu menerima hakikat kita dalam dunia globalisasi. Trend telah berubah. Dalam dunia globalisasi kalau kata Adam Smith is a one workshop. Saya mengatakan sebagai satu unit pasaran. Bermakna bahawa ada setengah negara dia akan membuat pengeluaran dan ada yang membeli. Dan pengeluaran mesti berasaskan kepada competency, comparative advantage dan juga cost advantage yang baik. Dengan itu tiap-tiap negara dia keluarkan produk yang dia mempunyai comparative advantage. Kalau tidak, kalau kita tidak mengeluarkan begitu, kita tidak ada comparative advantage, kos untuk kita mengeluarkan sesuatu barangan itu begitu tinggi walaupun kita tidak import tetapi dia merugikan kewangan negara.

Jadi dalam soal ini saya berharap kita hendak membangunkan pertanian, yes,, saya setuju saya pro-pertanian. Hendak bangunkan perindustrian, yes, saya pro-perindustrian. Mesti diadakan perimbangan. Saya cuba hendak buat analisis di sini. Saya ambil umpamanya beras. Sekarang ini kita pada self-sufficiency 70%. Dan sekarang mengikut kata kementerian hendak jadikan profitable. Kita tidak nampak bagaimana profitable dalam dunia global ini. Sekarang kita dapati beras yang dikeluarkan di Thailand dan di Vietnam jauh lebih murah dan berkualiti tinggi. Jadi kalau kita mengeluarkan beras dengan tidak membeli, kos kita lebih tinggi. Katalah kita lebih tinggi dalam skop pengeluaran katalah RM1 dia keluar RM0.50, kita keluar RM1.00. Mungkin kita tidak import tetapi dari segi kewangan negara kita rugi kerana kita mengeluarkan beras RM1.00 padahal kita boleh beli RM0.50 yang lebih lagi berkualiti tinggi.

Jadi lebih baik kita mengeluarkan produk yang kita ada, comparative advantage dalam bidang semi-conductor kita pengeluar terbesar kita keluarkan itu dengan exchange rate yang banyak kita terima kita beli beras dan dengan saving yang terdapat dari segi industri beras ini kita bagi subsidi kepada petani-petani supaya mereka jadi kaya. Di Jepun begitu dibuat, di Korea atau di 'Emzi', antara Korea Utara – Korea Selatan, saya pergi. Petani-petani dapat wang yang banyak bukan kerana kualiti beras tetapi kerana harga yang dia bagi melalui subsidi begitu tinggi sehingga pengeluar beras mendapat keuntungan besar. Kemudian kita bercakap dari segi critical stategic, this is the strategic industry. Kalau berlaku perang bagaimana. Kalau berlaku perang, Tuan Yang di-Pertua, semua production tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Semua lapar ya.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Beras pun kita tidak boleh keluarkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Semua laparlah.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Jadi semua akan lapar. Yang penting masa perang adalah reserve yang tinggi. Kalau kita mempunyai reserve kewangan yang tinggi kita boleh gunakan untuk membeli senjata, membeli barang makanan dan membeli segala-galanya. Beras tidak akan dapat ditanam pada masa itu. Kalau masa kita kena censured sebelum perang, kita boleh convert tanah yang ada sekarang dengan menanam padi dengan modal yang banyak. Jadi penting sekarang adalah dari segi modal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Dua orang minat Yang Berhormat. Dua orang.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya bagi sebelah kiri dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Sibudu. Ha, Sibudu sila.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Saya bersetujulah dengan apa yang dikatakan tentang Dasar Beras Nasional. Saya ingin tanya Yang Berhormat bagi Tambun setuju atau tidak kerana di Sarawak contohnya, Kerajaan Negeri Sarawak menggalakan pelabur-pelabur masuk menanam padi *in the big way* dengan estate yang besar. Saya fikir petani-petani padi dengan unit keluarga tidak lagi berkesan. Iaitu kalau negara kita now kurangkan kos produksi padi perlu wujud estate padi yang besar, tetapi pelabur-pelabur tanya kerana semua import export dan harganya semua dikontrol oleh BERNAS. Itulah sebabnya mereka tidak berminat untuk melabur di dalam estate padi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalannya Yang Berhormat.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Soalannya, saya mahu tanya setuju atau tidak kawalan daripada BERNAS perlu dikurangkan supaya boleh memberikan insentif untuk pelabur besar wujud estate besar beras di negara kita. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengaku saya bukanlah expert dalam bidang padi. FELCRA ada menanam padi di Seberang, Perak, lebih kurang 40 ribu hektar kalau tidak silap saya. 40 ribu ekar ataupun 40 ribu hektar. Kalau dibandingkan dengan pendapatan kelapa sawit jauh tinggi pendapatan daripada kelapa sawit. Saya ingat padi ini bukan soal kontrol, ini soal kos, soal tanah, soal mechanization. Ini bermakna kalau kita hendak mewujudkan keadaan yang competitive advantage bagi penanam padi, kita kena pergi ke Siam, Thailand dan juga ke Vietnam dan tengok cara mereka buat. Dengan kos labor dia yang rendah yang tidak ada di sini, kita tidak boleh buat bidang ini.

Kalau kita hendak buat, pada pandangan saya oleh kerana sekarang *is a global world*, kita melabur di Vietnam dan di Thailand atau melabur di negeri-negeri yang ada competitive advantage. Macam umpamanya kalau kita hendak menghasilkan kambing biri-biri, mengapa di sini, kita melabur di Australia ataupun di New Zealand, ostrich, tidak mungkin Tuan Yang di-Pertua hendak keluarkan ostrich kerana hendak import ostrich, tetapi manalah pasaran yang ada. Kita kena pergi ke negara tersebut, kita melabur di situ dengan cost advantage yang kita ada baru kita boleh compete dengan tempat yang lain. Ini baru sesuai. Kita mesti lihat konteks negara kita dan saiz tanah kita dan daripada segi opportunity yang ada.

Jadi saya mengesyorkan supaya pihak EPU membuat kajian yang mana hendak kita adakan dan bagi explanation kepada Ahli Parlimen. Saya percaya banyak Ahli Parlimen tidak faham dari soal ini. Kita melihat dari segi kawasan kita oleh kerana kawasan kita ada ini, ini, maka kita hendak dia jadi priority. Tidak mungkin semua product kita boleh jadi priority. Kita boleh jadi mempunyai competitive advantage di bidang-bidang tertentu mana negara pun. Amerika bidang tertentu, Jepun bidang tertentu, Italy bidang tertentu, tak kan kita hendak jadi competitive advantage dalam semua bidang.

Kalau zaman lalu sebelum globalisasi, betul dasar itu. Tetapi bila dasar globalisasi ini telah merubah semua sistem peraturan dunia, kalau kita masih lagi

hendak menguruskan ekonomi kita secara old fashion, kita akan rugi dan kita akhirnya akan menghadapi masalah macam Burma hadapi, sama ada sekarang atau di masa akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah habis.

Tuan Husam bin Haji Musa: Minta pandangan sikit.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Sudah habis dah. Saya berilah satu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Kubang Kerian sekarang.

Tuan Husam bin Haji Musa: Okay, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak, dia hendak beri peluang. Masa Yang Berhormat ini tidak boleh beri dekat orang, kalau beri nanti panjang.

Tuan Husam bin Haji Musa: Sudah habis, okay terima kasih. Pandangan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya beri kepada Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang lain duduk sekejap.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pertamanya di akhir-akhir ini kita selalu mendengar Kerajaan Barisan Nasional yang membangkitkan rakyat yang tidak tahu berterima kasih dan tidak mengerti bersyukur di negara sendiri. Jadi saya ingin mengambil satu contoh untuk tauladan, adakah betul kenyataan yang dilemparkan oleh setengah-tengah pemimpin sebegini.

Tuan Moktar bin Radin: Di mana.

Tuan Saupi bin Daud: Jangan bimbang. Ada di antara pemimpin yang ingin menyampaikan sesuatu derma seperti derma pakaian dan juga basikal kepada murid-murid sekolah di dalam darjah satu hingga darjah enam. Tetapi telah

mengemukakan syarat-syarat penting kepada Guru Besar dan pihak pentadbiran sekolah iaitu pakaian dan juga basikal ini hendaklah diberi khusus kepada anak-anak orang-orang UMNO contohnya. Jadi, apakah salahnya murid-murid yang berumur tujuh tahun hingga dua belas tahun ini. Saya rasa mereka tidak tahu erti politik, mereka tidak tahu siapakah di antara Mahathir, Nik Aziz, yang mereka tahu bahawa sejak kecil lagi mereka telah dianiaya. Mereka telah dibezakan oleh fahaman-fahaman politik dan sebab itulah apabila besar, kadang-kadang mereka juga mengerti untuk.....

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Penjelasan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, yang mana hendak beri Yang Berhormat.

Tuan Saupi bin Daud: Sebab saya dengar suara di sini, saya beri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila, sila Yang Berhormat bagi Kuala Kedah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, selalunya projek-projek segera ini berlaku bila ada pilihan raya kecil, beri basikal, saham RISDA, subsidi lembu kerbau, bila ada pilihan raya kecil. Soalannya, kalau hendak projek segera di sesuatu kawasan itu maka kena ada pilihan raya kecil. Oleh itu dalam ceramah-ceramah saya sekarang setuju atau tidak minta rakyat doa supaya wakil rakyat mati. Bila wakil rakyat mati, ada pilihan raya kecil maka projek-projek segera....

Seorang Ahli: Termasuk wakil rakyat yang bercakap.

Tuan Mohamad bin Sabu:akan diluluskan. Ya tidak kiralah.

Seorang Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Sebab ini sudah jadi tabiat Kerajaan Barisan Nasional, bila ada pilihan raya kecil sampai berjuta-juta dibelanjakan. Apakah setuju kalau rakyat mendoakan wakil rakyat mati. Maka dengan itu dapatlah projek-projek segera.

Tuan Saupi bin Daud: Saya rasa, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat itu tetapi *[Ketawa] [Sorak]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Saupi bin Daud: Terutamanya soal mati ini, bersetuju yang umurnya sudah lebih, kadang-kadang kita tahu ada yang umurnya subsidi lebih, melampau.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya harap isu-isu agama ini biar kita serius doa, kita tidak boleh minta doa yang tidak elok. Saya ingat biarlah kita serius, yang kata bersetuju. Saya tidak setuju macam adakah kita boleh minta doa orang mati. Ini bertentangan dengan Islam.

Tuan Mohamad bin Sabu: Saya tahu salah, tetapi ada yang mati

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Kita minta doa yang baik.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak kena itu Yang Berhormat, Yang Berhormat Kuala Kedah itu tidak kena, itu tidak kena peraturan tu. Ya, ya

Tuan Saupi bin Daud: Okay, Yang Berhormat saya rasa saya balik kepada Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua sudah buat ruling, maknanya tarik balik semua.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Itu sindiran Tuan Yang di-Pertua, bukanlah kita betul-betul, sindiran

Tuan Yang di-Pertua: Yalah.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: ...sepatutnya doa umur panjang *[Pembesar suara dimatikan]*

Tuan Yang di-Pertua: Yalah, saya rasa dia lebih berseloka itu, bukanlah.. *[Ketawa]* Sudahlah, janganlah ambil serius. Kalau dia serius pun kita jangan serius sangat ya. Ya Yang Berhormat bagi Tanah Merah sila teruskan.

Tuan Saupi bin Daud: Saya rasa pun berseloka juga sebab dia tidak sebut mana-mana parti tadi, Saya jawab pun selamba sahaja. Tetapi tidak apa Tuan Yang di-Pertua, saya terima nasihat Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya teruskan. Jadi kalaulah sikap yang diambil oleh setengah-tengah pemimpin kita terhadap anak-anak yang tidak tahu menahu soal politik di masa kecil, tetapi mereka tahu bahawa mereka dianiaya. Apakah salahnya apabila mereka

besar nanti mereka juga akan dapat menentukan siapa yang baik, siapa yang buruk. Jadi janganlah waktu itu, apabila mereka telah pandai, telah tahu berfikir baharulah kita hendak menyatakan mereka ini tidak mengerti perkataan terima kasih dan tidak tahu bersyukur.

Jadi saya memperingatkan.

Tuan Moktar bin Radin: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya ada yang bangun.

Tuan Saupi bin Daud: Masa, Tuan Yang di-Pertua berikah masa saya lebih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak beri Yang Berhormat.

Tuan Moktar bin Radin: Bukan saya tanya masa, masa okay panjang lagi Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh.

Tuan Saupi bin Daud: Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua : Sampai tengah hari ini sahaja di Peringkat Dasar. Sekejap lagi saya akan minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tuan Saupi bin Daud: Satu lagi peristiwa yang terbaru saya rasa, saya bersetuju dengan sahabat saya Yang Berhormat bagi Gelang Patah dan juga Yang Berhormat bagi Sipitang tadi yang mempersoalkan pendidikan anak-anak kita di peringkat sekolah rendah. Tetapi di akhir-akhir ini baharu, peristiwa ini baru di persekolahan penggal baru ini, terdapat lagi kita menggunakan platform politik, kita menggunakan kuasa politik di mana kita tidak menyambung kontrak guru-guru kelas KAFA di Kelantan. Ini saya menerima perkara ini melalui sahabat-sahabat saya yang ada, pegawai ataupun di pejabat pendidikan daerah di mana guru-guru kelas KAFA yang tidak menyokong UMNO perlu ditamatkan perkhidmatannya, ataupun tidak di sambung kontraknya.

Jadi, ini persoalannya bukan persoalan politik, ini persoalan pendidikan anak-anak, ini persoalan asas agama. Guru yang mengajar ini kita tahu, saya akui di Kelantan kalau guru-guru kelas KAFA, guru-guru kelas Fardu Ain ini ramai terdiri daripada ustaz-ustaz ataupun guru-guru yang menyokong pihak pembangkang. Jadi, kalaulah kita hendak mengambil tindakan sehingga tidak ada guru untuk mengajar

anak-anak kita - saya difahamkan ada setengahnya daripada sembilan darjah, sembilan kelas terpaksa ditutup hari ini sampai empat kelas dan ada sesetengah sekolah yang tidak dapat langsung membuka kelas-kelas untuk Fardu Ain ini.

Seterusnya....

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, masa sudah cukup ya. Sepuluh minit sudah Yang Berhormat.

Tuan Saupi bin Daud: Akhir sekali, boleh saya gulung?

Tuan Yang di-Pertua: Akhir sekali ya. Jangan dua minit ya, seminit sahaja.

Tuan Saupi bin Daud: Satu minit saya Tuan Pengerusi.. Akhir sekali saya rasalah rakyat sekarang mahukan pimpinan dan pemimpin yang jelas bersih yang bertanggungjawab, sensitif dan responsif terhadap keluhan dan keperluan rakyat. Rakyat tidak boleh lagi menerima budaya politik yang serba boleh yang disamakan dengan slogan 'Malaysia Boleh' yang menghalalkan cara berdasarkan ataupun bersandarkan niat. Rakyat mahukan pimpinan yang bermaruah lagi adil dan menuntut agar keadilan dilaksanakan di semua peringkat, lantaran itulah maka tertubuhnya parti KeAdilan yang ada sekarang ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tebrau bukan 'Terbau'. *[Ketawa]*

12.13 tgh.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya ada dua perkara sahaja. Yang pertama, saya hendak bangkitkan berhubung dengan sempadan antara Singapura dengan Malaysia di kawasan lautan. Sebagaimana yang kita sedia maklum Singapura dan Johor ini dekat, jadi sempadan laut Singapura ini, kerja lain dia menambak laut. Dia menambak laut makin dekat dengan negara Malaysia. Jadi, saya hendak tahu dari segi kerajaan, seriuskah dalam perkara ini? Esok kalau tidak silap saya bila buat pengukuran, ia dikira dari penghujung tanah, padahal ia mula-mula jauh tetapi apabila ditambak dia akan dikira daripada penghujung tanah itu dengan sempadan negara Malaysia.

Jadi, ia sudah banyak ambil, bila dikira sempadan sudah lari laut itu pasal laut ini bukan ada tanda sangat, dia luas. Jadi, saya ingat kerajaan kena serius dalam

pengukuran di laut ini. Sebab saya lihat di Johor itu, dia menambak banyak dekat, di Woodlands dia makin tambak ke depan. Jadi, bila buat pengukuran sempadan kita sudah sikit kerana peraturan mengukur ikut penghujung tanah. Patut kita pun, hendak tambak tetapi tidak ada apa yang kita hendak bangunkan kerana tanah kita luas.

Jadi, saya ingat dalam perkara ini kerajaan kena serius. Singapura ini dia bijak, kita ingat ditambak, ditambak, dibiarkan ditambak, rupanya dia tambak makin dekat dengan sempadan kita. Jadi akhirnya kita rugi dari segi pengukuran laut besok. Ini ada juga berlaku di kawasan saya, nelayan yang terbabas sedikit dan ditahannya, tetapi nasib baiklah saya campur tangan berjumpa dengan kedutaan diselesaikan segera, itupun sudah kena tahan kerana dia kata sudah termasuk dalam sempadan dia sedikit. Jadi, saya ingat sebelum berlaku perkara yang lain, saya harap kerajaan ambil serius dalam masalah pengukuran tanah di laut ini.

Yang kedua, berhubung dengan Suruhanjaya Pilihanraya, saya kasihan kakitangan yang bertugas semasa pilihan raya ini. Elaun yang diberi kepada mereka ini tidak begitu setimpallah tetapi dia punya jaga, teruk. Subuh-subuh lagi sebelum sembahyang subuh sudah ready kerana ada sebahagiannya kena pergi jauh daripada bandar, yang dalam bandar alhamdulillah. Dan kedua, balik pun jauh tengah malam, kalau kena yang jauh sampai pukul 12.00 - 1.00, tempat saya pukul 2.00 keputusan baru dapat diumumkan kerana masih mengurus dengan pegawai pilihan raya yang berkenaan.

Jadi, saya mintalah kerajaan menimbangkan balik elaun-elaun pegawai pilihan raya ini, dari pengurus, timbalan pengurus, penyelia dan sebagainya supaya mereka ini lebih serius bekerja. Kadang-kadang pun elaun tidak seberapa bawa mahkamah, sudah kena pergi mahkamah pula bicara lagi. Jadi, itu sahajalah Tuan Pengerusi, yang hendak saya sampaikan.

Tuan Yang di-Pertua: Seputeh. Saya hendak beri seorang sahaja selepas ini, saya minta maaf.

12.15 tgh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Maksud B.10 - Jabatan Peguam Negara dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keempat Tahun 1999.

Saya perhatikan bahawa RM373,000 dibelanjakan sebagai kos anggota perwakilan Malaysia ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa untuk mempertahankan pendirian Malaysia di Oral Proceedings semasa Malaysia mengemukakan kes perbezaan berhubung dengan kekebalan dari proses undang-undang oleh seorang special rapporteur Suruhanjaya Hak Asasi Manusia. Adalah jelas bahawa special rapporteur yang dirujukkan di sini adalah Dato' Param Cumaraswamy, bekas Naib Presiden Majlis Peguam selaku Special Rapporteur kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Independence of Judges and Lawyers. Beliau seharusnya mempunyai peranan untuk mengawasi hal ehwal urusan hakim dan peguam sedunia dan tidak patut dihukum atas apa yang dikomen oleh beliau mengenai hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Malaysia kerana beliau menjalankan tugasnya.

Mengikut Seksyen 22 Convention on the Privileges and Immunities of the United Nation 1946, dengan izin, ia berbunyi: *“Expert Performing missions for the United Nations shall be accorded such privileges and immunities as are necessary for the independent exercise of their functions during the period of their missions, including the time spent on journeys in connection with their missions. In particular, they shall be accorded (b) in respect of words spoken or written and acts done by them in the course of the performance of their mission, immunity from legal process of every kind”*

Selain itu, Seksyen 30 dalam Convention tersebut juga menyatakan perkara yang sama. Walau bagaimanapun, malangnya apabila Dato' Param didakwa di Mahkamah atas komen yang dibuatnya, dalam keputusan Mahkamah Tinggi yang dibuat pada 20 Jun 1997 dan keputusan Mahkamah Rayuan pada 20 Oktober 1997, mereka enggan mengiktiraf soal kekebalan atau immunity beliau. Mereka enggan menganggap soal kekebalannya sebagai suatu isu preliminary, malah mereka mengenakan kos terhadap beliau sehingga ia berjumlah RM267,000 sehingga

hukuman terhadapnya menyebabkan badan kehakiman Malaysia terkenal di mata dunia.

Perbicaraan dalam Mahkamah Keadilan Antarabangsa telah memutuskan bahawa kerajaan Malaysia harus membayar kos undang-undang sebanyak USD110,000 ataupun RM400,000 kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan kerajaan juga harus mengikut keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa dengan menghantar satu sijil ataupun surat kepada Mahkamah Malaysia supaya keputusan mereka terhadap Dato' Param dapat dilupakan. Soalannya ialah selepas kerajaan membayar kos yang begitu tinggi demi menghantar perwakilan kita ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa kenapakah kerajaan masih tidak mengikut keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa dan membayar kos kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan mengikut hukumannya. Bukankah kedegilan kerajaan ini lebih mendedahkan di mata dunia bahawa kerajaan dan mahkamah Malaysia tidak menghormati undang-undang.

Tuan Pengerusi, sehingga hari ini Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang diketuai oleh Tan Sri Musa Hitam yang ditubuhkan baru-baru ini dan Kerajaan Malaysia masih membisu terhadap laporan *Justice in Jeopardy Malaysia 2000* setelah ia dilancarkan di Geneva, London, India dan Sri Lanka pada 5 haribulan tahun ini dan dipaparkan di Internet selama sembilan hari. Saya merasa kesal bahawa Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang merupakan salah seorang pakar undang-undang yang terunggul yang pernah menulis buku yang begitu kritikal terhadap campur tangan Eksekutif terhadap badan kehakiman Malaysia masih membisu terhadap laporan yang ditulis daripada rombongan antarabangsa tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, yang itu bukannya perkara itu sudah dibawa baru-baru ini oleh Yang Berhormat juga. Mengikut Peraturan Mesyuarat perkara yang telah pun dibawa, tidak boleh dibawa lagi Yang Berhormat. Usul Yang Berhormat juga telah ditolak.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi, masalahnya ialah sampai sekarang kami tidak mendapat menerima apa-apa pandangan daripada pihak Jabatan Perdana Menteri. Jadi, adalah penting bagi Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan

yang mulia ini untuk mengetahui cadangan-cadangan yang dibentangkan dalam laporan yang begitu penting ini. Laporan tersebut menyuarakan keprihatinan yang serius terhadap keadilan dari segi pengadilan terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim dan juga pendirian hakim tersebut.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkara itu *sub judice* Yang Berhormat. Belum bicara lagi, belum habis lagi kes yang ada sekarang.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Bukan, ini adalah apa yang dibentangkan dalam laporan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau sekiranya satu badan luar negeri telah pun mengeluarkan perkara itu, tidak patut pulalah kita dalam negeri ini mengeluarkan perkara yang sama dan mengikut peraturan mesyuarat kita pun, kita tidak boleh mengeluarkan apa-apa satu benda yang *sub judice*.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tetapi ini harus dijawab oleh pihak kerajaan kerana kerajaan tidak harus membisu...

Tuan Yang di-Pertua: Hendak jawab bagaimana jikalau sekiranya *sub judice*

Puan Teresa Kok Suh Sim: kerana ini menjejaskan imej kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau *sub judice*, dia tidak patut jawablah. Nanti habis kes itu, kemudian selepas daripada itu, kita bolehlah bersyarah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Okay, saya tidak sentuh tentang kes yang dijalankan itu tetapi saya membentangkan beberapa cadangan sahaja. Separuh daripada cadangan-cadangan dalam laporan "*Justice in Jeopardy: Malaysia 2000*" terhadap kerajaan Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) pihak eksekutif harus mengiktiraf kedudukan badan kehakiman dalam Perlembagaan;
- (ii) pihak eksekutif harus dilihat menjalankan tugasnya sebagai tidak mengganggu independent kehakiman;
- (iii) badan kehakiman harus menjalankan kuasanya demi memelihara kepentingan keadilan untuk menghadapi undang-

- undang yang repressive dan tingkah-laku pihak eksekutif yang telah melampaui kuasa;
- (iv) pemilihan hakim untuk mendengar kes yang mempunyai profil yang tinggi harus ditimbang secara berhati-hati;
 - (v) pihak berkenaan harus mengutamakan perlantikan ahli-ahli daripada Majlis Peguam untuk memegang jawatan di bidang kehakiman;
 - (vi) sistem yang membenarkan saling bertukar di antara peguam dan hakim iaitu *interchangeability of lawyers and judges* di bawah perkhidmatan kehakiman dan undang-undang yang bersatu ataupun *combined judicial and legal service* harus ditamatkan demi memastikan pemisahan kuasa dan independent badan kehakiman. Selain itu satu sistem pendakwaan yang independent ataupun *independent prosecution system* harus ditubuhkan;
 - (vii) ahli-ahli daripada cabang kerajaan harus berhati-hati terhadap tingkah laku mereka di mata *public* dan juga pandangan orang ramai terhadap mereka;
 - (viii) satu persidangan antarabangsa mengenai kehakiman harus diadakan. Di samping itu, sesi pelatihan mengenai Undang-undang Hak Asasi Manusia harus dianjurkan untuk ahli-ahli di bidang kehakiman;
 - (ix) pihak eksekutif dinasihatkan supaya jangan membincang secara terbuka sesuatu perbicaraan sebelum keputusan dibuat;
 - (x) kerajaan harus menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman yang berfungsi membuat cadangan mengenai perlantikan hakim;
 - (xi) menghormati autonomi Majlis Peguam; dan

- (xii) kerajaan harus menandatangani perjanjian hak sivil dan politik antarabangsa serta perjanjian hak ekonomi, sosial dan budaya antarabangsa.

Kerajaan Barisan Nasional harus membentangkan satu Kertas Putih mengenai laporan tersebut dan menjawab tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh beberapa pertubuhan antarabangsa tersebut. Selain itu Suruhanjaya Hak Asasi Manusia juga harus mengeluarkan kenyataan untuk menyuarakan keprihatinannya terhadap keadaan hak asasi manusia tersebut dan juga memulihkan rule of law yang ada di negara kita dengan serta-merta supaya suruhanjaya tersebut tidak dilihat sebagai pertubuhan yang tidak independent ataupun *apologist* kepada pemerintah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya akan gulung.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya akan gulung satu dua ayat sahaja.

Seorang Ahli: Tak payah gulung.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yang Berhormat Menteri Jabatan Perdana Menteri harus membangkitkan cadangan-cadangan yang terkandung dalam laporan ini dalam mesyuarat kabinet dan meyakinkan pucuk pimpinan kerajaan untuk mencari jalan membetulkan keadaan sekarang. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Kinabatangan.

12.25 tgh.

Tuan Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, ada beberapa perkara yang ingin saya bangkitkan. Pertama, iaitu masalah gejala sosial yang telah melanda negara kita. Saya ingin mencadangkan Kementerian Belia dan Sukan supaya mewujudkan satu akta iaitu Akta Belia kerana perkara ini telah dapat kita lihat dan kalau kita kaji selidik keruntuhan sesebuah negara adalah diakibatkan keruntuhan moral dan dan akhlak para belianya.

Dalam negara Malaysia, dianggarkan lebih kurang 60% penduduk dalam negara Malaysia ini dipelopori oleh golongan belia iaitu 40 tahun ke bawah. Dan perkara ini amat mengerikan di mana kita dapat melihat Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri telah menyatakan kebimbangan bahawa ramai di kalangan belia-belia dan remaja kita menagih dadah – dadah jenis *shabu* dan pil mengkhayalkan iaitu *ecstasy*. Pil ini boleh mengkhayalkan seseorang, dia boleh menari di satu pesta selama 10 jam tidak henti-henti. Jadi, perkara ini satu perkara yang terlalu serius.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, dia sebut dadah *shabu* tadi.

Tuan Moktar bin Radin: [*Ketawa*]

Tuan Mohamad bin Sabu: Barangkali mereka ini pengikut saya, itu lain.
[*Ketawa*]

Tuan Moktar bin Radin: Dia dadah bukan *Sabu*, ‘*shabu*’ [*Ketawa*]
Perkara ini Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya pun di Sandakan, Sabah amat menakutkan kerana secara kebetulan di Sabah ini bersempadan dengan negara jiran iaitu Philippine. Jadi, penghantaran *shabu* ini begitu mudah sekali dilakukan dan yang malangnya pula penguatkuasaan, saya rasa turut terlibat apabila ‘dadah-dadah’ itu ditangkap. Yang ditangkap berkilo-kilo, yang dihadapkan ke mahkamah tinggal ‘gram-gram’ sahaja.

Perkara ini berleluasa. Saya minta Kementerian Dalam Negeri supaya prihatin dan menyemak kepada pegawai-pegawai dan penguat kuasa-penguat kuasa di sempadan ini kerana kalau ini berterusan, akhirnya negara kita akan menanti kehancuran. Tuan Yang di-Pertua, adalah lebih elok kita melahirkan belia-belia kita yang ada kecenderungan untuk membela untung nasib belia dan negara kita kerana kita tidak mahu belia kita lesu, lemah, longlai, tidak bermaya, tidak ada keyakinan diri, tidak ada motivasi diri. Mereka ini lalai, berlepak memikirkan sesuatu yang tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun itu. Larut bangun.

Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya setuju sangatlah, saya hendak minta penjelasan daripada apa yang telah Yang Berhormat bagi Kinabatangan tadi, sama ada Yang Berhormat setuju bahawa belia-belia ini memang perlu kita didik terutama dalam soal IT dan MSC. Bukan setakat jadi MSC supaya tidak

Seorang Ahli: Soalan, soalan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Supaya tidak hanya setakat jadi penonton, mesti juga jadi pelakon, sama-sama terbabit. Tadi Yang Berhormat sebut masalah belia sekarang ini, adakah Yang Berhormat setuju belia-belia kita ini jangan diheret dalam perhimpunan-perhimpunan haram, buat demonstrasi yang kita dengar kononnya ada ura-ura hendak dibuat pada 15 haribulan ini. Terima kasih.

Tuan Moktar bin Radin: Terima kasih rakan saya dari Larut. Ini merupakan juga satu gejala sosial yang boleh melemahkan akhlak para belia kita. Justeru itu, rakan-rakan kita di sana, kita mari renung bersama tanggungjawab dan tugas kita. Jangan sekali-kali mengheret belia-belia yang tidak tahu erti perjuangan untuk melakukan demonstrasi dan sebagainya kerana ini gejala yang boleh menyumbang kepada kehancuran negara kita. Jelas?

Tuan Yang di-Pertua, balik kepada gejala sosial sebentar tadi. Kita amat meragui dengan keadaan-keadaan yang seumpama ini. Justeru itu, saya mencadangkan kepada Kementerian Belia dan Sukan ini sekali lagi, agar menggubal satu akta belia dan kementerian ini haruslah mendidik belia-belia kita ini ke arah satu fungsi yang lebih baik kerana kalau ini kita biarkan, maka negara yang kita cintai, yang kita dukung ini akan menemui jalan yang lemah dan jalan kehancuran.

Bagaimana biasanya pemimpin belia hari ini adalah pemimpin hari esok? Bagaimana dia mahu menjadi pemimpin hari esok kalau dia tidak mampu berfikir, tidak mampu melakukan sesuatu yang baik dan generasi kita sekarang ini akan mengisi tempat pada sepuluh dua puluh tahun akan datang, belia-belia yang menunggu kita lesuh, bagaimana?

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat

Tuan Mokhtar bin Radin: Apa dia, penjelasakah?

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Dengan 'Akta Belia' yang Yang Berhormat cadang tadi, apa jaminan bahawa belia kita pada masa akan datang akan menjadi seperti yang diharap itu?

Tuan Mokhtar bin Radin: Ya, terima kasih. Dengan adanya akta ini sekurang-kurangnya ada satu jaminan untuk belia-belia kita bahawa mereka ini adalah masyarakat yang boleh dimartabatkan, mereka boleh menjadi satu waris kepada kita untuk menjadi pemimpin kepada kita kerana saya berkeyakinan di Kubang Kerian pun bukan selama-lama menjadi pemimpin. Kalau tidak ada belia yang melapis, siapa lagi? Jadi ini sekurang-kurangnya ada keyakinan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Mokhtar bin Radin: Laku nampaknya. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan rakan saya daripada Kinabatangan. Kalau begitu hebat rasa ketakutan dan rasa kesangsian tentang masa depan negara berkaitan dengan salah laku para belia kita yang ada pada hari ini sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, apakah tidak bahawa gejala ini harus dibendung daripada peringkat lebih remaja lagi, di peringkat bawahan lagi iaitu pembentukan ini harus bermula di sekolah untuk menentukan warganegara kita terus dapat dibimbing ke arah kesejahteraan untuk negara dan untuk bangsa. Jadi soal di Kementerian Pendidikan harus bermula pelajaran sivik dan sebagainya. Bagaimana pendapat Yang Berhormat?

Tuan Mokhtar bin Radin: Tuan Yang di-Pertua, pepatah ada menyebut, *melentur buluh biarlah dari rebungnya*. Justeru itu peranan ini bukan sahaja kita sandarkan kepada guru-guru di peringkat sekolah, sandaran dia kepada kita semua, ibu bapa, abang-abang dan keluarga. Institusi keluarga dan pemimpin-pemimpin bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan agar belia-belia negara kita di Malaysia ini tidak terdedah dengan gejala-gejala yang amat merugikan. Ini satu

penyakit yang amat merugikan, penagihan dadah yang baru ini nampak dia bukan dadah jenis apa ini, yang memabukkan sehingga terdampar di parit, di tong sampah dan sebagainya. Dadah jenis ini mengkhayalkan. Saya sudah nampak, saya tanya, saya ada ini, *interrogate* penagih-penagih ini.

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Tuan Moktar bin Radin: Masa banyak lagikah Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Masa dah cukup dah, Yang Berhormat.

Tuan Moktar bin Radin: [*Ketawa*] Jadi saya gulunglah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, gulunglah.

Tuan Moktar bin Radin: Ya, jadi saya memohonlah sekali lagi agar Kementerian Belia dan Sukan serta kerajaan memikirkan masalah ini dengan semasak-masaknya kerana tidak ada kerugiannya untuk kita mewujudkan akta ini bahkan untuk memastikan bahawa kerajaan dan negara kita akan dapat berdiri seimbang, berdiri teguh untuk memastikan bahawa martabat negara kita tidak mudah diganggu-gugat oleh keadaan gejala sosial seumpama ini. Kalau boleh kita terapkan belia-belia masa depan ini bak kata pepatah '*kalau dibakar tidak hangus, kalau direndam pun tidak basah*', mereka tetap setia mempertahankan negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah. Saya ingat dari pihak ramai yang telah berucap, ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tun, kalau kita beri masa lima minit seorang Tun, tinggal dua orang saja. Dua saja Tun. Beri peluanglah Tun.

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah, saya ingat dah cukuplah tu. Yang Berhormat kementerian menjawab ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Timbanglah sikit Tun.

12.35 tgh.**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:**

Assalamualaikum w.b.t, Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian saya mengucapkan terima kasih kepada sebelas orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Mereka ialah Yang Berhormat Datuk Ketua Pembangkang dari Pendang, Yang Berhormat bagi Batang Lupar, Kepong, Sandakan, Pokok Sena, Gelang Patah, Tambun, Tanah Merah, Tebrau, Seputeh dan Kinabatangan.

Tuan Yang di-Pertua, semalam Tuan Yang di-Pertua pun kata supaya kita jangan serius sangat dalam perbahasan ini [*Ketawa*] Saya harap Yang Berhormat-Yang Berhormat semua tak garang sangatlah. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Ketua Pembangkang yang telah menyentuh banyak perkara tetapi yang pertama ini yang ingin saya sentuh ialah tentang beliau mendakwa bahawa UMNOlah punca perpecahan. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, sejarah menyaksikan dan sejarah membuktikan bahawa UMNO adalah wadah yang telah berjaya menyatupadukan orang Melayu. Pada tahun 1946, UMNO ditubuhkan, sebelum itu orang Melayu tebal dengan semangat kenegeriannya masing-masing dan mereka berpecah kepada beberapa buah parti politik kecil-kecil tetapi apabila UMNO ditubuhkan maka seluruh orang Melayu daripada Pulau Pinang, daripada Perlis waktu itu sampai ke Johor. Sekarang ini telah sampai ke Sabah, mungkin insya-Allah kalau diizinkan Allah, sampai ke Sarawak, maka UMNO telah berjaya menyatupadukan seluruh orang Melayu dan menggagalkan niat jahat penjajah dengan gagasan Malayan Unionnya.

Jadi ini adalah sumbangan UMNO. Sumbangan UMNO yang menyatupadukan seluruh Melayu sehingga kita berjaya menggagalkan niat penjajah.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, saya amat tertarik dengan apa yang telah Yang Berhormat sebut tadi terutama Yang

Berhormat mengatakan bahawa bukan UMNO yang menjadi punca berlakunya perpecahan kerana wujudnya PAS pun lahir daripada UMNO. Saya tertarik dengan apa yang Yang Berhormat katakan tadi bahawa UMNO sekarang ini berkembang sampai ke Sabah dan tadi Yang Berhormat sebut sampai ke Sarawak. Jadi saya ingat nak tanya Yang Berhormat, sejauh mana keyakinan Yang Berhormat, UMNO ini akan sampai ke Sarawak sebelum PAS masuk dulu. Terima kasih. Kita tahu PAS dah masuk tetapi secara besar-besaran. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Larut. Memang benar semalam pun kita diberitahu bahawa PAS telah pun dapat menembusi Sarawak dan sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, UMNO tidak tergesa-gesa dalam perkara ini kerana kita tidak mahu *status quo*, keadaan yang wujud di Sarawak ini tidak stabil. Jadi kerana itu kita menunggu masa sehingga kemasukan kita secara terhormat diizinkan, bukan kemasukan secara tak diredai, direlai oleh rakyat Sarawak. Kita mahu kemasukan yang terhormat dan berhemah supaya kemasukan kita diterima oleh seluruh rakyat Sarawak dan diredai kehadiran kita di sana. Maka itulah Yang Berhormat ulasan saya dan juga sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, UMNO telah pun mempunyai hampir RM2.7 juta ahli seluruh negara. Ertinya satu wadah yang berjaya menyatupadukan satu kekuatan orang Melayu di negara ini.

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Nanti Yang Berhormat, saya belum habis lagi dan alangkah moleknnya jikalau saudara-saudara kita di sana tu, kelompok yang lebih kecil daripada UMNO joint kita. [*Tepuk*] Satu perpaduan yang telah memang wujud, memang dah sedia ada dah, kalau tidak diganggu gugat, tidak diganggu dan alangkah baiknya jikalau saudara-saudari di sana tu masuk dalam kelompok yang besar ini menjadi satu wadah perpaduan yang lebih hebat, lebih besar untuk kepentingan bangsa, agama dan negara kita. [*Tepuk*]

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, nak beri jalan atau tidak? Yang Berhormat, nak bagi jalan atau tidak?

Tuan Husam bin Haji Musa: Bagi Tuan Yang di-Pertua, sebab dah janji kat luar tadi bagi [*Ketawa*] Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat percaya UMNO ini adalah mekanisme perpaduan tapi sepanjang sejarah 20 tahun yang lalu, UMNO telah berpecah dengan begitu hebat, dengan itu premis yang mengatakan UMNO sajalah wadah perpaduan, kepada saya telah menjadi sejarah. Yang kedua, Yang Berhormat kata bahawa UMNO ada ahli lebih daripada 2 juta tetapi dalam Pilihan Raya yang lepas ada menteri-menteri dan pimpinan UMNO yang mengatakan bahawa ada ahli UMNO yang tidak mengundi UMNO. Suatu perubahan structural yang besar telah berlaku dalam arah politik negara kita yang bermakna keahlian yang ramai itu tidak memberi makna yang besar kerana sesuatu goncangan telah berlaku dalam kepimpinan UMNO. Yang ketiga saya tertarik dengan cadangan Yang Berhormat untuk menyatukan orang Islam dan orang Melayu. Inilah satu tema yang telah lama kita cari titik penyelesaian dan bagi PAS senang sahaja, kita duduk atas persamaan kita dalam prinsip-prinsip yang besar dalam Islam dan dengan itu kita boleh bersatu dan PAS pernah masuk Barisan Nasional tahun 1974, duduk bersekali dengan MCA, MIC, Gerakan.

Pada masa itu tidak timbul PAS ekstremis ataupun fundamentalis tetapi PAS dikeluarkan daripada Barisan Nasional secara paksa dan pada masa yang sama, pada seruan untuk melakukan perpaduan, cara dan nada seruan itu adalah satu deraan, satu sikap yang telah meletakkan PAS dalam sudut yang bersalah dan kita tidak mempunyai peluang untuk membetulkan diri kita. Adakah dengan cara itu Yang Berhormat rasa kita boleh bersatu? Sedangkan UMNO sendiri pun berpecah-belah, bagaimana dia hendak bersatu, menyatukan orang lain dengan dasar yang telah pun lapuk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mohon penjelasan?

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu, nanti dahulu. Beri dia jawab dahulu ya.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih, Yang Berhormat. Dan perpecahan dalam UMNO, Yang Berhormat, sebagai sebuah organisasi yang besar memang tidak dapat dielakkan bahawa memang tidak boleh kita wujudkan satu perpaduan yang benar-benar dalam erti kata yang sebenarnya. Memang ada unsur-unsur perpecahan tetapi keseluruhannya, pada hakikatnya kita tetap – seluruh ahli UMNO yang saya katakan 2.7 juta orang itu tetap bernaung di bawah wadah yang dinamakan UMNO ini. Walaupun terdapat sedikit pergeseran di mana-mana, itu biasa bagi sebuah organisasi yang besar. Malah, dalam sebuah organisasi yang kecil pun perkara ini tidak dapat dielakkan.

Dan yang kedua, Yang Berhormat bercakapkan tentang ahli UMNO tidak mengundi kita dalam pilihan raya. Saya rasa ini kita tidak dapat buktikan dengan jelas tetapi kalau adapun sedikit mereka yang tidak mengundi ini kerana ianya diganggu oleh saudara-saudara kita di sebelah sana. *[Tepuk] [Sorak]* Kalau tidak, kalau fikiran mereka tidak ‘cenoneng’ orang kata *[Ketawa]* tidak diganggu, saya rasa insya-Allah, mereka akan solid dalam UMNO ini.

Tuan Ronald Kiandee: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Yang Berhormat, ada yang bangun lagi.

Tuan Hashim bin Ismail: Tadi, apa Sri Gading hendak bangun?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tidak bolehkah kita.... *[Disampuk]*

Seorang Ahli: Ikut Peraturan Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan kenyataan bahawa UMNO telah menyatupadukan kaum di Sabah. Ianya kalau kita lihat sedikit masa dahulu Sabah pernah diperintah oleh Kerajaan PBS yang menumpukan politik perkauman dan apabila PAS cuba masuk ke Sabah, ia ditolak secara total oleh masyarakat Sabah kerana PAS memperjuangkan politik yang lebih menjurus kepada soal-soal agama.

Dan keterbukaan UMNO ini jelas, *[Disampuk]* contohnya, Parlimen Beluran – saya merupakan satu produk UMNO yang bukan Islam *[Tepuk]* dan saya kira

rata-rata kecenderungan masyarakat bukan Islam di Sabah juga telah secara terbuka menerima kemasukan UMNO.

Saya ingin pendapat daripada Setiausaha Parlimen, apa pandangan Setiausaha Parlimen tentang orang-orang Islam di Semenanjung ini yang secara terang-terang tidak menerima UMNO dan mengeluarkan isu-isu yang sensitif terhadap agama dan tidak menyokong UMNO sedangkan bumiputera bukan Islam di Sabah, secara terbuka menyokong perjuangan UMNO. *[Tepuk]*

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memang benar bahawa UMNO merupakan satu wadah perpaduan bukan sahaja untuk menyatupadukan orang Melayu beragama Islam tetapi rumpun Melayu sekaligus hendak kita gabungkan untuk menjadi suatu kekuatan perpaduan yang sebenar-benarnya. Dan saya rasa bukan semua orang Islam di Semenanjung ini tidak menyokong UMNO.

Dari angka yang saya berikan tadi 2.7 juta ahli UMNO, ini menunjukkan bahawa majoriti orang Islam sebenarnya menyokong UMNO dan kita yakin dengan itu dan saya rasa akan datang ini lebih ramai lagi orang-orang Melayu Islam akan masuk dalam wadah ini

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Hashim bin Ismail:dan menjadikan UMNO lebih kuat, lebih mantap daripada yang ada sekarang ini.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah. Saya ingat cukuplah perkara ini. Mintalah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ubah tajuk lain pula ya, boleh? *[Ketawa]* Dengan kerana.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Soalan UMNO ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: di sini bukanlah kita hendak kempen ya. Siapa pun, kempen macam mana pun tidak jadi juga kerana pilihan raya sudah lepas. *[Ketawa]* Ya, ya, sudahlah Yang Berhormat. *[Disampuk]* Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sila teruskan di atas tajuk yang lain pula.

Tuan Hashim bin Ismail: Okay, Tuan Yang di-Pertua. Dan Tuan Yang di-Pertua,

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya satu hendak betulkan fakta...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:daripada Kubang Kerian tadi. Sebenarnya, PAS yang dikeluarkan daripada Barisan Nasional tahun 1978 ialah kerana kerenah PAS sendiri yang tidak dapat menerima konsep Barisan Nasional.

Jadi, bukan soal UMNO atau Barisan Nasional, soal PAS itu sendiri yang tidak dapat memenuhi cita rasa Barisan Nasional sebagai anggota gabungan dalam Barisan Nasional. Dia kena terima segala konsep Barisan Nasional. Itu menyebabkan dia terkeluar daripada Barisan Nasional kerana itu undang-undang dalam Barisan Nasional.

Jadi, bukan UMNO ataupun Barisan Nasional menyingkirkan secara paksa – tidak. Fakta itu salah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Beri saya betulkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya Yang Berhormat cukuplah. Saya ingat cukuplah. Sudahlah. Baca sejarahlah, beli buku baca sejarah ya. *[Ketawa]* Ya, ya. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila ubah tajuk lain ya, Yang Berhormat ya.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sentuh sedikit, Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya keluar kepada tajuk lain.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, bukan dicerai secara paksa dahulu....

Tuan Yang di-Pertua: Cerai?

Tuan Hashim bin Ismail: Ya. Bukan dipisahkan secara paksa dan kalau bercerai pun, saya rasa talak satu dan masih boleh lagi rujuk *[Ketawa]* untuk kita bersama-sama dalam wadah perjuangan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Sila teruskan yang lain, Yang Berhormat ya. *[Disampuk]* Sila teruskan Yang Berhormat, ya.

Tuan Hashim bin Ismail: Okay. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pendang ingin tahu berhubung jumlah besar permohonan peruntukan tambahan yang berjumlah RM12,504.82 juta. Beliau berpandangan bahawa kerajaan tidak

mempunyai perancangan dalam membuat perbelanjaan khususnya kepada menyediakan peruntukan yang besar bagi Kumpulan Wang Terkanun dan ini juga disentuh oleh Yang Berhormat bagi Tambun dari segi timing perbelanjaan ini dibelanjakan.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kerajaan mempunyai perancangan dalam menguruskan kewangannya. Berhubung dengan jumlah besar yang diperuntukkan bagi Kumpulan Wang Pembangunan yang berjumlah RM11,975.81 juta, suka saya maklumkan untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini bahawa ianya merupakan proses perakaunan semata-mata di mana jumlah tersebut adalah merupakan lebih hasil berbanding belanja mengurus bagi tahun 1999 yang dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, projek-projek yang dilaksanakan bagi tahun 1999 telah ditimbang dan diluluskan oleh Dewan ini semasa pembentangan Belanjawan tahun 1999. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Bil. 1/99; Bil. 2/99 dan Bil. 3/99 sementara baki sebanyak RM529.01 juta ianya meliputi lima komponen utama iaitu:

- (a) emolumen sebanyak RM322,810,781 tambahan peruntukan untuk membayar bonus imbuhan kepada kakitangan awam;
- (b) bayaran perkhidmatan dan bekalan sebanyak RM116,684,994 yang sebahagian besarnya untuk menguruskan perjalanan pilihan raya pada November 1999 yang lalu; dan
- (c) pembelian aset sebanyak RM4,995,291 juta pemberian dan kenaikan sebanyak RM63,478,820 dan perbelanjaan-perbelanjaan lain berjumlah RM20,800,800.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Akta Prosedur Kewangan 1957, Yang Berhormat Menteri Kewangan diberi kuasa untuk meluluskan pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Luar Jangka bagi memenuhi keperluan perbelanjaan segera kementerian atau jabatan yang mana peruntukan sedia ada tidak mencukupi atau belum disediakan.

Menyedari untuk melakukan yang terbaik di mana meluluskan semua peruntukan sebelum perbelanjaan sepenuhnya tidak mungkin berlaku bagi semua perkara, maka Dewan yang mulia ini, telah melalui peruntukan bagi Kumpulan Wang Luar Jangka hakikatnya peruntukan tersebut dibelanjakan dan dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, untuk diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pendang juga menyentuh tentang isu-isu yang dibangkitkan tentang profesionalisme Polis Diraja Malaysia.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak amalan untuk mengeluarkan bekalan tambahan ini adalah satu amalan biasa di seluruh dunia dan kalau ada butir-butir tolong beritahu dengan pihak pembangkang yang amalan ini umpamanya di Great Britain empat kali setahun mengeluarkan peruntukan tambahan, setiap tahun. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batang Lumar. Memang benar ini merupakan satu amalan atau praktis biasa kerana itulah kita sediakan peruntukan luar jangka iaitu untuk menampung keperluan-keperluan yang di luar jangkaan kita. Jadi, inilah dan saya maklum juga bahawa negara-negara yang maju seperti England, malah Amerika sendiri pun memang ada menyediakan peruntukan yang dinamakan luar jangka ini untuk menampung keperluan-keperluan yang memerlukan perhatian dan tindakan segera. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pendang meminta supaya usaha-usaha dijalankan untuk meningkatkan profesionalisme PDRM. Beliau juga mencadangkan supaya gaji minimum polis dikaji semula oleh pihak-pihak kerajaan. Di samping itu, beliau juga menggesa supaya langkah-langkah tegas diambil untuk memulihkan semula imej polis yang beliau dakwa terjejas akibat perbuatan bekas Ketua Polis Negara yang mencederakan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Tuan Yang di-Pertua, pihak polis sememangnya sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi profesionalisme PDRM. Bagi mencapai tujuan tersebut, pelbagai usaha telah dijalankan seperti mengadakan program Polis Mesra Rakyat yang

merupakan satu elemen baru dalam PDRM untuk memberikan satu perkhidmatan yang mesra kepada rakyat.

Walau bagaimanapun, pendekatan mesra diambil oleh PDRM ini tidak bermaksud polis akan mengabaikan aspek penguatkuasaan undang-undang. Sebaliknya, tidak akan berkompromi dengan sebarang perbuatan jenayah dan sebarang perbuatan yang boleh menggugat keselamatan dan keamanan negara serta menjejaskan profesionalisme mereka.

Bagi menghargai sumbangan PDRM dan menambah imbuhan kepada mereka, PDRM telah pun mengemukakan cadangan kepada kerajaan supaya skim perkhidmatan dan tangga gaji polis dikaji semula.

Kewujudan pasukan polis adalah bertujuan untuk menguatkuasakan undang-undang bagi mengawal ketenteraman awam dan keselamatan negara. Justeru itu, kehadiran anggota-anggota FRU yang bertugas di kampung-kampung dalam kawasan DUN Sanggang semasa pilihan raya kecil Sanggang yang lalu adalah sekadar untuk memastikan tiada sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku dalam tempoh tersebut.

Kerajaan tidak pernah menafikan atau menyekat kebebasan bersuara atau berhimpun bagi mana-mana pihak kerana terdapat peruntukan yang jelas mengenai perkara

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat. Dua orang yang bangun.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan.

Tuan Muhamad bin Mustafa: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak? Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, beri wanita.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, beri wanita.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hanya satu cadangan mengenai kempen polis mesra itu, sebenarnya satu bukti yang paling baik ialah kalau setengah penyokong KeADILan mereka ingin mengadakan suatu

perhimpunan pada hari Sabtu yang akan datang ini, selagi mereka adakan secara damai, saya bercadang supaya pihak polis dan kerajaan membenarkan perhimpunan itu dijalankan secara damai. Ini adalah satu bukti yang paling baik untuk menunjukkan bahawa polis itu selain menjaga keselamatan dan juga bermesra dengan rakyat.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, jikalau ada jaminan daripada pihak penganjur bahawa perhimpunan itu tidak akan menjadi satu perhimpunan yang liar, ganas dan luar daripada kawalan, maka polis akan menimbangkannya. Tetapi tidak ada jaminan setakat ini kerana biasanya apa yang telah berlaku, setiap perhimpunan seperti itu maka emosi akan meningkat naik dan akhirnya kekacauan akan berlaku. Kita tidak mahu sekarang ini dan kita tidak mampu menyaksikan sebarang kekacauan, huru hara berlaku di negara kita, di saat kita sedang memulihkan ekonomi, saham pun tengah hendak pulih, maka jikalau itu berlaku, semua orang akan rugi termasuk Yang Berhormat sendiri, saham-saham Yang Berhormat akan turun dan semua orang akan marah kepada kita. *[Ketawa]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tetapi sekarang selalunya kehadiran polis membangkitkan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Seputeh, jangan bangun begitu sahaja ya.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Beri jalan, nampaknya dia duduk.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, tidakkah negara kita ini ada undang-undang dan peraturan. Kalau hendak mengadakan satu perhimpunan yang besar, mesti meminta permit. Jadi, kalau permit tidak ada ia dikatakan perhimpunan haram.

Adakah negara kita hendak membenarkan sesuatu yang haram dijalankan? Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat berkenaan perkara itu.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, memang benar, sesuatu yang haram itu memang tidak diizinkan oleh mana-mana pihak pun, dari segi agama pun haram itu memang tidak boleh. *[Ketawa]* Dari segi penguatkuasaan undang-undang pun memang haram itu adalah haram dan tidak boleh dibenarkan.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila, sila, hendak beri jalan kepada yang mana? Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, hendak beri jalan, ini ada dua orang yang bangun ini.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, yang belakang itu, dia jarang mendapat peluang. *[Ketawa]*

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya tertarik dengan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang memberitahu bahawa kita memang sensitif dengan benda haram, dari segi agama pun kita memang tidak benarkan. Jadi, saya rasa ini bertentangan dengan apa yang dilakukan sendiri oleh Kerajaan Barisan Nasional dan UMNO. Sebagaimana yang berlaku sekarang ini, misalnya pemberian lesen kepada lesen-lesen judi yang jelas bertentangan haramnya dari segi hukum Islam tetapi diberikan juga oleh Kerajaan Barisan Nasional sekarang. Jadi, macam mana komen Yang Berhormat?

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, seperti semalam saya dengar jawapan sebelah sana saudara pembangkang, dia kata lesen-lesen dikeluarkan untuk orang-orang yang bukan Islam. Dengan sebab itu, baru-baru ini Kerajaan PAS Terengganu keluarkan lesen arak dan judi juga pun masih wujud untuk orang bukan Islam. Dan apa yang wujud sekarang ini,

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Hashim bin Ismail: Nanti Yang Berhormat, saya habiskan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya teruskan. Teruskanlah. Ya, dia bangun biarlah.

Tuan Hashim bin Ismail: Kita juga sebagai sebuah negara berbilang kaum, berbilang agama, maka premis perjudian dan lain-lain itu adalah untuk orang bukan Islam dan memang ada peraturan diwujudkan oleh kerajaan bahawa setiap orang Islam yang berada di premis perjudian dan terbukti dia terlibat secara aktif, maka tindakan boleh diambil dan tuan punya premis perjudian juga boleh diambil tindakan. Dan kerajaan sekarang tidak lagi mengeluarkan lesen baru – habis tidak ada lagi! Ertinya kita tidak menggalakkan aktiviti perjudian dan kita tahu yang haram itu tetap haram tetapi apa yang berlaku sekarang ini adalah bukan untuk orang Islam tetapi untuk saudara-saudara kita yang bukan Islam.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya rasa cukuplah.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup, pukul 1.00 dah ya.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya akan teruskan jawapan pada petang nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah Yang Berhormat, masa pukul 1.00 dah ya. Kita berhenti Yang Berhormat, sekejap ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Sampai giliran saya cukup macam mana? Ada seminit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Eh, dah sampai dah. Cukuplah. Berkenaan dengan perkara ini telah pun dijawab dengan banyak oleh Yang Berhormat bagi Chenderoh bersangkutan paut dengan benda ini.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, saya tajuk yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Dengan perarakanlah, apakah, sudah dijawab, janganlah diulang-ulangkan lagi ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya tidak bersabit dengan perarakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, sudahlah Yang Berhormat, sudahlah! Kita hendak kena habiskan pada hari ini ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Setiausaha Parlimen beri laluan nampak.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kalau sana lalu, saya pun hendak lalu.

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat ya. Ya Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan dan disambung pada jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dijemput pihak kementerian menyambung jawapan.

2.31 ptg.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan tadi saya berhenti untuk rehat semasa saya sedang membincangkan tentang kehadiran pihak polis (FRU) di Sanggang yang bertujuan semata-mata untuk memastikan tiada sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku dalam Pilihan Raya Kecil tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak pernah menafikan atau menyekat kebebasan bersuara atau berhimpun bagi mana-mana pihak kerana terdapat peruntukan yang jelas mengenai perkara ini. Sebelum sesuatu permit untuk mengadakan sesuatu perhimpunan dikeluarkan, dinyatakan bagaimana cara-cara untuk mengadakan perhimpunan, perjumpaan atau perarakan. Ini jelas terbukti melalui kebenaran mengadakan ceramah-ceramah umum politik pada masa-masa sebelum pilihan raya yang lalu. Keputusan pihak polis untuk mengeluarkan atau tidak sesuatu permit itu adalah berdasarkan kepada keadaan keselamatan, keadaan sekitar tempat yang akan diadakan ceramah atau perhimpunan-perhimpunan. Pihak polis adalah satu pasukan yang profesional, yang boleh menentukan apa yang baik untuk memastikan ketenteraman awam terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong mendakwa PDRM kurang berkeupayaan untuk menangani kes-kes curi wang melalui ATM yang dikatakannya menggunakan teknologi tinggi yang berlaku sekarang ini. Untuk menjawab dakwaan Yang Berhormat bagi Kepong, adalah tidak benar bahawa

PDRM kurang berkeupayaan untuk menangani kes curi wang melalui ATM. Buat masa sekarang PDRM di bawah Bahagian Siasatan Jenayah Perdagangan telah bersiap sedia sepenuhnya untuk menguatkuasakan Akta Jenayah Komputer 1997 yang akan menangani jenayah-jenayah yang melibatkan teknologi tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong juga membangkitkan isu kehilangan wang melalui ATM yang saya sudah sentuh tadi tentang peranan polis. Untuk makluman Yang Berhormat, semua institusi kewangan diberi tempoh sehingga Jun 2000 untuk memprogramkan semula sistem pengkomputeran mereka bagi melindungi para pelanggan daripada penipuan dan pada masa yang sama institusi kewangan terbabit digesa menarik balik kad mesin pengeluaran automatik (ATM) yang tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan yang ditetapkan.

Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengeluarkan satu garis panduan kepada institusi kewangan menggesa mereka meningkatkan ciri-ciri keselamatan pada kad ATM. Garis panduan tersebut, antara lainya memberi penekanan terhadap usaha meningkatkan ciri-ciri keselamatan kad ATM, penggunaan nombor pengenalan persendirian (PIN) yang berkesan, kawalan dalaman dan keperluan pemasangan kamera litar tertutup di lokasi ATM.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong juga ada menyentuh tentang kemudahan tenaga pengajar sangat kurang di IPTA yang secara tidak langsung menjejaskan kualiti pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian tinggi. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat ini, sehingga kini beberapa universiti seperti UM, UKM, UTM, UPM dan UiTM telah pun mencapai enrolment pelajar seramai 20,000.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kota Melaka bangun.

Tuan Hashim bin Ismail: Sila, Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Terima kasih. Sebenarnya pihak polis atau bank cuma mengakui bahawa ada sindiket yang canggih yang telah mencuri wang secara haram daripada ATM iaitu setelah berlakunya di Seremban dan juga sekarang di Pulau Pinang tetapi sebelum ini semenjak ATM card dikeluarkan terdapat begitu

banyak aduan bahawa wang telah dikeluarkan. Ada orang yang membuat rungutan atau aduan itu adalah seperti guru atau pensyarah tetapi bank tidak pernah mengakui bahawa mereka adalah salah. Saya tahu banyak kes yang walaupun telah diutarakan atau disampaikan kepada bank mereka tidak mendapat apa-apa pampasan pun. Jadi, apakah komen daripada pihak polis berkenaan kes-kes lama ini sebelum kejadian di Seremban dan juga di Pulau Pinang di mana sekarang baru bank mengakui ada sindiket yang membuat tindakan jenayah ini.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Memang benar kita mengakui bahawa sebelum ini pun banyak kes ataupun ada kes yang berlaku yang melibatkan kecurian wang ATM ini tetapi boleh saya katakan bahawa sebelum ini kes-kes itu berlaku secara ‘terpencil’ iaitu tidak begitu membimbangkan kita tetapi sekarang ini apabila kes ini telah menjadi begitu berleluasa, maka pihak kita tidak lagi mahu berkompromi kerana kalau ini dibiarkan berlarutan, ia akan menghakiskan keyakinan para pelanggan terhadap kredibiliti atau kewibawaan sistem perbankan kita. Jadi kerana itu, maka kerajaan sekarang mengambil satu langkah yang benar-benar komprehensif, yang benar-benar intensif supaya dapat ditangani kes seperti ini dan kita harap dengan kerjasama semua pihak, insya-Allah akan dapat kita tangani kes kecurian wang di ATM ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambung tentang kekurangan para pengajar di institusi pengajian tinggi. Universiti-universiti dijangka meningkatkan enrolment pelajar masing-masing dalam tempoh 5 atau 10 tahun bagi mencapai bilangan 20,000 pelajar. Ini mengambil kira semua infrastruktur dan kemudahan asas disediakan sepenuhnya. Pada masa yang sama semua tenaga pengajar yang dilatih dan mula berkhidmat dengan IPTA tersebut dan keupayaan IPTA untuk meningkatkan enrolment pelajar tidak akan mengalami kesulitan berdasarkan perancangan pembangunan akademik IPTA.

Yang Berhormat bagi Kepong juga ada menimbulkan masalah tentang penyelenggaraan Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil. Untuk makluman Yang Berhormat, penyelenggaraan Kompleks Sukan Negara dilakukan oleh sebuah syarikat kontraktor dan pihak Perbadanan Stadium Merdeka sedang memantau

prestasi kontraktor berkenaan sama ada perkhidmatan syarikat tersebut perlu disusun semula. Dan sekarang ini kontraktor binaan sedang mengambil tindakan sewajarnya untuk membaik pulih semua kerosakan seperti yang dilaporkan dan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong tadi. Dan, sekarang ini kontraktor binaan sedang mengambil tindakan sewajarnya untuk membaik pulih semua kerosakan seperti yang dilaporkan dan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong tadi.

Yang Berhormat Kepong juga ingin tahu bagaimana 10 buah bank peneraju mengurus dan menjayakan penggabungan yang dicadangkan. Di bawah dasar penggabungan, institusi perbankan telah diberikan fleksibiliti ataupun kelonggaran untuk menubuhkan kumpulan gabungan mereka sendiri serta memilih bank peneraju untuk menerajui proses penggabungan tersebut. Institusi perbankan telah diberi masa sehingga bulan Januari tahun 2000 untuk menghantar kepada Bank Negara Malaysia, kumpulan penggabungan mereka. Dan pada 14 Februari tahun 2000, Bank Negara Malaysia telah meluluskan pembentukan 10 kumpulan bank tersebut.

Berdasarkan fleksibiliti dan pilihan sendiri yang dilakukan oleh bank-bank bagi memilih bank peneraju masing-masing dan ini tidak syak lagi akan menjadi faktor penting untuk memudahkan bank peneraju menguruskan proses penggabungan bank-bank dalam kumpulan masing-masing.

Tuan Moktar bin Radin: Penjelasan. Ini mahu tanya sikit berhubung dengan bank-bank. Kerana kebetulan kelmarin saya dan rakan ke bank, kad pengenalan tidak bawalah, tertinggal, jadi kita gunakan kad ahli Parlimen. Malangnya, bank tidak layan langsunglah kad 'Ahli Parlimen' kita kerana dia kata, ini bukan satu dokumen yang menunjukkan identiti. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berhubung dengan perkara ini, adakah betul pegawai bank itu atau di mana silapnya perkara ini. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih, Yang Berhormat. Sepatutnya Yang Berhormat kena bawa IC ke mana-mana ni kerana ia menyalahi peraturan [*Ketawa*] Tetapi ini mungkin satu kesilapan yang tidak disengajakan. Sebenarnya, identiti diri yang diiktiraf (di'recognize') ialah kad pengenalan kita itu. Tetapi oleh

kerana Yang Berhormat mungkin tertinggal kad pengenalan dan sepatutnya ada budi bicara untuk mengiktiraf kad 'Ahli Parlimen' dan kita boleh minta – tetapi perkara ini bukan selalu berlaku dan saya nasihatkan Yang Berhormat lain kali bawalah, setiap kali ke mana-mana pun bawa kad pengenalan ini. Tetapi kalau sering berlaku macam ini, saya rasa tidak ada sebab....

Tuan Moktar bin Radin: Jadi, kad 'Ahli Parlimen' ini untuk apa?

Tuan Hashim bin Ismail: Kad 'Ahli Parlimen' untuk memperkenalkan diri kita sebagai seorang Member of Parliament. Misalannya, kalau hendak naik keretapi dapat kemudahan first class, lepas itu kalau hendak pergi menyeberang Pulau Pinang melalui feri, diberikan keutamaan dan lain-lainlah yang relevan dengan

Tuan Moktar bin Radin: Yang anehnya, kalau agensi kerajaan, immigration dan sebagainya, dia terima tetapi ini bank tidak ada penghormatan langsung, apa sebab. Dia kata ini tidak laku. Jadi, apa sebab tidak laku, kalau tidak laku kita surrender balikkah.

Tuan Hashim bin Ismail: Yang Berhormat, ini masalah duit, masalah wang. Pihak bank tidak boleh sewenang-wenangnya. Kerana kalau kad ATM pun boleh diklonkan, apa lagi kad Ahli Parlimen. Memang mudah untuk diklonkan. Jadi, ini masalah duit, masalah keselamatan wang dan ia melibatkan para pelanggan yang lain juga. Jadi, kerana itu pihak bank perlu dan kena memastikan bahawa pelanggan itu benar-benar orang yang berkenaanlah. Ini masalah duit, jadi, saya rasa tidak harus ada kompromi dalam perkara ini.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh, saya sambung sikit. Saya ingat mungkin ada terdapat sikit keliru. Apa yang sahabat saya daripada Kinabatangan sebutkan tadi, soal keutamaan, sebab kalau ahli Parlimen, kita bukan hendak menunjukkan diri kita ini wakil rakyat, hendak besarkan diri. Kalau kad Ahli Parlimen, kebetulan dia tidak bawa, sekurang-kurangnya mereka berilah sedikit kepercayaan. Kerana baru-baru ini dalam Dewan ini pernah disebut, kalau sewaktu mengundi tidak bawa Kad Pengenalan (IC), driving license boleh diterima. Jadi, saya hendak penjelasan, kerana saya sendiri mengalami perkara ini berhubung

dengan perkhidmatan bank, sebenarnya saya tidak hendak bangkit tetapi sudah dua kali.

Berhubung dengan pembayaran Amanah Saham Nasional, tahun dulu pun bank menghantar cek kepada saya, saya tidak terima, tahun ini berlaku lagi. Sebenarnya saya tidak mahu bangkit perkara ini. Jadi, kalau orang macam kita, macam kami, macam sayalah dari kampung, tidak mendapat kemudahan seperti ini bagaimana orang-orang kampung, orang yang memberi keyakinan, harapan yang begitu tinggi kepada bank, lebih-lebih lagi dengan keadaan yang berlaku pada hari, ini yang membimbangkan. Sebab saya balik kampung baru ini, orang kampung sudah mula takut hendak simpan duit dalam bank, depa kata lebih baik simpan wang dalam bawah bantal, bawah tilam. Tetapi saya terpaksa kempen beritahu, saya kata kalau simpan bawah tilam, bawah bantal, terbakar rumah, insuran tidak ada, ini membimbangkan. Itu maksud sahabat saya tadilah, saya rasa. Jadi, saya mintalah supaya perkhidmatan bank ini, bukan setakat cakap sahaja, mesti ada satu – Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih, Yang Berhormat Dato. Orang kampung biasanya bawa kad pengenalan ke mana-mana, [*Ketawa*] jadi tidak ada masalah pada mereka. Cuma saya tidak nampak sebab mengapa kita harus tidak bawa kad pengenalan. Kalau minta layanan biasa bukan untuk tujuan mengeluarkan wang, saya rasa ini mungkin bank boleh pertimbangkan, ertinya layanan untuk diberikan keutamaan, tetapi kalau untuk mengeluarkan wang, saya rasa ini agak sukar sikitlah. Terima kasih.

Tuan Moktar bin Radin: Penjelasan sikit. Tambahan sikit. Ini macam ada unsur double standard. May Bank, saya gunakan, dia pakai. Dia punya pegawai tidak ada soal apa semua, tetapi ini bank yang agensi kerajaan, Bank Simpanan Nasional sendiri, dia kata ini tidak pakai. Jadi, itu yang saya hairan, kalau May Bank boleh terima, kenapa dia tidak boleh terima. Apakah dia punya pegawai-pegawai, pekerja-pekerja tidak maklum bahawa di Malaysia ini ada Parlimen ataupun adakah mereka ini buta huruflah, tidak tahu apa itu ahli Parlimen, ada wujud Parlimen di

Malaysia. Kalau May Bank boleh terima, sedangkan dia bukan kerajaan, kenapa pula dia tidak boleh terima, ini yang saya tidak berapa sennglah.

Tuan Hashim bin Ismail: Ini kes

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya minta penjelasan sebelum penjelasan diberi kepada sanalah. Kadang-kadang Yang Berhormat, sama ada Yang Berhormat sedar perkara ini berlaku, apabila seseorang itu mengambil wang daripada bank, bank perlukan identiti ataupun pengenalan diri kepada seseorang. Jadi, apabila pengenalan diri ini diperlukan, wang dikeluarkan, apabila wang itu keluar tersalah orang yang menerima, apabila berbangkit persoalan di mahkamah, kalau perkara ini berlaku nanti, identiti orang yang menerima duit itu akan dipersoalkan juga. Jadi, legal responsibility kepada pegawai bank yang tertentu ialah terletaknya menerima kad pengenalan yang tertentu yang diiktiraf oleh undang-undang sebagai satu kad identiti diri kepada seseorang itu. Jadi, adakah Yang Berhormat sedar di Malaysia kad yang diterima sebagai legal identity kepada seseorang itu ialah passport dan identity card, bukan kad-kad lain?

Tuan Hashim bin Ismail: Saya bersetuju dan saya telah sebutkan tadi, terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Saya sudah sebutkan tadi bahawa kad pengenalan yang benar-benar diiktiraf ialah kad pengenalan kita itu. Yang lain itu, seperti yang disebutkan tadi memang ada area yang menerima kad seperti ini, kad 'Ahli Parlimen' dan sebagainya. Tetapi masalah tadi, May Bank boleh terima dan BSN tidak boleh terima, saya rasa ini akhirnya, kalau sesuatu institusi kewangan itu dia yakin bahawa Yang Berhormat memang seorang ahli Parlimen dan tidak ada niat untuk menipu maka dia akan gunakan budi bicara dan akan menerimanya. Tetapi dalam kes BSN, saya rasa dia teliti, terlalu rigid dan teliti dan dia bimbang kalau-kalau berlaku sesuatu penyelewengan dan sebagainya dan saya harap ini dapat dimaafkanlah Yang Berhormat.

Tuan Moktar bin Radin: Ini kemusykilan juga, kalau dia betul-betul teliti, takkan wang orang di ATM hilang berjuta-juta, ini menandakan dia tidak ada ketelitian dalam perkara ini Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Okaylah, saya tidak mahu panjangkan cerita ini lagilah. Sebenarnya, kehilangan wang ATM itu ialah luar daripada kemampuan BSN untuk mengesannya. Tetapi isu Yang Berhormat timbulkan ini memanglah dalam bidang kuasa budi bicara BSN. Tetapi kita haraplah lain kali kalau Maybank boleh bererti institusi lain pun boleh beri kelonggaran sedikit kepada Member of Parlimen yang mengeluarkan kad pengenalan Ahli Parlimennya. Ini budi bicara, Yang Berhormat. Keyakinan dan budi bicara. Terima kasih dan

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, boleh saya sambung sedikit. Mungkin Yang Berhormat bersetuju kalau boleh, dapat dipertingkatkan lagi mutu perkhidmatan bank-bank ini kerana kalau tidak ada pelanggan, orang ramai menyimpan dalam bank, mustahil bank boleh mengembangkan ataupun menjalankan kegiatan ini. Jadi, saya mintalah kalau boleh, mutu perkhidmatan bank- memang bagus sekarang, tetapi dapat dipertingkatkan lagi kualitinya. Saya minta

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Dato'. Memang benar kerajaan sekarang, pihak BNM sedang memantau setiap bank dipertingkatkan kualiti perkhidmatan mereka melalui garis panduan yang dikeluarkan oleh BNM dan juga satu garis panduan jelas dan lebih ketat supaya kewibawaan institusi perbankan kita diyakini. Jadi, terima kasih di atas cadangan Yang Berhormat Dato' itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong juga ada menyentuh tentang perisian untuk program sekolah bestari. Untuk menjawab soalan ini, penyediaan perisian untuk program sekolah bestari dibuat oleh satu konsortium yang terdiri daripada beberapa syarikat tempatan dan luar negara. Perisian bagi empat mata pelajaran dibina secara *grown-up* dari Tahun Satu hingga Tingkatan Lima. Kementerian Pendidikan mengambil masa untuk menyemak perisian bagi memastikan perisian yang siap, berkualiti dan sesuai untuk pengajaran dan

pembelajaran. Pengisian awal bagi sekolah rintis dijangka siap pada Ogos tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tambun

Tuan Ronald Kiandee: Penjelasan. Bila kita bercakap tentang sekolah bestari, ianya membayangkan sesuatu sekolah yang lengkap dengan prasarana pembelajaran yang conducive untuk murid-murid. Tetapi sekarang ini kita melihat bahawa penekanan kementerian untuk mewujudkan sekolah bestari hanya di kawasan bandar. Saya ingin tahu apabila kita melihat keputusan-keputusan SPM, SRP tahun-tahun lepas, jelas menunjukkan bahawa keputusan ini lemah jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah di luar bandar. Saya ingin penjelasan sama ada kementerian ataupun kerajaan mempunyai rancangan untuk mewujudkan sekolah-sekolah bestari ini di kawasan luar bandar seiring dengan pembinaan sekolah bestari di bandar.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat, memang benar bahawa sekolah bestari sekarang ini dimulakan di kawasan-kawasan bandar kerana kemudahan infrastruktur dan prasarana yang mencukupi dan memang kerajaan berhasrat supaya pembangunan pendidikan ini tidak hanya berlaku di bandar tetapi juga berlaku di luar bandar. Maka saya rasa dan yakin memang itulah hasrat kerajaan supaya akhirnya di kawasan-kawasan luar bandar juga akan menerima nikmat dan program sekolah bestari ini. Terima kasih, Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Tambun menyatakan Kementerian Pertanian harus menumpukan usaha meningkatkan pengeluaran makanan bagi tanaman atau ternakan yang mempunyai *comparative advantage*. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, Kementerian Pertanian bercadang menumpukan pengeluaran padi hanya di kawasan jelapang padi dan jelapang mini yang mempunyai kemudahan infrastruktur khususnya pengairan. Keluasan jelapang ini adalah terhad dengan pertumbuhan penduduk dalam negara. Pengeluaran beras perlu dipertingkatkan. Kementerian Pertanian akan berusaha meningkatkan pengeluaran beras dengan meningkatkan produktiviti sawah atau hasil pengeluaran sehektar. Pengeluaran beras masih akan dikekalkan pada tahap sara diri lebih kurang 75% demi sekuriti makanan.

Yang Berhormat bagi Tambun juga ada menyentuh tentang kerajaan menggalakkan pengeluaran secara *comparative advantage* contohnya pengeluaran atau perusahaan biri-biri dan ostrich. Kerajaan menggalakkan aktiviti pengeluaran makanan yang mempunyai peluang pemasaran atau mempunyai permintaan dan boleh memperolehi keuntungan. Terpulang kepada mereka yang berminat, bakal pengusaha, pembuat kajian sebelum memulakan aktiviti pengeluaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Pokok Sena.....

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Saya minta penjelasan, Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sentuh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebut pasal meningkatkan pengeluaran makanan tadi tentang beras. Saya kurang pasti sama ada bila disebut hendak meningkatkan ini, sama ada kita hendak meningkatkan luas sawah (*acreage*) di Malaysia ataupun kita cari alternatif lain kerana saya difahamkan, ada juga cadangan selain meluaskan *acreage* kita di Malaysia ini, kita boleh lihat kemungkinan mengusahakan (*acquire*) tanaman padi ini di negara lain - di lurah Mekong misalannya dan tujuan kita usahakan ini untuk pembekalan makanan untuk negara kita. Jadi, kita tidak hanya melihat untuk meningkatkan pengeluaran padi itu hanya hendak bertumpu pada keluasan sawah di Malaysia sahaja kerana ini terhad. Tanah-tanah kita menjadi mahal sekarang, mungkin kos pengeluarannya juga akan mahal. Jadi, kalau kita pergi ke negara di mana kos pengeluarannya rendah, rakyat kita boleh mendapat bekalan makanan yang lebih murah. Adakah itu strategi yang dianjurkan? Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya sebutkan tadi, kita sedar bahawa kawasan jelapang padi kita adalah terhad, oleh itu strategi kerajaan ialah untuk meningkatkan pengeluaran per hektar, meningkat pengeluaran bukan memperluaskan kawasan jelapang padi kita kerana kita tidak mempunyai kawasan yang cukup untuk tujuan tersebut. Dan cadangan Yang Berhormat untuk kita menerokai bidang ini di negara-negara di mana kos pengeluarannya rendah, satu cadangan yang boleh dipertimbangkan dan kalau ini dikira sebagai satu yang menguntungkan saya rasa tidak ada halangan untuk kerajaan menerokai prospek ini.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat tertariklah kalau kita dapat mengembangkan lagi, meluaskan lagi pelaburan usaha kita ke luar negara. Cuma timbul kebimbangan kerana tidak lama dahulu timbul kes-kes di mana ada ahli-ahli perniagaan kita menceburkan diri dalam bidang perladangan di sebuah negara jiran. Wang telah pun dilaburkan, telah dikeluarkan tetapi tanah tidak ada, ini pernah berlaku. Jadi, apakah jaminan kalau sekiranya kita mengembangkan lagi soal memperluaskan usaha kita ke negara-negara di luar Malaysia ini, jaminan supaya usaha ini tidak menghadapi kegagalan? Ini pernah berlaku dahulu, saya ingat Yang Berhormat mungkin tahu ada pelabur-pelabur kita pergi ke negara jiran melabur, wang sudah habis, kemudian tanah tidak ada dalam bidang kelapa sawit, itu satu.

Kedua, saya tertarik dengan apa Yang Berhormat sarankan tadi berhubung dengan tanaman padi ini. Dahulu timbul di Kedah, kalau tidak silap saya hendak digalakkan supaya tanaman padi dibuat atas bumbung rumah, bumbung bangunan-bangunan kerana kekurangan masalah kawasan tanah sebagaimana yang kita dimaklumkanlah.

Satu lagi Yang Berhormat, yang terakhir. Berhubung dengan masalah untuk kita meningkatkan lagi hasil pertanian kita khususnya tanaman padi terdapat di kawasan kampung, bendang-bendang yang tidak terurus kerana masalah perparitan, khususnya di kawasan saya, tanah-tanah bendang yang telah tertinggal kerana orang kampung tidak dapat mengusahakannya kerana masalah kekurangan air, masalah perparitan dan sebagainya. Jadi, saya minta perhatian kalau boleh supaya masalah kita untuk menambahkan lagi pengeluaran hasil pertanian negara dapat kita capai. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, yang pertama saya ingin tanya sama ada ucapan Yang Berhormat panjang lagi. Yang kedua, ingin saya ingatkan juga kita perlu menyediakan masa untuk Ahli Yang Berhormat berucap di peringkat Jawatankuasa. Jadi, ini dua perkara yang saya ingatkan Yang Berhormat supaya masa boleh dijimatkan.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih....

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya sokonglah, Tuan Yang di-Pertua. Kita hendak bercakap tadi tidak dapat. Tetapi sekarang buang masa bercakap benda-benda yang kecil macam itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih, Datuk. Jadi saya tidak banyak lagi. Sikit lagi.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pokok Sena ada menyentuh tentang Enakmen Pengawalan Akidah Negeri Perlis. Untuk menjawab isu ini, kerajaan sama sekali tidak menafikan tentang hukum hudud sebagai hukum Islam. Pelaksanaan hukum hudud termasuk bagi kes murtad akan dilaksanakan secara penuh bertanggungjawab, teliti, harmoni dan berperingkat-peringkat dengan mengambil kira, mengambil perhatian bahawa keadilan benar-benar dapat dijamin dan ditegakkan. Ini melibatkan kesempurnaan dan kemantapan dari segi undang-undang, kaedah dan kepakaran dalam perundangan dan kehakiman Islam. Sekiranya ini semua belum ada atau belum sempurna bermakna akan berlaku kezaliman penganiayaan terhadap orang-orang yang tidak berdosa atau tidak bersalah. Enakmen Pengawalan Akidah Islamiah Negeri Perlis itu merupakan salah satu usaha secara berperingkat, bertanggungjawab dan harmoni ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Sandakan mengemukakan masalah mengebom ikan yang telah dilakukan oleh nelayan dan telah memusnahkan kawasan pembiakan ikan termasuk terumbu karang. Jabatan Perikanan menyedari masalah pengeboman ikan dan beberapa langkah telah diambil untuk mengatasi masalah tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, sebahagian besar kegiatan pengeboman ini dilakukan oleh pendatang tanpa izin dari negara jiran. Untuk mengatasi masalah ini, Jabatan Perikanan sentiasa meningkatkan aktiviti penguatkuasaan untuk membanteras aktiviti pengeboman tersebut.

Pada tahun 1999 sebanyak 91 kes yang telah berjaya ditahan berkaitan dengan kes tersebut dan dikenakan tindakan di bawah Seksyen 26(1)(b), dan

Seksyen 26(1)(c) Akta Perikanan 1985. Manakala pada tahun 1998, ada sebanyak 83 kes tangkapan dan 66 kes pada tahun 1997. Dalam membanteraskan masalah ini, Jabatan Perikanan turut sama dibantu oleh Polis Marin selain daripada aktiviti penguatkuasaan, Jabatan Perikanan juga mengadakan kempen kesedaran dan taklimat kepada nelayan mengenai bahayanya aktiviti penangkapan ikan dengan menggunakan bahan letupan ini. Selain daripada itu, Jabatan Perikanan telah memperkenalkan aktiviti-aktiviti ekonomi yang lain seperti ternakan ikan dalam sangkar dan juga kultur rumpai laut agar nelayan tidak menceburkan diri dalam aktiviti penangkapan ikan dengan menggunakan bahan letupan.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan Malaysia memansuhkan jenis sekolah bantuan modal kepada hanya bantuan penuh. Untuk makluman Yang Berhormat, untuk tujuan tersebut kita perlu menukarkan tapak kepada kerajaan persekutuan. Tapak sekolah itu perlu ditukar statusnya kepada kerajaan persekutuan barulah boleh dijadikan sekolah kerajaan.

Yang Berhormat Gelang Patah juga mencadangkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan agar projek sekolah jenis kebangsaan (Cina) dan sekolah jenis kebangsaan (Tamil) dimasukkan sejajar dengan bilangan pelajar yang berbilang kaum. Dasar Kementerian Pendidikan Malaysia lebih kepada sekolah kebangsaan yang boleh menampung keperluan semua kaum bukan untuk kaum tertentu sahaja seperti SJK(C) dan SJK(T).

Yang Berhormat Gelang Patah juga memohon kerajaan menambah dan meningkatkan kemudahan infrastruktur di sekolah untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Kementerian Pendidikan Malaysia memang menyedari terdapat sesetengah sekolah tidak mempunyai bilik darjah yang mencukupi. Dalam RMK-7 kajian separuh penggal dan program sekolah satu sesi, kerajaan telah mengeluarkan pelaksanaan lebih kurang 900 projek bangunan tambahan untuk sekolah dan lebih kurang 300 projek sekolah baru di seluruh negara. Dengan terlaksananya projek-projek ini bilangan bilik darjah akan bertambah dan diharapkan dapat mengatasi masalah kekurangan bilik-bilik darjah yang dialami oleh sekolah-sekolah sekarang ini.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah juga menyentuh tentang kerajaan perlu bersikap liberal terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa ibunda. Kerajaan memang menggalakkan rakyat mempelajari dan menguasai pelbagai bahasa sesuai dengan era globalisasi. Namun demikian, Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan masih tetap menjadi bahasa pengantar utama di semua peringkat pendidikan. Mengenai bahasa ibunda, dasar kerajaan adalah jelas dengan membenarkan terus kewujudan sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Malah dalam Akta Pendidikan 1996 ada dinyatakan bahawa bahasa ibunda boleh diajar di sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah sekiranya ada permintaan daripada sekurang-kurangnya 15 orang ibu bapa para pelajar. Tentang masalah kekurangan guru di SJK(C), kementerian akan mengambil kira pandangan Yang Berhormat supaya akhirnya nanti SJK(C) juga dapat memperolehi guru yang mencukupi.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah juga memohon supaya cadangan pemindahan SJK(C) di estet di kawasan bandar diluluskan. Pembukaan sesebuah sekolah adalah berdasarkan keperluan masyarakat setempat dan sekiranya didapati tidak perlu maka ia akan ditutup. Dalam Akta Pendidikan tidak menyebut tentang perpindahan dari estet, contohnya ke kawasan bandar. Walau bagaimanapun, Menteri Pendidikan berkuasa membuka sekolah baru sekiranya diperlukan.

Yang Berhormat Tanah Merah mengatakan guru KAFA yang tidak menyokong kerajaan ditamatkan kontrak mereka. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat, dakwaan ini adalah tidak tepat. Guru-guru kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) hanya akan diberhentikan atas dasar prestasi kerja mereka yang tidak memuaskan tanpa mengambil kira fahaman atau pegangan politik mereka.

Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh telah menyatakan bahawa beliau berharap Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia yang telah ditubuhkan itu harus bebas dalam melaksanakan tugas-tugasnya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh, kebebasan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia sememangnya diperuntukkan dalam Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia tahun 1999.

Tuan Yang di-Pertua, ada dua tiga isu yang ingin saya sentuh iaitu isu ICJ yang disentuh oleh Yang Berhormat Seputeh dan juga isu elaun petugas SPR yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat Tebrau dan saya telah dimaklumkan bahawa kedua-dua isu ini akan dijawab oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri di peringkat Jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukup setakat itu dan saya akhiri ucapan saya dengan ucapan terima kasih lagi sekali kepada semua pihak yang telah mengambil bahagian dan saya ucapkan Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya dengar Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kata bahawa ucapan Yang Berhormat Seputeh akan dijawab dalam peringkat Jawatankuasa. Saya rasa ini tidak adil. Kalau orang sudah ucap dalam peringkat dasar kena jawab sekarang, mengapa kita tunggu. Tidak boleh itu macam. Nanti lain peringkat kita ada lain ucapan. Kita harus kalau hendak jawab...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kata sudah jawab ataupun akan dijawab?

Tuan Hashim bin Ismail: Sebenarnya perkara ini sudah banyak kali disentuh sebelum ini tetapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebelum ini memang sudah dijawablah.

Tuan Hashim bin Ismail: Tetapi dua isu ini termasuk isu SPR tadi akan disentuh oleh Jabatan Perdana Menteri semasa menggulung dalam peringkat Jawatankuasa. Sama jugalah benda yang sama juga, isu yang sama jawapan pun sama. Jadi saya rasa tidak ada masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pendek kata Yang Berhormat tadi kata itu perkara pun dijawab oleh pihak kerajaan.

Tuan Hashim bin Ismail: Sudah jawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Bukan tidak perlu, ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Semasa peringkat Jawatankuasa, semasa kita membahaskan Belanjawan tahun 2000.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya hendak beri penjelasan. Dua isu yang disentuh tadi very specific, isu inilah yang menyebabkan Perbekalan Tambahan di bawah Peguam Negara itu dibuat iaitu mengenai isu ICJ.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi Yang Berhormat cadangkan supaya.....

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Ya, akan dijawab dalam Committee nanti, bila kita menjawab di dalam Committee menyentuh isu spesifik ICJ.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tetapi apa yang saya hendak bincangkan itu selain daripada kes Dato' Param itu, saya juga menyentuh tentang laporan yang mana bukan dalam yang tidak khusus.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen nyatakan bahawa di peringkat Jawatankuasa beliau akan menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Jadi sila duduk.

15.11 ptg.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujukan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujukan.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak lima ratus dua puluh dua juta tiga ratus tujuh puluh sembilan ribu dua ratus sembilan puluh lima ringgit (RM522,379,295) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1999, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat, 1999 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 2000 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut hendaklah disahkan.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

3.12 ptg.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM12,504,384,376 bagi Maksud-maksud Bekalan B.4, B.7, B.10, B.16, B.17, B.19, B.24, B.26, B.29, B.30, B.33, B.35, B.36, B.38, B.40 hingga B.42, B.44, B.45, B.47, B.48, B.50 dan B.51 untuk kementerian-kementerian dan jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM522,379,295 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Bil. 4 Tahun 1999 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.7, P.17 hingga P.19, P.26, P.31, P.40, P.42, P.44, P.47, P.48, P.50 dan P.52 untuk kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 2000 dijadikan anggaran perbelanjaan.

Saya telah pun menerangkan tentang keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan tambahan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus tahun

1999 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 1999 kelmarin. Di samping itu, penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan anggaran tambahan ini adalah juga diberi dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3A Tahun 2000 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keempat Tahun 1999 dan Kertas Perintah 4A Tahun 2000 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat Tahun 1999. Oleh itu saya tidak berhajat untuk memberi apa-apa penerangan tambahan lagi.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Maksud B.4, B.7 dan B.10 [Jadual] -

Maksud P.7 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 1999 -

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.4, B.7, B.10 dan Kepala Pembangunan P.7, di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Kubang Kerian. Yang Berhormat, masa juga dihadkan.

3.15 ptg.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian untuk membahaskan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keempat di bawah Jabatan Perdana Menteri berkenaan B.10 Jabatan Peguam Negara. Saya mengambil masa yang singkat sahaja.

Di dalam masa penggulungan perbahasan bagi Jabatan Perdana Menteri bagi Belanjawan tahun 2000, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah memberitahu berkenaan dengan apa yang telah saya bangkitkan berkenaan dengan penyiasatan BPR ke atas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan saya telah memetik kenyataan Pengarah BPR pada 1 Oktober 1999 yang dikatakan telah pun dinafikan oleh Ketua Pengarah BPR pada

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat, point of order, dia tidak termasuk dalam Perbekalan Tambahan yang kita luluskan mengenai kes BPR ini. Ini hanya mengenai kes ICJ sahaja.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tak boleh masuk di bawah Jabatan Peguam Negara?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Di bawah apa tajuk dia?

Tuan Husam bin Haji Musa: Jabatan Peguam Negara.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah berkaitan dengan.....

Tuan Husam bin Haji Musa: B.10 Jabatan Peguam Negara. Macam mana Tuan Pengerusi, bolehkah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Perkara ini pun telah dibangkitkan baru-baru ini.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ini perkara yang tambahan, telah dibangkitkan tetapi ada satu penjelasan sedikit sahaja, dalam seminit setengah sahaja. B.10 Jabatan Peguam Negara, mengikut apa yang telah dikatakan bahawa Jabatan Peguam Negara telah menutup kes Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya ingat Yang Berhormat ini kurang faham. Bila kita bincang perbekalan tambahan kita kena tengok Kertas Perintah 3A, itu sahaja. Yang mana tercatat di bawah Kertas Perintah 3A sahaja baru Yang Berhormat boleh bincang. Ini spesifik. Tolong tengok Kertas Perintah 3A, kalau tidak ada, tidak payah bercakaplah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya akan bercakap di bawah B.4 Suruhanjaya Pilihan Raya. Macam mana Tuan Pengerusi, bolehkah? Saya beralih kepada tajuk sekarang, kepada B.4 Suruhanjaya Pilihan Raya, bolehkah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya rujuk kepada kertas. Setiausaha, Setiausaha.

Tuan Husam bin Haji Musa: Sementara Tuan Pengerusi rujuk, saya pergi kepada B 4 Suruhanjaya Pilihan Raya di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat teruskan, jangan keluar daripada tajuk ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Jabatan Peguam Negara mengikut 010000 ialah di bawah Pentadbiran Am. Tetapi sementara itu saya pergi kepada B.4 Suruhanjaya Pilihan Raya.

Bagi meningkatkan keyakinan masyarakat kepada negara kita berkenaan dengan proses demokrasi dan salah satu daripada proses demokrasi yang paling penting ialah pilihan raya. Saya yakin bahawa ada satu cara untuk kita meningkatkan keyakinan masyarakat pada proses pilihan raya di negara kita iaitu dengan beberapa perkara. Pertama, seperti yang telah dibangkitkan dengan panjang lebar oleh kebanyakan Ahli dalam Dewan ini bahawa terdapat beberapa keraguan.

Yang pertama ialah berkaitan dengan daftar pemilih. Sehingga hari ini kita tidak dapat kepastian bahawa daftar pemilih telah bebas daripada yang pertama orang-orang yang telah meninggal dunia.

Oleh kerana ini telah dibangkitkan dengan serius, dengan bukti yang lengkap, saya rasa langkah yang perlu diambil oleh kerajaan dan SPR terutama sekali ialah untuk menerima kritikan ini dan membaikinya. Apa yang telah berlaku dalam Dewan ini ialah wakil kerajaan datang ke Parlimen ini menyatakan bahawa segala-galanya selesai dan beres. Hakikatnya ialah bahawa perkara ini tidak beres.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, sudah dapatkah yang BPR tadi? Rulingnya, Jabatan Peguam Negara tadi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau ikut sini memang dia untuk Mahkamah Keadilan Antarabangsa. Jadi apa Yang Berhormat bangkit tadi mungkin satu dasar.

Tuan Husam bin Haji Musa: Satu dasar, saya sambung B.4 - Suruhanjaya Pilihanraya. Urusan pilihan raya 01000 - Operasi Pilihanraya. Saya harap bahawa kerajaan tidak sahaja datang ke Dewan ini untuk mengatakan segala-galanya adalah tanggung beres. Kerajaan mesti mengambil kritik ini dan membetulkan apa-apa kekurangan. Ini sangat mustahak. Kedua-dua pihak, pembangkang dan kerajaan, jika mereka ikhlas mereka hendakkan satu proses pilihan raya yang betul-betul cekap dan bebas.

Kalau kerajaan pun hendak yang itu, pembangkang pun hendak yang itu, mengapa kita tidak boleh membetulkan. Mengapa kita tidak boleh mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu,

yang paling penting sekali ialah daftar pemilih. Saya dalam pilihan raya yang lepas telah diberikan bukti-bukti orang yang ada dalam daftar pemilih tetapi mengikut Jabatan Pendaftaran Negara telah meninggal dunia, mengikut keluarganya telah meninggal dunia tetapi namanya telah diberikan kepada orang lain untuk mengundi dan ini satu perkara yang tidak diada-adakan, perkara yang benar-benar berlaku tetapi sampai hari ini kita sudah bersidang dekat dua bulan setengah, kerajaan tidak boleh beri jaminan bahawa jika sekiranya ada bukti wujudnya kepincangan ini, kerajaan akan mengambil langkah membetulkannya. Jadi saya hendak bahawa kerajaan dapat mengambil serius hal ini dan mengambil komitmen untuk membetulkannya.

Yang kedua, sama juga dengan susunan BPR dan Jabatan Peguam Negara. BPR selesai siasat ia bawa kepada Jabatan Peguam Negara. Jabatan Peguam Negara bawah Jabatan Perdana Menteri. BPR memang bebas tetapi yang tidak bebas ialah Jabatan Peguam Negara kerana ia duduk bawah Jabatan Perdana Menteri. Boleh fahamkah ini? Oleh kerana itu, SPR juga mesti jadi badan bebas, kalau ia duduk bawah Perdana Menteri, Perdana Menteri daripada Barisan Nasional takkan dia hendak suruh SPR bebas sehingga Barisan Nasional kalah, tidak mungkin. Itu dia orang tulis, tidak apalah itu, masukkan tajuk ini?

Tuan Pengerusi, saya berharap bahawa pada masa akan datang, satu kajian dapat dilaksanakan supaya SPR benar-benar bebas dan tidak tertakluk kepada mana-mana eksekutif dan dengan itu kita boleh mengatakan kepada dunia bahawa kita memang bebas, kalau tidak saya sendiri tidak yakin bahawa badan ini adalah satu badan yang bebas.

Oleh kerana saya sebenarnya bercadang bercakap tajuk yang lain, saya berhenti di situ. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Menteri minta jawab.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Hendak berucap? Tadi tidak bangun. Jadi saya benarkan seoranglah, Kota Melaka.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya ucap pendek, beri dia lima minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab you all tidak bangun, selepas saya minta menteri...., tidak apalah.

3.25 ptg.

Tuan Kerk Kim Hock: Kali kedua Tuan Pengerusi tidak pandang sini. Pendek sahaja kemudian beri dia lima minit. Pendek sahaja, saya rujuk kepada Maksud B.4 - SPR dan oleh kerana saya lambat masuk saya tidak pasti apa, kalau saya tidak tepat sila beri teguran.

Pada 9 Februari tahun ini, Setiausaha SPR telah berkata bahawa laporan-laporan yang dihantar kepada SPR daripada NGO tempatan dan luar negeri itu semua adalah yang tidak betul dan juga merupakan pandangan-pandangan yang menyokong pendapat-pendapat pembangkang dan SPR nampaknya tidak akan mengambil pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh laporan yang telah dibuat oleh NGO-NGO tempatan dan luar negeri.

Saya merasa begitu kecewa dengan pandangan SPR oleh kerana walaupun telah begitu lama negara kita merdeka dan SPR telah menjalankan sepuluh pilihan raya besar tetapi pandangan umum ialah bahawa SPR tidak dapat menjalankan tugasnya dengan adil dan bebas. Sebenarnya juga, kesimpulan rakyat ialah bahawa SPR tidak berupaya untuk menjalankan satu election yang free, fair and clean dan saya berharap bahawa SPR tidak akan bersikap seperti ostrich that buries its head in the sand dan mengkaji laporan yang telah dikemukakan dan sekiranya laporan itu semua kalau betul-betul semua tidak betul atau tidak berpatutan, lawan dengan point by point, jangan buat satu kesimpulan sedemikian.

Perkara kedua ialah bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat sungutan, serta-merta Pengerusi SPR membuat komen bahawa SPR akan meminda akta. Jadi saya rasa itu pun adalah satu perbuatan yang tidak membayangkan bahawa SPR mempunyai satu imej yang bebas. Apabila NGO buat kompelin terus sahaja menafikan bahawa itu adalah satu laporan yang baik atau bernas tetapi apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri buat kompelin serta merta Pengerusi SPR

mengatakan bahawa SPR bersedia untuk membuat pindaan. Jadi saya rasa ini adalah perbuatan yang tidak harus berlaku.

Saya tidak akan berucap panjang dan saya masuk ke satu Maksud lagi iaitu Maksud B.16 - Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, belum sampai lagi, nanti. Sekarang Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Kerk Kim Hock: Belum sampai lagi, minta maaf, itu sahaja cukup, bagi chance kepada Bukit Mertajam.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukit Mertajam tidak mahu cakap. Yang Berhormat Menteri sila jawab.

3.28 ptg.

Setiausaha Parlimen Di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Kota Melaka dan Kubang Kerian yang dua-duanya menyentuh SPR dan Seputeh dia sentuh pasal ICJ.

Jadi mengenai SPR ini saya ingat kita cakap banyak kali pun pembangkang ini dia masih tidak puashati. Cakaplah berpuluh-puluh kali pun dan sebelum itu Kuala Kedah, tolong ajar dia orang ini mengenai Perbekalan Tambahan ini, ramai yang tidak faham ini, apa maksud Perbekalan Tambahan. Jadi mengenai SPR ini, saya ingat jawapan sudah banyak, tinggal lagi saya hendak minta Yang Berhormat daripada pembangkang tolong fikirkan....

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya faham Tuan Pengerusi, tetapi saya tidak diberi peluang bercakap dalam ucapan dasar, saya ada perkara penting hendak cakap di bawah Jabatan Peguam Negara.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, patut faham ini dasar punya, di peringkat Jawatankuasa tidak dibenarkan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya faham, tetapi tidak ada peluang, saya cari jalan untuk bagi faham, hendak beri peluang.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Ini yang susahnyanya Yang Berhormat ini, pembangkang ini dia tidak mahu terima apa yang....., biarlah saya ajar sedikitlah supaya faham, yang kita boleh bincang ini Yang Berhormat, di bawah Kertas

Perintah 3 Tahun 2000. Jika Yang Berhormat hendak sebut pasal Jabatan Peguam Negara, Yang Berhormat kena sentuh mengenai peruntukan yang tertentu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak payahlah, nanti luar Dewan kita boleh tunjuk ajarlah.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Jadi dia tidak faham, jadi susahlah macam ini.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Pengerusi, biar saya ajar dia balik, boleh?

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Dia tidak faham, ini spesifik.

Tuan Husam bin Haji Musa: Kita faham, tetapi kita kena cari peluang.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tidak apalah Yang Berhormat, itu terpulanglah kepada Yang Berhormatlah, orang lain boleh accept Yang Berhormat boleh faham atau tidak.

Mengenai pilihan raya ini, saya hendak bagi satu contoh kepada ahli-ahli pembangkang yang mengatakan SPR ini tidak bebas dan berbagai-bagai tuduhan. Kita ada undang-undang, kalau kita tidak puas hati mengenai keputusan pilihan raya, kita boleh buat petisyen di mahkamah. Saya hendak maklumkan bahawa dalam Pilihan Raya Umum yang Kesepuluh, kita dapati banyak petisyen telah dibuat. Di Kelantan sahaja, ada tiga – di Pasir Mas, di Peringat dan di Jeli. Di DUN di Kelantan, ada di Tendung, ada di Ketereh, Kemahang, Air Lanas, Pergau. Itu baru di Kelantan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Di Perak pun, bukan kata BN buat petisyen, pembangkang pun buat juga petisyen. Seperti di Perak, P.56 Sungai Siput petisyen telah difailkan. Di Pahang, dua DUN - Kuala Pahang dan juga di Chini. Di Selangor, P.91 (Gombak). Ha, ini tentulah pembangkang yang buat petisyen. Kemudian, di Selangor ada juga petisyen di N.23 iaitu di Kajang. Di Wilayah Persekutuan, di kawasan Wangsa Maju. Parlimen Wangsa Maju juga hantar fail petisyen. Juga di Bukit Bintang pun telah difail petisyen. Di Melaka, di N.14 (Bachang).

Kemudian di Sabah, dalam pilihan raya yang lepas, lagi banyak iaitu di Kota Belud, di Tuaran, Tanjung Aru, Beaufort, Kinabalu dan juga Tenom. Kalau kita lihat banyak yang pertikaikan terutama daripada Sabah mengenai kesahihan pendaftar-pendaftar, di Sabah, kalau kita lihat lagi banyak, iaitu di peringkat DUN di mana dalam Pilihan Raya DUN Sabah 1999 dulu, kita dapati ada 11 petisyen iaitu di N.2 (Kudat), N.19 (Pantai Manis), N.23 (Lumadan), N.31 (Kemabong), N.13 (Likas), N.16 (Moyok), N.10 (Sulaman), N.24 (Sindumin), N.17 (Patagas), N.18 (Kawang). Jadi, saya rasa dengan adanya tindakan undang-undang, petisyen kita ada, maka saya rasa ini menunjukkan bahawa negara kita bebas. Yang mana tidak puas hati, bolehlah membawa perkara itu ke mahkamah. Jadi, saya ingat ...

Tuan Kerk Kim Hock: Kalau Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan mengakhiri jawapan begitu sahaja, saya rasa kecewa. Mungkin sebab Yang Berhormat yang berkenaan faham apakah sekarang kita ada satu laporan 'Judiciary' in Jeopardy, walaupun kita ada mahkamah... [*Disampuk*] *Justice in Jeopardy*, sorry. Walaupun ada mahkamah, kerajaan pernah kalah, ada orang kena tangkap, termasuk menteri juga, mengapa ada kritikan sedemikian. Jadi, saya harap Yang Berhormat kena faham semangat prinsip, jangan kata ada pilihan raya ini satu demokrasi yang tulen. Kalau kita cakap itu macam, saya rasa tidak ada standardlah.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat, Tuan Pengerusi, saya sudah nyatakan, habis kalau dah pembangkang sudah tidak percaya kepada institusi kehakiman negara kita yang mana diberi di dalam perlembagaan, saya rasa kita bincang sampai bila pun, mereka tidak akan puas hati. Sedangkan sebagai Ahli Parlimen, kita pun angkat sumpah, menjunjung perlembagaan negara kita. Ini sistem kita. Jadi, kalau kita sendiri sebagai Ahli Parlimen mempertikaikan sistem yang telah kita sedia pakai, sistem mana yang harus kita ikut. Adakah kita harus ikut sistem yang dicadangkan oleh orang luar?

Jadi, Tuan Pengerusi, mengenai yang kedua, mengenai kes ICJ. Izinkan saya cerita latar belakang dulu. Kes Dato' Param Cumaraswamy supaya kita semua faham di dalam Dewan ini. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia pada tahun 1994 telah melantik Dato' Param Cumaraswamy sebagai rapporteur khas bagi melaporkan

tentang kebebasan hakim dan peguam. Beliau diberi mandat yang antaranya termasuk untuk menyiasat sebarang dakwaan, mengenal pasti dan merekodkan sebarang serangan ke atas kebebasan badan kehakiman, peguam dan pegawai mahkamah.

Pada bulan November 1995, Dato' Param dalam temu bualnya dengan majalah International Commercial Litigation telah memberi komen tentang beberapa kes yang telah diadili oleh mahkamah Malaysia. Hasil dari temu bual tersebut, sebuah artikel telah diterbitkan. Dua syarikat Malaysia yang dinamakan di dalam artikel tersebut telah mengambil tindakan untuk menyaman pihak-pihak yang terlibat. Ini jelas yang menyaman Dato' Param ini bukan kerajaan. Ini mereka, syarikat-syarikat yang disebut di dalam artikel tersebut yang mana mengatakan seolah-olah penghakiman yang diberi kepada syarikat-syarikat tersebut tidak adil. Jadi, dia mempertikaikan sistem kehakiman di negara kita. Ini masalah dia dengan syarikat swasta. Itu latar belakang kes.

Apabila kes-kes tersebut difailkan dimahkamah, Dato' Param Cumaraswamy telah mengambil tindakan untuk memohon pengecualian dari bidang kuasa mahkamah untuk kes-kes tersebut atas alasan bahawa sebagai Rapporteur Khas, beliau memiliki kekebalan undang-undang dan tidak boleh disaman di mahkamah. Ha, ini sebab kononnya dia sebagai Rapporteur Khas daripada UN, maka dia tidak boleh disaman kerana dia ada immunity. Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu bagi menyokong permohonan Dato' Param di mahkamah telah mengeluarkan satu nota mengesahkan kekebalan Dato' Param.

Setiausaha Agung kata betul dia ada kekebalan. Menteri Luar Negeri, menteri kitalah, Menteri Luar Negeri Malaysia, pada 22 Mac 1997 telah mengeluarkan satu sijil yang mengatakan bahawa Datuk Param adalah kebal dari segi undang-undang. Hanya bagi perkataan yang diucap atau ditulis dan perbuatannya ketika beliau menjalankan tugasnya sebagai Rapporteur Khas. Setiausaha Agung PBB pun bagi, kita Menteri Luar pun bagi. Kemudian kes ini didengar di mahkamah pada 28 Jun 1997, keputusan kehakiman telah pun dibuat bahawa di antara judgement yang telah dibuat oleh Pesuruhjaya Kehakiman,

mahkamah tidak patut dibawa pada peringkat ini kepada persoalan status provatif sijil kedua-dua Setiausaha Agung dan Menteri dalam kes ini.

Mahkamah patut melaksanakan kehakiman yang terkawal. Oleh itu, persoalan sama ada tindakan defendan adalah dalam skop mandatnya adalah pertanyaan yang sukar, hanya perlu dijawab apabila perkara-perkara bukti berada di hadapan mahkamah. Mahkamah dengan itu perlu menimbangkan konteks keseluruhan dalam mana tuntutan terhadap defendan dibuat dengan tujuan untuk memutuskan sama ada tindakan yang relevan di mana-mana tuntutan plaintif-plaintif didasarkan patut berhubung dengan perkara ini dianggap sebagai secara sewajarnya dalam lingkungan aktiviti mandatnya atau sebaliknya.

Untuk tujuan menentukan bidang kuasa mesti dianggap bahawa pernyataan dalam pernyataan tuntutan plaintif-plaintif adalah benar dan oleh kerana ketiadaan bidang kuasa mempunyai akibat bahawa mahkamah tidak mempunyai hak untuk menentukan pertanyaan sama ada wujud keadaan fakta-fakta yang memberikan hak kepada mahkamah untuk memberikan kepada plaintif relief yang dipohon, saman, bidang kuasa hanya boleh berjaya jika ianya ditunjukkan bahawa tidak kira apa jua fakta yang dapat dibuktikan oleh plaintif-plaintif berkaitan dengan perkara subjek pertikaian.

Mahkamah tidak mempunyai kuasa untuk memberikan relief seperti mana yang dipohon terhadap defendan. Dalam keadaan ini, tidak boleh dikatakan bahawa defendan adalah dilindungi sepenuhnya oleh kekebalan seperti yang didakwa. Mahkamah Tinggi memutuskan permohonan Dato' Param ditolak dengan kos dan beliau diminta memfailkan pernyataan pembelaan beliau dalam masa 14 hari. Dato' Param memohon kepada Mahkamah Rayuan untuk menangguhkan keputusan Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan telah menolak permohonan Dato' Param.

Dato' Param kemudiannya memohon kepada Mahkamah Persekutuan untuk menangguhkan keputusan Mahkamah Tinggi di mana permohonan beliau juga telah ditolak oleh Mahkamah Persekutuan pada 19 Februari 1998. Mahkamah Tinggi tolak, Mahkamah Rayuan tolak, Mahkamah Persekutuan tolak. Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu kemudiannya memutuskan perutusan khasnya setelah kes ini

ditolak iaitu Mattire Views Fortier dari Kanada untuk berunding dengan Kerajaan Malaysia bagi mencapai kata sepakat untuk merujuk perkara tersebut ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa.

Ekoran dari rundingan tersebut, Menteri Luar Negeri telah memaklumkan kepada perutusan khas Setiausaha Agung bahawa Kerajaan Malaysia bersedia untuk menyelesaikan perkara ini di luar mahkamah. Perutusan khas telah dihantar semula untuk berunding dengan Kerajaan Malaysia. Memandangkan penyelesaian tidak dapat dicapai dalam rundingan kedua tersebut, Setiausaha Agung seterusnya memohon persoalan itu dirujuk kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa. Kerajaan Malaysia tidak membantah prosiding pendapat nasihat tersebut dan telah diminta untuk mengemukakan hujah bagi mempertahankan kedudukan Malaysia di prosiding ICJ tersebut.

Untuk kes-kes yang selanjutnya yang hari ini itu bawah satu kes yang telah selesai, ada lagi dua kes atau tiga kes yang sekarang ini masih lagi *pending* di mahkamah iaitu bagi kes 'Megapolitan Nominees' Datuk Param telah merayu ke dalam mahkamah bagi mengetepikan penghakiman Timbalan Kanan Pendaftar. Penghakiman Timbalan Kanan Pendaftar telah memutuskan bahawa pendapat nasihat dari ICJ bukanlah autoriti yang muktamad dan mengikat dan sama ada bagi Datuk Param adalah kebal. Persoalan itu tidak sesuai untuk diputuskan pada peringkat ini kerana melibatkan isu-isu fakta dan undang-undang yang sepatutnya diputuskan semasa perbicaraan penuh dan beliau juga adalah terikat dengan keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes Datuk Param Cumaraswamy lawan MBF Capital 1997. Hujah dan rayuan ini disambung untuk didengar pada 11 Mei yang akan datang. Jadi saya tak boleh bagi lanjut kes-kes yang sedang pending di mahkamah iaitu kes-kes MBF Capital dan MBF Northern Security Sdn. Bhd. Datuk V.K. Lingam dan Tan Sri Vincent Tan dan Berjaya Corporation. Ini telah pun ditetapkan untuk sebutan pada 9 Mei yang akan datang di hadapan Datuk R.K Nathan. Jadi saya tak boleh nak pergi jauh kerana kes ini masih di dalam mahkamah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan. Terima kasih Tun. Terima kasih Yang Berhormat. Setahu saya, mengikut keputusan di Mahkamah Keadilan Antarabangsa dalam membuat keputusan bahawa Datuk Param ini yang keputusannya ialah Datuk Param harus menikmati itu hak kekebalan dari segi undang-undang dan sepatutnya Kerajaan Malaysia haruslah membayar kos undang-undang bagi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebanyak USD110,000 ataupun RM400,000. Jadi soalan yang saya tanya ialah sama ada ini telah dibayar mengikut keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa dan juga kerajaan mengikut keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa, kerajaan juga harus mengeluarkan satu sijil ataupun certificate kepada mahkamah di Malaysia untuk meluputkan hukuman terhadap beliau. Jadi ini adalah – saya juga ingin tanya sama ada ini sudah dibuat kerana saya diberitahu mengikut Akta International Organization (Privileges and Immunities Act) 1992, Section 7 dalam Akta itu yang mengatakan dengan izin, 7.11, *“the minister may give a certificate in writing certifying any fact relating to the question whether a person is or was at any time or in respect of any period and title by virtue of this Act or the regulations to any privileges or immunities.”*

Yang kedua ialah, *“in any proceeding, a certificate given under this section is evidence of the fact certified.”* Jadi ini maksud yang akta di Malaysia ini juga mengesahkan bahawa kita harus mematuhi keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa. Jadi ini adalah soalan saya.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Dua isu yang Yang Berhormat cakap itu, satu betul dan satu itu kurang tepat. Sebenarnya ada tiga isu ICJ putus. Yang pertama ICJ dia bersetuju bahawa kes sama ada immunity, tak ada immunity terpulung kepada mahkamah kita. Itu memang telah disetujui.

Yang kedua, kalau Yang Berhormat mengatakan ICJ mengatakan Kerajaan Malaysia dipertanggungjawabkan membayar apa-apa kos, ini adalah tidak betul sebab daripada keputusan yang kita dapat, wakil kita yang kita hantar pergi. Ha, ini yang kita kena bincang Perbelanjaan Tambahan yang kita hantar wakil-wakil kita pergi melaporkan di sini bahawa Kerajaan Malaysia adalah tidak

dipertanggungjawabkan membayar apa-apa kos yang dikenakan terhadap Param Cumaraswamy, tidak ada.

Yang ketiga itu betul. Yang Berhormat mengatakan bahawa kita telah diminta untuk memaklumkan kepada mahkamah kita mengenai isu kekebalan ini. Untuk maksud itu Kerajaan Malaysia telah melaksanakan obligasi di atas seperti berikut, kita dah buat. Yang pertama Kementerian Luar Negeri telah menulis, telah melalui surat bertarikh 27 Mei 1999 memanjangkan keputusan pendapat nasihat ICJ kepada Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, kita dah hantar.

Yang kedua, Peguam Negara Malaysia juga telah melalui surat bertarikh 1 Julai 1999 memanjangkan pendapat nasihat ICJ kepada badan kehakiman. Jadi menteri pun dah tulis, Peguam Negara pun dah tulis, dan ini kita saya ingat seperti yang mula-mula tadi saya nyatakan walaupun menteri pun kata dia kebal, Setiausaha Agung PBB pun kata kebal, tapi mahkamah kata tak ada kebal, takkan kita nak campur tangan keputusan mahkamah. Jadi dua-dua obligasi yang dikenakan kepada Kerajaan Malaysia kita telah pun laksanakan. Jadi ini kita tunggulah bagaimana keputusannya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Nak bagi jalan atau tidak?

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Saya ingat...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Bolehlah, nak tanya lagi sikit.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Okay, last.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih, saya hanya nak tanya yang kata Yang Berhormat itu mengenai surat yang dihantar oleh Menteri Luar dan juga Peguam Negara adalah mengenai kekebalan Datuk Param itu adakah mereka menghantar surat itu selepas keputusan dibuat oleh ICJ ataupun sebelum, ini satu dan kedua ialah bukankah negara kita harus mematuhi keputusan yang dibuat oleh ICJ.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Untuk makluman Yang Berhormat, saya dah nyata tadi, Menteri Luar hantar dua kali, satu pada 12 Mac 1997, itu dulu, mahkamah dah tolak, kedua adalah yang baru-baru ini iaitu bertarikh 27 Mei 1999, kita dah hantar, itu keputusan itu kita buat adalah memanjangkan keputusan

pendapat nasihat ICJ kerana ICJ ini dia memberi nasihat sebab di dalam ICJ, International Court of Justice ini, dia yang ada boleh bicara ini ada dua negara sebab ini dia tidak melibatkan negara kita. Kalau misalnya kata isu sempadan Batu Putih, Malaysia dengan Singapura, ada mahkamah yang akan buat keputusan, siapa punya, misal kata tetapi ini tidak melibatkan kerajaan. Ini kes Param dia bersama dengan pihak company-company yang dituduh katanya mendapat penghakiman yang tidak adil jadi kerajaan terbabit kerana kita dipertanggungjawabkan dalam memorandum antarabangsa.

Jadi kita telah pun bersetuju untuk mendengar nasihat daripada ICJ dan nasihat ini juga kita dah panjangkan kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk membuat keputusan.

Jadi bukanlah tugas kita nak memaksa pula mahkamah mesti ikut, jadi Tuan Pengerusi, buat akhirnya saya harap dengan penjelasan ini terutama pasal undang-undang pasal SPR kita harus terima hakikat bahawa yang kita buat ini kita mengikut peraturan dan isu-isu yang timbul hari ini yang menjadi kelim kabut ini Tun sebenarnya kerana pembangkang memutarbelitkan isu mereka walaupun terima fakta tetapi akhirnya bila mereka pergi ke kampung-kampung mereka akan ceramah, pusing balik fakta yang kita jelaskan dalam Dewan ini, sekian terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Sudahlah Yang Berhormat, sudahlah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM36,600,000 untuk Maksud B.4; RM1,000,000 untuk Maksud B.7 dan RM543,000 untuk Maksud B.10 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM36,600,000 untuk Maksud B.4; RM1,000,000 untuk Maksud B.7 dan RM543,000 untuk Maksud B.10 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM30 untuk Maksud P.7 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi Tahun 1999 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM30 untuk Maksud P.7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 1999.

Maksud B.16 [Jadual] –

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk di bahas. Ahli-ahli Yang Berhormat, ini ialah tambahan sebanyak RM7,684,600 dikehendaki untuk menampung bayaran bantuan khas kewangan kepada kakitangan kerajaan perbelanjaan berkaitan dengan JE penyakit JE Yang Berhormat, jadi boleh berucap atas tu saja ya. Ya, sila.

3.50 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Pengerusi, Jabatan Bomba dan Penyelamat tetapi saya hendak penjelasan bagaimana duit ini diguna

Tuan Pengerusi: Ya.

Puan Chong Eng:kerana duit ini telah diguna dan macam mana Jabatan Bomba ini berkaitan

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Puan Chong Eng:dengan penyakit JE, Nipah lebih tepatnya dan saya mohon supaya saya boleh mengemukakan dua soalan sahaja mengenai

Tuan Pengerusi: Ya, boleh-boleh. Tanyalah apa sahaja.

Puan Chong Eng:Jabatan Bomba dan Penyelamat kerana sekarang kita dapati banyak bangunan yang bertingkat-tingkat tinggi

Tuan Pengerusi: Jikalau yang lain tidak boleh, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Puan Chong Eng:tetapi ini penyelamatan.....

Tuan Pengerusi: Ya, tidak boleh, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng:walaupun JE....

Tuan Pengerusi: Kita dalam Jawatankuasa, Yang Berhormat. Peraturan 67

.....

Puan Chong Eng: JE sahaja.

Tuan Pengerusi:Peraturan 67(9), Yang Berhormat ya.

Puan Chong Eng: Maka, saya harap dapat penerangan yang teliti dan terperinci tentang bagaimana duit ini digunakan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Untuk JE ya? Boleh. Ya, ya Kota Melaka ya.

3.52 ptg.

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: Ya, Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Kerk Kim Hock: ...banyak susah hendak berucap ini [*Ketawa*] cuma satu, dua soalan yang ringkas sahaja berkenaan dengan operasi membendung Japanese Encephalitis.

Tuan Pengerusi, sebenarnya awal lagi wabak itu dipanggil JE tetapi akhirnya pakar-pakar telah mengesahkan bahawa ia adalah Nipah virus dan saya sampai hari ini pun, saya tidak faham mengapakah sebabnya kerajaan enggan menukar perkataan itu kepada membendung Nipah virus. Adakah ini oleh kerana kerajaan dari awal sekali telah mengatakan bahawa itu adalah satu wabak JE dan untuk menjaga muka tidak hendak mengakui bahawa ini sebenarnya adalah Nipah virus seperti disahkan oleh pakar-pakar perubatan.

Saya juga telah difahamkan – tidak sedia betulkan bahawa begitu banyak [*Disampuk*] vaksin untuk membendung JE itu dibeli dan kerajaan enggan menukar, oleh kerana kalau kerajaan menukar JE itu kepada Nipah virus, ini akan menunjukkan bahawa kerajaan telah membuat kesilapan yang besar.

Dan saya juga ingin tahu berapakah wang sebenarnya di sini diberikan kepada kakitangan yang telah terlibat kes-kes itu dan saya memberi kepujian kepada kakitangan Jabatan Bomba yang telah terlibat dalam kes untuk membendung – saya kata Nipah virus dan saya cuma ada satu soalan sahaja. Bilakah kerajaan akan menunaikan janjinya untuk memberi pampasan ehsan kepada penternak-penternak babi seperti yang telah dijanjikan itu.

Tuan Pengerusi: Ya, sila, sila jawab Yang Berhormat. Ya, sila jawab Yang Berhormat. Siapa hendak jawab tadi? Ya. *[Disampuk]*

3.55 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Ini mengenai tambahan RM7,684,600 ini. Ini adalah khas kita peruntukan kepada penyelenggaraan helikopter Jabatan Bomba dan Penyelamat. Duit ini kita peruntukkan adalah kepada kakitangan Bomba dan Penyelamat waktu mereka menjalankan tugas operasi menembak khinzir di Bukit Pelanduk.

Jadi, mengenai istilah sama ada JE kah, Nipah virus kah, ini pun saya ingat dalam Dewan ini sejak Yang Berhormat punya boss sudah bangkitkan perkara ini, sudah isu lama. Khinzir pun sudah habis, tinggal lagi Terengganu pula dia hendak beri bela khinzir. Ini cerita barulah tetapi yang kita sudah tembak ini, kita sudah habis.

Jadi, saya ingat masalah mengapa kita tidak mahu pakai istilah Nipah virus, ini telah pun Tuan Pengerusi pun sedia maklum dan dibahaskan dengan begitu panjang lebar di dalam Dewan ini.

Jadi, itu sahaja yang saya ingin sampaikan mengenai yang dibangkitkan tadi. Mengenai peruntukan berapa banyak dibelanja, saya mohon notis kerana itu soalan-soalan spesifik. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya.

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat, sudah jawab.

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi, ini

Tuan Kerk Kim Hock: Orang lama kata dia tidak pernah jawab.....

Tuan Pengerusi: Sudah cukuplah.

Tuan Kerk Kim Hock:JE dengan Nipah virus. Jangan bohong.

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi,

Tuan Kerk Kim Hock: Orang lama kata tidak pernah jawab.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Perkataan 'bohong' tidak boleh dikeluarkan.

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi,

Tuan Kerk Kim Hock: Tidak pernah jawab, tidak boleh jawab.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, minta tarik balik perkataan itu Yang Berhormat. Perkataan 'bohong'.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: [*Bangun*]

Tuan Kerk Kim Hock: Okay, saya tarik balik. Jangan mengelirukan Dewan. Saya beri peluang jawablah dengan baik.

Tuan Pengerusi: Ya, baik-baik.

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi,

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, [*Disampuk*] Yang Berhormat baru di sini.....

Tuan Kerk Kim Hock: Tidak ada, dia kata [*Menunjuk ke arah Yang Berhormat bagi Kepong*] dia orang lama

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Ha, Kepong boleh mengesahkan.....

Tuan Kerk Kim Hock: Dia kata tidak ada.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar:sama ada perkara ini telah dibahas

Tuan Pengerusi: Biarlah, biarlah.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar:dan dijawab sendiri oleh Menteri

Tuan Kerk Kim Hock: Dia kata tidak ada.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar:Menteri Kesihatan sendiri dengan panjang lebar dalam sesi yang lepas. Jadi, saya tidak perlu jelaskan dengan lebih terperinci. Terima kasih.

Tuan Kerk Kim Hock: Tidak ada, tengok dia geleng kepala.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Cukuplah, cukuplah. Cukuplah Yang Berhormat, sama ada jawab atau tidak bukalah dalam *Hansard* kemudian

Tuan Kerk Kim Hock: Dia tidak boleh jawab. Tidak boleh jawab, okaylah.

Puan Chong Eng: Bukan. Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi:kita seronoklah. Ya, ya Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi, saya berpendapat kerana tajuk ini begitu spesifik dan kita dihadkan supaya berbahas dengan spesifik tetapi Menteri yang memberi jawapan tidak

Tuan Pengerusi: Ya.

Puan Chong Eng:tidak boleh beri jawapan yang spesifik seperti ini. Dia kata mesti meminta

Tuan Pengerusi: Dia beritahu sudah apa sebabnya duit itu telah digunakan.

Puan Chong Eng: Ya, duit itu sudah diguna, mesti sudah tahu diguna untuk apa?

Tuan Pengerusi: Dia kata

Puan Chong Eng: [*Sorak*]dan ini bukan perkara yang besar sahaja. Seperti

Tuan Pengerusi: Dia sudah beritahu tadi.

Puan Chong Eng:seperti saya hendak tanya itu helikopter ada berapa buah [*Ketawa*] dan orang yang terlibat berapa orang?

Tuan Pengerusi: Ya, ya, ya.

Puan Chong Eng: Itulah sebabnya, ini kerana ini bukan di bawah kementerian beliau

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng:maka beliau tidak dapat memberi jawapan yang tepat. Kita diminta supaya memberi banyak bahagian berbahas dengan spesifik dan jawapan yang spesifik boleh diberi dan

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah.

Puan Chong Eng:saya minta supaya Menteri yang bertanggungjawab untuk kementeriannya supaya – kalau tidak ada Menteri pun ada Timbalan Menteri, kalau Timbalan Menteri pun tidak ada, Setiausaha Parlimen ada tetapi tidak ada pada satu hari ini. [*Disampuk*] Sudah berapa kali, bukan Menteri yang bertanggungjawab

untuk portfolio itu untuk menjawab dan maka tidak dapat memberi jawapan yang memuaskan. *[Disampuk]* Saya minta

Tuan Pengerusi: Cukuplah, cukuplah. Cukup Yang Berhormat, cukup.

Puan Chong Eng:Tuan Pengerusi menasihatkan.... *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Usshh, mana boleh. Kalau saya ada kuasa hendak menasihati, Wah! Kuasa saya besar betul. *[Ketawa]* Jikalau begitu *[Disampuk]* pindahkanlah Perlembagaan supaya Speaker boleh nasihat semua. *[Ketawa]* Yang Berhormat-Yang Berhormat juga boleh beri nasihat. Tidak ada kuasa macam itu, cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah.

Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM7,684,600 untuk Kepala B.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM7,684,600 untuk Maksud B.16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.17 [Jadual] –

Maksud P.17 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 1999] –

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.17 dan Kepala Pembangunan P.17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas. Saya ingat jikalau bolehlah kementerian beritahu apa perbelanjaan yang dibuat supaya senang dia orang tahu ya. *[Disampuk]* Sila, sila. Beritahu apa dia B.17 untuk membiayai beberapa program dilaksanakan untuk penawaran Sukan Asia. *[Disampuk]* Ya, sila, sila. Tolong beri penerangan sekejap.

3.58 ptg.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebenarnya, perbelanjaan yang terlibat ini tidak banyak sangat. Ada dua aspek sahaja:

- (i) untuk menampung perbelanjaan yang bersabit dengan tawaran Sukan Asia 2006 dan Sukan Olimpik 2008; dan
- (ii) Pembangunan P.17 yang bersabit dengan bayaran untuk Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Tuan Mohamad bin Sabu: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Ya, sila. Ya, sila-sila. Kepong ya. Sila bangun ya, ya. Sudah bangun itu janganlah hendak duduk balik.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi: Ya. [*Ketawa*]

3.59 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya pun dengan secara ringkas sahajalah sebab masalah yang pertamanya ialah mengenai RM120 juta yang telah pun dibayar untuk pembinaan Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil.

Kita pun bangga ada kompleks sukan yang canggih, yang cantik, indah bukan main dan hanya untuk ditunjukkan kepada para peserta dan pengunjung waktu Sukan Komanwel sahaja. Selepas itu, Yang Berhormat, penyelenggaraan terhadap kompleks sukan ini adalah sangat kurang, seperti saya pernah sebutkan di sini penyelenggaraan mengenai benda-benda besi yang berkarat, papan tanda yang rosak dan juga pemancut-pemancut air yang rosak. Dan di sekitarnya ada juga sampah sarap yang berbau busuk dan sebagainya.

Semestinya tidaklah berlaku hal seumpama ini. Ini satu kompleks yang canggih, yang cantik. Kita mesti jaga.

Saya sedar bahawa ada sesetengah orang di situ yang tidak bertanggungjawab, memang kita mesti memberi pendidikan yang lebih. Walau bagaimanapun, pihak kementerian mestilah mengambil kira masalah seumpama ini terutamanya kita hendak menuntut untuk mengadakan temasya Sukan Asia. Saya pun seronok kalau kita berjaya untuk tahun 2006 sebab kalau saya tidak hairanlah kita boleh menjayakan tambah pula Thailand, Bangkok mengadakan Sukan Asia banyak kali dah, kita sekali pun tidak. Jadi, giliran kitalah sekarang ya. Tetapi

walau bagaimanapun, yang pertama, iaitu kemudahan-kemudahan sukan termasuk kompleks sukan sedemikian mestilah dijaga dengan baik untuk maruah kita di negara ini.

Tuan Pengerusi, yang keduanya, kalau kita hendak menaja temasya sukan antarabangsa, baik acara-acara sukan kita meningkat kepada satu tahap yang tinggi, yang paling popular iaitu permainan bola sepak. Sehingga sekarang kita bangkitkan di sini setiap kali kerana malanglah dalam pertandingan di Jepun atau di manakah, di Jepun prestasi itu kurang, masih kurang dibelash berapa gol oleh Taiwan, amatur pula itu. Ha, pekerja-pekerja kilang ada daripada Taiwan menewaskan profesional kita, malulah kita, Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Lain kali Ahli-ahli Parlimen pula pergi lawan ya. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Malulah kita, itu pekerja-pekerja kilang Taiwan sahaja boleh menewaskan profesional kita, macam mana boleh berlaku Tuan Pengerusi? Tetapi perkara yang baik pun ada, baru-baru ini dengan pertandingan kejohanan badminton terbuka Jepun, kita memang prestasi baik, walaupun kita tidak menang tetapi kita boleh melihat pemain-pemain kita bermain dengan bermati-matian. Ha, itulah kita hendak. Itulah kita hendak lihat, tetapi kementerian ini walaupun ada undang-undang diluluskan di sini untuk memantaukan semua badan sukan di negara ini, nampaknya keberkesanannya masih kurang kerana kita nampak, bukan sahaja dengan bola sepak, kita ada badminton dan diharapkan badminton kita pada bulan Mei Piala Thomas kita boleh menang juga, mungkin kita boleh. Kalau tidak menang pun kita bertungkus lumuslah menunjukkan semangat kita – itu cukup. Kalau tidak menang pun tak apalah kerana kadangkala dalam pertandingan itu ada kalanya kita menang, ada kalanya kita kalah, saya setuju, cuma kita tunjukkan kebolehan kita.

Walau bagaimanapun, ada beberapa cara yang lain, yang kurang prestasi dan yang prestasi tinggi misalnya bowling, tetapi ada kontroversi, ada *walked out* dan sebagainya, macam mana boleh berlaku *walked out* sedemikian?

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan masalah misalnya dengan kita hendak tunjukkan kebolehan kita di Khutub Selatan. Berlaku pertikaian kerana dakwaan

yang bermacam-macam dan ini menunjukkan Malaysia tidak boleh kerana tidak boleh menunjukkan kepada dunia kita benar-benar melakukan sesuatu yang tepat, yang persis dan jitu, kalau 1,000 kilometer daripada pusat Khutub Selatan itu - Antartika, 1,000 kilometer dia terjun daripada sasaran, ha itu masalah, Tuan Pengerusi, tidak kena sasaran kerana insiden ini menunjukkan Malaysia tidak boleh, tidak boleh menguruskan dengan betul.

Tuan Pengerusi, banyak lagi perkara termasuk atlet kita yang masih prestasinya kurang dan hoki pula tidak begitu cerahlah prestasinya mengenai hoki.

Tuan Pengerusi, pada tahun 2006 kita hendak menyaksikan semua acara kita meningkat kepada taraf antarabangsa supaya apabila kita menganjurkan, mengadakan Sukan Asia kelak, kita boleh menunjukkan kebolehan Malaysia dan sama-samalah kita dapat membanggakan diri. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, sedikit, saya hendak minta kebenaran untuk direkodkan bahawa tadi permohonan daripada Bukit Mertajam mengenai dia hendak yang terperinci berapa ramai anggota yang terlibat dalam kawasan Bukit Pelandok dan saya bersedia untuk memberikan sekarang. Untuk direkodkanlah, kita memang ada rekod.

Tuan Pengerusi: Ya, baiklah, baiklah. Kuala Kedah.

4.05 ptg.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]: Tuan Pengerusi, B.17 – Kementerian Belia dan Sukan iaitu RM4.5 juta lebih kurang dibelanjakan untuk kita menarik perhatian negara-negara di dunia ini supaya Sukan Asia diadakan di sini di Malaysia.

Baru-baru ini tuduhan-tuduhan daripada akhbar Australia terutama sekali dan akhbar luar negeri mengatakan bahawa Malaysia ada terlibat dalam kononnya macam merasuah pegawai-pegawai daripada negara lain untuk memilih Malaysia. Setakat mana pihak Kementerian Belia dan Sukan khasnya memainkan peranan untuk membersihkan nama Malaysia yang mengatakan bahawa pegawai-pegawai kita ataupun kita menaja untuk menjadi tuan rumah ini terlibat dalam merasuah

negara-negara lain ataupun pegawai-pegawai di peringkat yang menjadi jawatankuasa di peringkat Sukan Asia ini.

Oleh itu, kita harap penerangan pada hari ini akan juga direkod di seluruh dunia tentang penafian tegas ataupun penjelasan betul-betul yang Malaysia tidak terlibat dengan rasuah ke arah untuk membawa Sukan Asia untuk diadakan di Kuala Lumpur. Sebab tuduhan-tuduhan di akhbar luar negeri itu, ia agak terperinci terutama sekali datang daripada negeri Australia.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, adakah daripada kerajaan atau surat khabar?

Tuan Mohamad bin Sabu: Tidak, kita hendak minta penafian, daripada badan-badan sukan yang lain, bukan daripada kerajaan, daripada akhbar-akhbar dan majalah-majalah luar negara.

Jadi, kita minta penegasan supaya perkara ini dapat dinafikan, sebab belanja RM4 juta ini banyak, kita hendak tahu juga RM4 juta ini dibelanjakan adakah tambang sahaja atau majlis-majlis jamuan yang diadakan kepada pegawai-pegawai di peringkat antarabangsa dan kita minta pihak Timbalan Menteri memperincikan tentang bagaimana RM4 juta ini dibelanjakan supaya kita kalau tambang sahaja untuk pergi mesyuarat, takkanlah belanja banyak ini, sudah tentu barangkali ada majlis-majlis jamuan untuk mempengaruhi mereka, menceritakan tentang stadium kita, menceritakan hal Malaysia dan sebagainya, kemampuan kita untuk mengendalikan dan pihak kementerian tidak ada masalah saya rasa untuk menerangkan program-program yang kita habis RM4.5 juta ini untuk membawa sukan itu. Kalau tidak jadi sukan itu di sini, negeri lain dapat maka hangus RM4 juta ini, jadi kita wakil rakyat orang Kuala Kedah hendak tahulah, sebab mereka hendak bantuan sedikit pun payah, jalan masuk kampung dan sebagainya, ini RM4.5 juta mereka juga hendak tahu.

Begitulah juga P.17 sebahagian daripada saya hendak soal ini telah disoal oleh Kepong tadi iaitu RM120 juta telah digunakan untuk pembinaan Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil. Cuma yang kita hendak tahu bahawa banyak mana kita menanggung kos penyelenggaraan setiap bulan dan pendapatan yang kita perolehi

setiap bulan daripada kompleks sukan ini. Sebab kita tahu bahawa di Malaysia ini, dari segi diadakan pertandingan, orang kurang minat untuk pergi menonton misalnya bola sepak yang dibuat di Stadium Shah Alam, Selangor, piala yang di peringkat dunia kita lihat pertandingan akhir pun orang tidak penuh stadium kerana bayaran tiketnya barangkali agak mahal, orang kita sudah tidak sanggup, tidak seperti kita lihat di Eropah, bila ada *live telecast* bagaimana setiap perlawanan bola sepak mereka bukannya di peringkat akhir, di peringkat liga awal penonton telah penuh untuk menyokong pasukan mereka masing-masing. Kita hanya di peringkat akhir

Jadi, minat untuk pergi melihat sukan ini begitu rendah. Oleh itu, RM120 juta ini banyak mana kita dapat dari segi penyelenggaraannya dan pendapatannya, adakah seimbang sebab perbelanjaan ini agak begitu besar. Apakah stadium ini juga, kalau boleh di Bukit Jalil digunakan sebagai multi-purpose untuk mendapat bayaran. Misalnya, dulu dekat dengan pilihan raya, Perdana Menteri menggunakan Stadium Bukit Jalil untuk membuat satu perhimpunan bersama rakyat. Apa salahnya sekali-sekala beri kepada kami dan kami boleh buat, misalnya, 14 haribulan besok hendak buat di Masjid Negara boleh mengganggu keselamatan jalan raya. Pihak polis syorkan buat di Stadium Bukit Jalil. Jadi, pihak penganjur boleh kutip wang dan boleh juga pihak stadium ini mendapat wang – daripada dibiarkan berkulat begitu, baik kita guna dan kami kalau diberi peluang untuk guna Stadium Bukit Jalil ini barangkali tiga bulan sekali kami boleh buat perhimpunan di situ dan kerajaan boleh mendapat pendapatan.

Kita lihat sekarang ini menyelenggarakan Stadium Bukit Jalil ini secara keseluruhan, adakah satu kontrak atau diberi kepada beberapa kontrak seperti menjaga air-cond, mencuci bangunan, memotong rumput dan sebagainya dan kalau boleh pihak kementerian memberikan nama-nama kontrak itu kepada kita untuk kita mengetahui dan adakah mereka menjalankan tugas dengan sebaik-baiknya untuk menjaga Kompleks Sukan Negara yang begitu mahal, yang menggunakan wang rakyat.

Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Larut.

4.11 ptg.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh sedikit berhubung dengan B.17 Kementerian Belia dan Sukan.

Pertamanya, berhubung dengan soal untuk mendapatkan hak tuan rumah Sukan Asia pada tahun 2006. Saya amat tertarik berhubung dengan usaha kita untuk dapat menjadi tuan rumah Sukan Asia ini kerana selepas Kejohanan Sukan Komanwel yang mana nama negara kita telah disebut-sebut menjadi harum di seluruh dunia. Saya tertarik dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan di Stadium Bukit Jalil ini kerana saya sendiri pergi melihat Piala Dunia pada tahun 1998 – ini fasal bola ini, Kepong dok cakap tadi. Kalau dibandingkan Stadium Piala Dunia di France yang saya pergi sendiri – saya lihat sendiri – Yang Berhormat mungkin tidak tengok Piala Dunia. Saya sudah dua kali pergi – di Amerika dan di Perancis pada tahun 1998. Stadium kita bagi saya secara peribadi, the best, dengan izin, Tuan Pengerusi, hendak dibandingkan dengan Stadium Piala Dunia yang ada di France. Secara peribadi saya sudah sampai, saya tengok dengan segala kelengkapan dan kemudahan yang ada di Stadium Bukit Jalil ini. Ini bukan bercakap sengaja hendak menyedapkan tetapi tadi Yang Berhormat selalu bercakap fasal bola sepak – tidak tahu main bola cakap fasal bola ini, yang payah ini. Kadang-kadang

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Dia bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Duduklah, sat lagi kita bincang di luar. *[Ketawa]* Yang Berhormat pakar perubatan bukan tahu fasal bola ini. Saya pun tidak ada masa, kalau Tuan Pengerusi beri setengah jam, bolehlah!

Jadi, kita harap sangat promosi ini supaya nama Malaysia sekarang yang telah disebut-sebut, kita berharap promosi dengan wang RM4 juta lebih ini tidak menjadi sia-sia kerana kejayaan kita untuk mendapatkan, sebagaimana kita mempromosikan Sukan Komanwel dahulu, betapa bersusah payahnya kita hendak dapat menjadi tuan rumah. Jadi, adalah menjadi harapan kita supaya Kejohanan Sukan Asia ini menjadi kenyataan kerana saya yakin kalau promosi ini dibuat

dengan bersungguh-sungguh, kita dapat menyakinkan lagi negara-negara lain bermula dengan Sukan SEA yang mana Malaysia akan menjadi tuan rumah tahun hadapan – tahun 2001 dengan pertolongan Yang Berhormat bagi Kepong.

Insyaa-Allah, saya yakin dan ternampak kepada saya Malaysia hendak menjadi tuan rumah ini pada tahun 2006, insyaa-Allah boleh kita perolehi sekalipun bersaing dengan beberapa negara yang juga berminat hendak menjadi tuan rumah termasuk sebuah negara tidak silap saya – ini Menteri atau Timbalan Menteri boleh memberi penjelasan – yang telah pun pernah menjadi tuan rumah sekali lagi bersaing dengan Malaysia untuk menjadi tuan rumah sekali lagi. Ini ternyata betapa persaingan yang begitu hebat dan insyaa-Allah saya percaya kalau kita benar-benar buat dengan bersungguh-sungguh, Kejohanan Sukan Asia ini boleh dianjurkan oleh Malaysia dan seterusnya menjadi harapan besar kita ke arah satu lagi kejohanan besar di peringkat antarabangsa iaitu Sukan Olimpik.

Dan seboleh-bolehnya, sebagaimana yang pernah saya bercakap dahulu, kalau dapat kita pastikan permainan sepak takraw yang boleh memberi sebutir pingat sekurang-kurangnya kepada negara kita. Walaupun pada peringkat ini kita bersaing dengan Thailand dapat kita masukkan, kalau boleh apabila kita menjadi tuan rumah Sukan Olimpik sekurang-kurangnya di Kuala Lumpur ini.

Jadi, Tuan Pengerusi saya rasa itu sahajalah yang saya hendak sentuh di bawah B.17 Kementerian Belia dan Sukan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sibü.

4.16 ptg.

Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibü]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hanya menyentuh satu, dua perkara sahaja. Saya ingin bertanya di dalam program mempromosikan Asia Game, adakah termasuk kemudahan sukan di Sarawak dan Sabah? Nampaknya di negara lain, mereka menjadi tuan rumah selain di ibu kota, diberi sedikit event kepada kota atau bandar lain. Saya ingin tahu, adakah projek mempromosikan sukan ini termasuk Sarawak dan Sabah. Saya fikir ini sangat penting kerana saya pun tahu, contohnya, di Kuching kemudahan-kemudahan sukan pun cukup baik. Kalau ada satu atau dua event diadakan di sana atau di Kota

Kinabalu, nilai iklan untuk pelancongan bagus. Saya harap Kementerian Belia dan Sukan beri perhatian.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kementerian menjawab, ya.

4.17 ptg.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu izinkan saya merakamkan penghargaan pihak kementerian kepada keempat-empat orang Ahli Yang Berhormat yang memberi pandangan dan juga pengamatan mereka terhadap kementerian ini. Tetapi daripada apa yang diujahkan tadi oleh Yang Berhormat bagi Kepong dan Kuala Kedah khususnya yang bersabit dengan Kompleks Sukan Negara, ingin saya menegaskan bahawa apa yang diujahkan itu sebenarnya tidak terangkum dalam perbelanjaan kali ini. Lain dibentang lain pula yang disoal, malangnya.

Walaupun demikian, saya tetap hendak mengambil kesempatan ini untuk memahamkan Yang Berhormat berdua serba sedikit tentang apa yang disoal tadi iaitu penyelenggaraan. Penyelenggaraan sebenarnya tidak terangkum dalam Budget ataupun perbelanjaan sebanyak RM120 juta ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Saya anggap Yang Berhormat salah anggap, salah tafsir mengenai....., kita belanja RM120 juta, ini bermakna kita akan menyelenggarakan dengan baik. Itulah maknanya. Yang Berhormat, tanggapan itu salah.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, salah atau tidak Yang Berhormat sendiri tahu apa yang disoal itu sama ada kena pada tempatnya atau tidak. Walaupun demikian, tidak apalah. Saya tetap hargai keprihatinan Yang Berhormat.

Berbalik kepada penyelenggaraan itu sebenarnya memang tidak terangkum dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, setakat ini walaupun kos muktamad Kompleks Sukan Negara belum lagi dimuktamadkan, ianya hanya merupakan satu anggaran sahaja – yang dianggarkan RM1,040 juta dan ingin juga saya memaklumkan Dewan ini bahawa bayaran yang telah dibuat setakat ini adalah RM800 juta, tinggal baki RM240 juta dan sekarang ini 50% daripada baki itu iaitu

bersamaan RM120 juta yang kita bincangkan. Ini dia, bukan penyelenggaraan. Kalau Yang Berhormat hendak mengkhususkan penyelenggaraan walaupun ianya tidak terangkum tetapi saya tetap ambil perhatian.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Datuk Ong Tee Keat: Nanti dulu Yang Berhormat, sabar. Penyelenggaraan dan juga kerja-kerja pemantauan itu Yang Berhormat pun pernah juga bangkitkan perkara yang sama dalam perbahasan sebelum ini, khususnya perbahasan mengenai belanjawan (budget). Di sini, ingin juga saya memberikan kebutiran serba sedikit tentang kos muktamad Kompleks Sukan Negara yang seringkali diungkit-ungkitkan, ada juga yang kata, ini lumayan sangat, ada yang kata kalaulah lumayan sangat takkanlah penyelenggaraan itu tidak ada dan sebagainya. Jadi, saya hendak memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa sebenarnya dalam menentukan kos muktamad Kompleks Sukan Negara prinsip yang digunakan adalah berasaskan kepada pengukuran semula di mana subjek pembinaan dikategorikan kepada tiga aspek:

- (i) kos pembinaan asas - di mana kerja-kerja binaan telahpun dilaksanakan dan pengukuran boleh dilakukan;
- (ii) kos kerja-kerja tertinggal – di mana arahan untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut telahpun dikeluarkan tetapi tidak sempat dilaksanakan dan kerja-kerja ini hanya akan dilaksanakan selepas kos muktamad diputuskan. Jadi, penentuan kos ini adalah berasaskan kepada kuantiti kerja dan rundingan dengan kontraktor; dan
- (iii) kos kerja pemasangan sistem IT – sekarang ini zaman IT, jadi ini pun tidak boleh diabaikan, di mana arahan juga telah dikeluarkan tetapi memerlukan maklumat terperinci mengenai reka bentuk dan peralatan dan ianya diputuskan berasaskan kuantiti kerja, peralatan dan rundingan dengan kontraktor juga.

Jadi, ini serba sedikit saya hendak memaklumkan di Dewan yang mulia ini. Ya, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, memang saya gembiralah kerana Yang Berhormat dapat menerangkan sedikit-sebanyak mengenai kos perbelanjaan untuk pembinaan. Cuma satu hakikatnya mengapa kita mengambil masa yang begitu panjang untuk memberi sedikit sahaja maklumat dan mengapa kita tidak dapat umumkan semua yang dibelanjakan untuk pembinaan dan seterusnya, walaupun Yang Berhormat kata tidak ada kaitan.

Mengenai perbelanjaan Sukan Komanwel pula yang setakat ini akaun penyata tidak diumumkan, berapa tahun lagi kita hendak ambil untuk mengumumkan penyata ini. Dan termasuk yang kata tadi, peringkat yang ketiga untuk kelengkapan. Kelengkapan itu saya diberitahu bahawa semasa ada pertandingan Pingpong Dunia ada masalah mengenai IT di Bukit Jalil, terutamanya yang digunakan oleh pihak pemberita. Ini memang, kalau kita belanjakan wang yang begitu banyak, kita hendak IT yang benar-benar canggih, yang boleh digunakan.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, sebenarnya ini pun kali yang pertama - sebenarnya Yang Berhormat tidak pernah soal pun tentang butir-butir terperinci sebegini dan walaupun Yang Berhormat berulang kali cuba hendak mempertikaikan kos yang lumayan tetapi tanpa menghalusi apa yang terkandung dalam itu.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Datuk Ong Tee Keat: Yang Berhormat, biar saya teruskan. Kalau Yang Berhormat hendak hair split, dengan izin, pada masa itu, kerana sebenarnya saya mengambil kesempatan ini untuk memberikan butiran yang diharap-harapkan. Takanlah Yang Berhormat tidak menghargainya.

Tuan Pengerusi, berbalik kepada apa yang dibangkitkan tadi iaitu kerosakan dan juga kecacatan sistem IT yang berlaku pada hari yang pertama Kejohanan Pingpong Sedunia ini, itu benar dan itu pun saya pernah jawab dalam Dewan yang mulia ini dan masalah itu walaupun ianya timbul tetapi setiap masalah itu ada penawarnya dan penyelesaian itu telahpun dapat di perolehi dan iannya dapat di atasi dan itu saya tidak menyangkal, itu benar. Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, suka

juga saya menyentuh pada Sukan Asia yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat bagi Kepong, sekali lagi juga cuba hendak hubungkan usaha kita hendak menganjurkan Sukan Asia tahun 2006 dengan prestasi acara kesukanan kita yang sedia ada, umpamanya bola sepak, bowling dan sebagainya. Ini memang wujud, itu adalah fakta, tetapi ianya tidak sekali-kali mematahkan semangat pihak kementerian untuk berusaha merebut hak penganjuran Sukan Asia 2006. Dan kiranya kita hanya akan sanggup merebut hak penganjuran itu bila semua acara sukan kita handal-handal belaka, saya rasa itu juga akan ambil masa yang panjang.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Pengerusi, hendak tanya sikit.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Pengerusi, ini walaupun tak masuk belanjawan tetapi tolong jawab sikit. Pada pandangan Kementerian Belia kenapa mutu bola sepak kita begitu jatuh sekali. Di antara orang ramai datang untuk hendak tengok sukan ini ialah selalunya bola sepak. Jadi, bila bola sepak jatuh mutu, orang tidak ramai ke stadium, jadi kenapa sekarang kita lawan dengan Bangladesh pun kalah, dengan Nepal pun kalah sedangkan Malaysia dulu bola sepaknya sama setanding dengan Iran, Korea, Malaysia, tiga ini bergilir sebagai johan. Sekarang Korea dan Iran ke antarabangsa jauh dan Malaysia sama tahap dengan Nepal. Jadi, kenapa sampai peringkat ini.

Datuk Ong Tee Keat: Walaupun ini juga tidak terangkum tetapi sukalah saya mengeluh sedikit. Sepertimana yang pernah saya cakap dalam Dewan yang mulia ini biasanya bila ada ketewasan pihak kementerian ditegur, itu memang biasa. Tetapi ada juga peningkatan prestasi dalam acara-acara kesukanan yang tertentu. Itu tidak pernah saya dengar ada galakan dan sanjungan ...

Dr. Tan Serg Giaw: [*Bangun*]

Datuk Ong Tee Keat: Itu bukan pada pihak kementerian tetapi sekurang-kurangnya ditujukan kepada atlet kita. Ini yang saya hendak sarankan. Biar saya habis dulu Yang Berhormat Kepong.

Dan berbalik kepada soal utama tadi, soal pokok tadi, yang bersabit dengan perbelanjaan sekian banyak kononnya. Untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, sukalah saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa perbelanjaan yang dimaksudkan itu sebenarnya bukan sekadar menampung perbelanjaan tambang sahaja. Takkanlah Yang Berhormat sebagai seorang lama di sini, yang telahpun mengalami banyak perbahasan budget dan sebagainya, ini pun takkan terhad sahaja pada satu aspek sahaja.

Dan untuk makluman Yang Berhormat, perbelanjaan itu sepintas lalu, sebab ianya memang terperinci, memang agak panjang, tetapi sepintas lalu saya hendak maklumkan bahawa ianya mencakupi perbelanjaan urusetia penawaran Sukan Asia. Pelancaran logo dan maskot Sukan Asia 2006, menghadiri mesyuarat Agung Majlis Olimpik Asia di Kuwait pada bulan November tahun lepas dan majlis taklimat kepada duta-duta Asia di Kuala Lumpur.

Selain daripada itu, ada juga aktiviti-aktiviti yang berhubung kait dengan penawaran Sukan Asia ini pada tahun lepas, antara lain termasuk pengelolaan Mesyuarat Jawatankuasa Penawaran Sukan Asia 2006 dan Sukan Olimpik 2008, Pelancaran Laman Web Sukan Asia 2006, iaitu [www dot Kuala Lumpur dot 2006 dot com](http://www.kualalumpur2006.com). Mengadakan pameran semasa ASEAN Badminton Championship, Program Berjalan Untuk Negara sebagai kempen sokongan rakyat yang dilakukan serentak di seluruh negara pada 6 November tahun lepas dan seramai lebih dua juta orang telah pun mengambil bahagian dalam Program Berjalan Untuk Negara ini.

Di samping itu juga, ianya mencakupi kos yang terlibat dalam menghadiri Mesyuarat Agung Majlis Olimpik Asia di Kuwait di mana kita mengadakan *reception* serta pameran yang berkenaan untuk mempromosikan kelebihan Kuala Lumpur. Jadi, dari semua butir-butir ini maka jelaslah bahawa kos yang terlibat itu tidak terhad sahaja kepada tambang.

Yang Berhormat bagi Kuala Kedah juga menghujahkan bahawa kiranya kita gagal dalam usaha merebut hak penganjuran Sukan Asia 2006 ini, maka hanguslah duit ini. Saya rasa ini cukup cetek pandangan[Disampuk]

Tuan Mohamad bin Sabu: Janganlah cetek begitu. Kita tanya, Yang Berhormat Menteri buat penjelasan. Macam penjelasan tadi, wang RM4 juta digunakan. Okaylah, corak saya bertanya itu begitu.

Datuk Ong Tee Keat: Nanti dulu Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Bukanlah cetek, tak cetek tu.

Datuk Ong Tee Keat: Yang Berhormat, Yang Berhormat

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:Yang Berhormat, ya.

Datuk Ong Tee Keat: Yang Berhormat kalau hendak mencelah ada caranya, Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya, bila bercakap

Datuk Ong Tee Keat: Saya bagi peluang, Yang Berhormat

Tuan Mohamad bin Sabu: Bila kita tanya - cetek, pandangan singkat - ini di Parlimen, jawab - kami diam sahaja - kena.

Datuk Ong Tee Keat: Yang Berhormat, sekarang ini masa saya, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk dulu, Yang Berhormat.

Datuk Ong Tee Keat: Sebenarnya ia tidak membazirkan, takkan disia-siakan duit itu sebab kiranya kita tidak dapat pun, apa yang dibelanjakan itu tetap akan mengangkat martabat negara kita bukan sahaja dalam arena sukan antarabangsa tetapi juga dalam usaha mempromosikan pelancongan negara kita di mata dunia. Ini yang saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat.

Beralih kepada liputan akhbar Australia kononnya pihak Malaysia cuba hendak merasuahkan anggota-anggota Olympic Council of ASIA (OCA). Ini saya hendak menjelaskan di sini bahawa sebarang keputusan tentang tuan rumah ataupun penganjur Sukan Asia 2006 tidak akan dibuat oleh seorang, dua tetapi oleh - kesemuanya wakil dari 42 buah negara yang menganggotai OCA. Jadi, kiranya kita hendak merasuahkan seperti mana yang didakwa, kita hendak merasuahkan semua, saya rasa berat perbelanjaannya. Lagipun untuk makluman Yang Berhormat serta

Dewan yang mulia ini, mengikut apa yang digariskan oleh Majlis Olimpik Asia ataupun OCA, setiap bandar raya yang dicalonkan termasuk Kuala Lumpur kena menurut garis panduan, baik dari segi membuat penawaran dan juga dalam usaha mempromosikan bandar raya yang berkenaan dan bukannya kita boleh buat dengan sewenang-wenangnya. Itu dari segi promosi dan publisiti.

Oleh yang demikian, saya selaku Timbalan Menteri Belia dan Sukan, saya hendak menafikan sekeras-kerasnya sebarang tohmahan, tuduhan yang dibuat yang dilemparkan oleh akhbar asing yang tidak bertanggungjawab. Tidak bertanggungjawab sebab setiap butiran perbelanjaan itu kita ada ketelusan di sini. Kita boleh kaji, kita boleh menghalusinya, kita boleh menegurnya seperti mana yang dibuat selalu dan tidak ada apa-apa butiran yang kita hendak buat secara berselindung, itu tidak timbul, Yang Berhormat. Ini pun bagi kita di sini, merupakan satu amalan biasa di kalangan akhbar asing yang tertentu umpamanya sebelum kita mendapat hak penganjuran SUKOM, tahun 1998 kita juga difitnahkan. Rupa-rupanya Malaysia tidak berdaya untuk menganjurkannya dan itu pun bukan sesuatu yang baru seperti mana yang saya sebutkan tadi.

Saya juga menghargai keprihatinan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah tadi, walaupun ada satu, dua perkara yang dibangkitkan itu kurang relevansinya tetapi kiranya Yang Berhormat tunjuk minat dalam prestasi acara sukan....

Tuan Husam bin Haji Musa: Peraturan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada apa itu?

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Penjelasankah?

Tuan Husam bin Haji Musa: Peraturan 13(1) ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, tidak cukup kuorum?

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak tahu. Saya pun tidak pasti cukupkah, tidak?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, bacalah. Saya pun boleh mendengar.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, Cukup bilang bagi Majlis Mesyuarat, kira-kira 26 orang.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak cukup kuorumkah, tajuknya?

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tajuknya tidak cukup kuorum?

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya tidak pasti, saya tidak bilang lagi. Tidak cukup kuorum, tidak bilang lagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak cukup. Berapa, 30?

Tuan Husam bin Haji Musa: 13(1).

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: 13(1). 13(1) saya ingat tidak cukup kuorumlah agaknya. Saya pun agak juga. Kalau saya tidak silap, kalau silap, saya minta maaf, ya. 13(1) tidak cukup kuorum, ya. Sila bilang. Ya, 13(1) Cukupbilang.

Tuan Husam bin Haji Musa: Kalau kita tutup niaga pun bolehlah, kita balik semua.

[Ahli-ahli dikira - 20 Ahli hadir]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: 20 - saya tidak masuk ya, *[Ketawa]* sebab saya Ahli Parlimen juga.bila kita masuk maknanya bunyi loceng.

[Loceng dibunyikan].

[Ahli-ahli dikira - 35 Ahli hadir]

Seorang Ahli: tidak cukup.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: 35 - melebihi daripada kuorum. Kita sambung.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Pengerusi, nampaknya yang mencukupkan kuorum ialah pihak pembangkang, tolong sebelas. Kalau kami tidak ada, tidak boleh bersidang. *[Ketawa]* Jadi, BN tidak pernah cukup. Jadi, berterima kasihlah

kepada kami, kalau tidak, tidak boleh bersidang kalau kami keluar semua. Ini untuk rekod.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa, terima kasihlah itu. Kita sama-sama Yang Berhormat bertanggungjawab belaka kepada Dewan.

Tuan Mohamad bin Sabu: Yalah, fahamlah tu. BN kerajaan kena jaga kuorum. Ini.....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ini peraturan berapa ini?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak ada, tidak ada. Terima kasih, duduk.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ini peraturan berapa ini?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk.

Tuan Mohamad bin Sabu: Rungutan, rungutan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Rungutan. Ada peraturankah rungutan?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ada.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Larut duduk, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah pun duduk. Mencukupi kuorum ini tanggungjawab semua Yang Berhormat. Tidak kira Barisan Nasional ataupun Pembangkang. Tetapi yang malangnya kadangkala yang menyebut tidak cukup kuorum itu selepas sebut dia keluar. *[Ketawa]* Sila sambung Timbalan Menteri, sambung.

Datuk Ong Tee Keat: Terima kasih Tuan Pengerusi. Nampaknya

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus, terus.

Datuk Ong Tee Keat: Yang Berhormat bagi Kepong dan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, kedua-duanya tunjuk minat dalam prestasi acara kesukanan kita,

ada yang merosot, ada yang meningkat. Tetapi yang meningkat itu tidak disebut-sebut, itu biasa. Saya memang setuju bahawa

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Datuk Ong Tee Keat: Nantilah, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Kepong, nanti dulu.

Datuk Ong Tee Keat: Nanti, sabarlah dulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sikit lagi, duduk dulu.

Dr. Tan Seng Giaw: Sikit, sikit.

Datuk Ong Tee Keat: Dan saya bersetuju bahawa ada perlunya kita menyemaikan minat - tanam minat di kalangan rakyat terhadap acara-acara sukan yang kita hendak mempromosikan. Dan beralih kepada kadar penggunaan....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Menyampuk]*

Datuk Ong Tee Keat: Nanti dulu Yang Berhormat. Itu pun soalan Yang Berhormat. Saya hendak jawab sekarang ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan. Tunggu kejam dulu.

Datuk Ong Tee Keat: Beralih kepada soal kadar penggunaan Kompleks Sukan Negara itu, saya hendak menjelaskan bahawa tidaklah tepat sama sekali bahawa kompleks itu tidak digunakan dengan memuaskan. Itu adalah satu tanggapan. Tanggapan pihak pembangkang termasuk juga Yang Berhormat Kepong dan Kuala Kedah. Sebab seperti mana yang pernah saya jawab dalam Dewan ini dalam perbahasan Belanjawan tahun 2000 kadar penggunaan setakat ini adalah semakin meningkat walaupun kita tidak berani hendak cakap ianya adalah 100%, tidak sampai 100% tetapi kadarnya tidak seperti apa yang didakwa oleh Yang Berhormat berdua itu.

Beralih kepada satu lagi soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kepong iaitu bersabit dengan Millennium Jump. Millennium Jump ataupun Penerjunan Alaf Baru tidak terangkum dalam perbelanjaan ini. Tetapi saya hendak

jelaskan kepada Yang Berhormat, walaupun ini telah jadi satu bahan percakapan Yang Berhormat tetapi apa yang hendak dicakap itu selain daripada mempersendakan kegagalan penerjun kita, nampaknya tidak ada modal yang lain. Ini yang saya mengeluh sedikit.

Untuk makluman Yang Berhormat, sekiranya pasukan kita tidak dapat melakukan penerjunan di GSP seperti mana yang dijadualkan, yang dirancangan maka mengikut kesimpulan Yang Berhormat, 'Malaysia tidak boleh'. Itu yang Yang Berhormat bagi Kepong cakap tadi. Jadi, kalaulah berasaskan kepada logik yang sama parti DAP yang selama ini berkali-kali melaung-laungkan niatnya hendak menawan Pulau Pinang dalam Tanjong 1 hingga 4 tetapi tidak berjaya juga, adakah ianya juga

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia berdiri hendak penjelasan.

Datuk Ong Tee Keat: Saya tidak bagi jalan. Biar saya habis dulu. Apakah ianya juga memberi satu kesimpulan di mana 'DAP tidak boleh'. Sebenarnya Yang Berhormat patut mencontohi percakapan dari beberapa orang rakannya dari PAS tempoh hari sebab Kuala Kedah pernah cakap mengenai perkara ini. Walaupun dia pun ada juga niat yang berlainan tetapi bila beliau menyentuh soal ini sekurang-kurangnya dia kata kita tidak mempertikaikan sama ada ini gagal atau tidak. Itu yang dia cakap. Itulah semangat yang kita hendak. Tetapi malangnya Yang Berhormat bagi Kepong tidak dapat meneladani dia. Ini yang saya rasa tidak faham.

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan, penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, bagi penjelasan. Ya, ya dia bagi.

Datuk Ong Tee Keat: Hendak bagi penjasankah atau hendak minta penjelasan?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Minta penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw: Minta penjelasan. Biasanya kita kata penjelasan sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Biasa yang lain pula minta laluan.

Dr. Tan Seng Giaw: Laluan pun boleh, penjelasan pun boleh.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, terus, terus.

Dr. Tan Seng Giaw: Apa-apa pun bolehlah asalkan Yang Berhormat Timbalan Menteri Sukan dia benar-benar menafsirkan keadaan yang kita sebutkan di sini. Saya ada puji mengenai prestasi yang baik, misalnya bowling. Cuma saya mempertikaikan mengapa ada *walk-out*. Itulah masalah termasuk sepak takraw yang sebelum ini prestasinya baik. Sekarang itu kecundang. Kecundang. Larut memang dia tidak setuju tetapi kecundang dengan Thailand, dua regu Thailand pun boleh kalahkan kita dengan begitu senang kerana kita tidak ada semangat yang lebih baik.

Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat, mengenai soalan saya, saya pun tidak pernahlah soalkan sama ada digunakan dengan sepenuhnya ataupun tidak tetapi selepas jawapan Yang Berhormat, saya setuju dengan Yang Berhormat Kuala Kedah sekarang. Sebelum ini saya tidak terlintas di dalam fikiran. Tetapi sekarang sebab jawapan Yang Berhormat saya fikir mestilah di Bukit Jalil itu tidak digunakan dengan sepenuhnya. Sebab kalau digunakan sepenuh dia tidak akan jawab sedemikian. Itu masalah. Lain kali kita tepat, persis dan jitu.

Datuk Ong Tee Keat: Rupa-rupanya keadaan di Kompleks Sukan Negara itupun ada hubung kaitnya dengan peribadi saya. Saya tidak faham apa hubung kaitnya.

Tuan Pengerusi, berbalik kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tanjong Karang berdiri, Tanjong Karang.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh minta penjelasan. Sikit, sedikit, saya hendak penjelasan apa yang dikaitkan oleh Kepong tadi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, Larut ya, Larut.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ini saya ingat masalah *walk-out* ini, dengan izin, mungkin berjangkit daripada pembangkang agaknya. Dia *walk-out* daripada Dewan, jadi terbawa-bawalah. Ini yang jadi masalahnya. Pembangkang bukan hendak membantu. Ingat Yang Berhormat mungkin setuju. Sepatutnya bagi semangat, dorongan, ini tidak, bila kalah kutuk, bila menang tidak tanya macam mana kita menang. Inilah penyakit. Hendak kata orang *walk-out*. Inilah jadi masalahnya. Mungkin ini berjangkit daripada pembangkang daripada dulu lagi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Datuk Ong Tee Keat: Ya, saya memang setuju. Tetapi malangnya mungkin Yang Berhormat bagi Larut tidak perasan bahawa apa yang disebutkan tadi iaitu penyakit yang berjangkit itu tidak terangkum dalam perangkuman kerjaya Yang Berhormat bagi Kepong. Itulah bezanya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tanjong Karang ya, Tanjong Karang berdiri.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Saya hendak minta penjelasan sedikit. Tadi Yang Berhormat bagi Kepong kata dia setuju dengan pendapat Kuala Kedah. Tetapi kadang-kadang Yang Berhormat kena nasihat kerana pendapat Kuala Kedah ini tidak betul. Macam hari ini dalam kuorum dia kata pembangkang yang cukup kuorum. Kalau kira Barisan kita ada 27. Tidak ada pembangkang pun kita cukup kuorum. Jadi kenyataan-kenyataan pembangkang yang selalu menyelewengkan. Ini kena jaga-jagalalah Yang Berhormat bagi Kepong jangan percaya...

Tuan Mohamad bin Sabu: Ketua kuorum pun tidak ada ini.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Dengan Kuala Kedah, dengan PAS ini tidak usah percaya. Dia cakap depan mata dia boleh belit lagi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah jawablah itu Timbalan Menteri. Jawab yang lain.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, berbalik kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Larut tentang hak penganjuran Sukan Asia 2006, saya menghargai keprihatinan beliau terhadap perkembangan semasa. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dalam empat dekad kebelakangan ini, setakat ini terdapat tiga bandar raya di Asia Tenggara yang pernah menganjurkan temasya Sukan Asia sejak tahun 50-an sampai sekarang iaitu Manila pada tahun 1954, Jakarta 1962 dan Bangkok yang paling kerap sekali di mana Bangkok menganjurkan Sukan Asia pada tahun 1966, 1970, 1978 dan 1998.

Walaupun kali ini negara kita sekali lagi menghadapi persaingan yang agak hebat dari beberapa buah negara yang turut tunjuk minat dalam hak penganjuran Sukan Asia tahun 2006 ini tetapi bagi pihak Malaysia, bukan sahaja pihak kerajaan tetapi ianya juga mencakupi usaha dari Majlis Olimpik kita dan juga segala lapisan masyarakat kita yang turut memberikan sokongan kepada kerajaan dalam usaha ini dengan menerusi program 'Berjalan Untuk Negara' tahun lepas.

Yang Berhormat bagi Sibü mengesyorkan agar acara.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Larut berdiri.

Raja Dato' Ahmd Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Mungkin Yang Berhormat bersetuju selepas kita berjaya mengadakan Sukan Komanwel, kalau kita berjaya mendapatkan Sukan Asia ini, ini satu kehebatan dari segi yang bertaraf antarabangsa kerana penyertaan negara-negara yang akan mengambil bahagian. Ini saya rasa perlu diperjelaskan kerana bimbang pembangkang ini, dia bagi ceramah, dia akan menyampai fakta-fakta yang mungkin tidak betul terutama kita bersidang, dia balik buat ceramah. Minta penjelasan sikitlah. Terima kasih.

Dato' Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, ini terserahlah kepada pihak pembangkang kiranya ini merupakan budaya politiknya apa boleh kita buat. Budaya politik yang tidak sihat, yang negatif ada satu cara yang dapat membendungnya iaitu melalui kuasa rakyat, itu sahaja. Berbalik kepada syor yang dicadangkan....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sedikit lagi Yang Berhormat

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Larut berdiri lagi Yang Berhormat

Dato' Ong Tee Keat: Bolehlah.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Petang-petang ini, Tuan Pengerusi mengatakan petang-petang ini kita tidak boleh tegang sangat, tidak boleh serius sangat, macam Yang Berhormat bagi Kuala Kedah itu. Yang Berhormat, ini dalam usaha kita hendak mendapatkan hak menjadi tuan rumah ini, sama ada timbul kebimbangan pihak-pihak tertentu unsur-unsur yang mungkin akan berusaha untuk menggagalkan usaha kita untuk mendapatkan hak menjadi tuan rumah, kerana kita bimbang, dalam keadaan kita stabil makmur mungkin ada orang-orang tertentu sambil menyelam, menangguk di air yang keruh.

Jadi apa langkah kita supaya perkara ini tidak timbul. Kerana kita bimbang mungkin mereka pergi keluar negara berkempen, ini yang membimbangkan kitalah. Jadi saya harap pihak kementerian mungkin ada langkah-langkah tertentu dan yang keduanya dalam usaha kita hendak mendapatkan hak ini dalam kempen-kempen kita, mungkin pihak kementerian juga boleh bekerjasama dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang sekarang ini sedang juga mengambil langkah untuk kempen bagi menaikkan lagi nama negara kita. Terima kasih.

Dato' Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, terima kasih diucapkan di atas pandangan Yang Berhormat bagi Larut tadi. Sememangnya kementerian ini bukan sahaja cuba dengan seboleh-bolehnya untuk merebut hak penganjuran Sukan Asia tahun 2006 tetapi juga kami bertanggungjawab menyelaraskan usaha kami dengan pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan supaya dapat mempromosikan Malaysia secara total dan ini tengah dirancang, tengah dijalankan, untuk makluman Yang Berhormat bagi Larut.

Berkenaan dengan fitnah yang kemungkinan besar dilemparkan oleh negara-negara ataupun pihak-pihak yang tertentu itu memang biasa, itu memang dijangka. Pihak kementerian tetap tidak akan berdiam diri seperti mana yang

disebutkan tadi oleh Yang Berhormat bagi Kuala kedah. Terdapatnya tohmahan dari akhbar Australia itu pun tidak akan kita berdiam diri dan yang penting itu bukanlah kita cuma sekadar membuat penafian sahaja. Yang penting itu kita buktikan dengan fakta-fakta fact and figures dengan izin, yang kukuh, yang dapat menjustifikasikan kes kita.

Beralih kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sibü, beliau mengesyorkan agar acara-acara sukan yang tertentu dalam sukan Asia, kiranya kita dapat hak penganjurannya dapat diadakan di Sarawak dan Sabah. Ini memang satu pandangan yang mengambil kira peri pentingnya pelancongan negeri. tetapi untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, dalam usaha merebut hak penganjuran sukan Asia 2006 ini biasanya bukan negara yang dicalonkan tetapi bandar raya yang dicalonkan. Jadi dalam kes ini Kuala Lumpur lah yang merupakan bandar raya yang kita calonkan.

Jadi Yang Berhormat bagi Sibü nampaknya tumpuan itu tetap ada pada bandar raya yang dicalonkan iaitu Kuala Lumpur. Saya memang faham apa yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi. Tuan Pengerusi...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh minta penjelasan sedikit.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Yang Berhormat bagi Larut.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih ini berkenaan sukan SEA tahun hadapan Yang Berhormat, Yang Berhormat kata Bandaraya Kuala Lumpur dipilih menjadi tuan rumah. Sukan SEA tahun hadapan kementerian telah membuat keputusan ataupun mungkin OCM bahawa hanya Bandaraya Kuala Lumpur. Semua aktiviti sukan SEA tahun hadapan akan tertumpu kepada Bandaraya Kuala Lumpur. Kenapa tidak dikembangkan kepada bandar raya-bandar raya yang lain seperti Ipoh, Kuching, yang baru sekali Kota Kinabalu kerana kemudahan peralatan sukan seperti di Ipoh, contohnya lah. Kenapa ini tidak dibuat, kalau itu sebagai syaratlah sukan Asia, mungkin sukan SEA untuk tahun hadapan. Terima kasih.

Dato' Ong Tee Keat: Sebenarnya apa yang saya sebutkan tadi itu adalah bagi sukan Asia sebab kita kena juga mematuhi peraturan-peraturannya, garis panduan yang agak ketat bagi semua pihak yang juga hendak mencalonkan bandar raya masing-masing. Tetapi Yang Berhormat bagi Larut menyarankan agar ianya dapat dibuat di luar Kuala Lumpur.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bukan Yang Berhormat, ini sukan SEA tahun hadapan.

Dato' Ong Tee Keat: Ini walaupun tidak terangkum dalam perbelanjaan tetapi pandangan Yang Berhormat tetap akan diambil kira. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM4,505,026.00 untuk Kepala B. 17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan jadi sebahagian daripada jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM4,505,026 untuk Maksud B.17 diperintahkan jadi sebahagian daripada jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM120,000,000 untuk Maksud P.17 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1999 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM120,000,000 untuk Maksud P.17 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 1999.

Maksud B 19 [Jadual]-

Maksud P.19 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 1999] –

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.19 dan Kepala Pembangunan P.19 di bawah Kementerian Pertanian terbuka untuk dibahas. Saya beri Yang Berhormat bagi Setiu dahulu... *[Disampuk]* Bachok, minta maaf.

16.59 ptg.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof [Bachok]: Maaf diterima. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Maksud B.19 Kementerian Pertanian yang melibatkan peruntukan yang telah pun dibentangkan RM5,287,360.00. Pertama sekali suka saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana dalam tempoh tahun lepas telah berjaya menerbitkan satu Rangka Rancangan Jangka Panjang Dasar Pertanian Negara Ketiga. Sehubungan dengan itu perbelanjaan yang dimaksudkan melibatkan Butiran 020100 hampir dua juta ini saya yakin dan percaya akan dapat digunakan sebaiknya untuk membuat perancangan penyelidikan-penyelidikan pertanian.

Cuma persoalannya peruntukan yang dikemukakan itu dari sudut Butiran sebenarnya mungkin pihak kementerian tidak menjawab secara detail pada petang ini tetapi saya rasa kepada perbelanjaan yang telah digunakan ini saya yakin ianya dapat memberi sesuatu pertumbuhan yang lebih memberangsangkan sektor pertanian kerana aktiviti perancangan antara yang telah disebut yang melibatkan, mengikut peruntukan ini pemberian kewangan ataupun insentif ini berupa kewangan kepada kakitangan yang menjalankan tugas-tugas kewangan dan bantuan khas kewangan .

Persoalannya adalah insentif yang diberikan itu adakah semata-mata untuk pegawai-pegawai atau kakitangan yang menjalankan tugasnya yang berkait dengan penyediaan perancangan, penyelidikan dan beberapa aktiviti yang boleh memberangsangkan lagi pertumbuhan di sektor pertanian ini sendiri kerana kita tahu di dalam tempoh lima tahun terakhir pengeluaran atau pertumbuhan pertanian negara telah mengalami kemerosotan lebih kurang 5% berbanding dengan lima tahun sebelum.

Jadi, berdasar kepada keadaan ini dengan peruntukan yang telah pun digunakan itu dari sudut jangka panjang boleh memberangsangkan lagi pertumbuhan. Di bawah Perkhidmatan Haiwan juga telah menerima peruntukan tambahan yang agak besar juga. Di sini saya sukalah menyebut beberapa perkara yang seharusnya pihak kementerian dari sudut masa depannya hasil daripada

peruntukan tambahan yang telah pun dikemukakan oleh pihak kerajaan kepada kementerian ini.

Yang pertama sekali ialah dari sudut perkhidmatan haiwan ini, cabaran yang ada kepada kita untuk tempoh akan datang ialah apabila negara menerima apa yang dikatakan pelaksanaan WTO dan AFTA itu sendiri. Dalam arus ekonomi dunia sekarang ini yang kita yakin sektor pertanian khususnya haiwan ataupun perkhidmatan haiwan yang melibatkan usaha untuk meningkatkan pengeluaran ternakan dalam negara kita ini akan menghadapi cabaran yang sama kerana kesan daripada pelaksanaan WTO dan AFTA sudah pasti beberapa perkara yang harus kita ambil perhatian iaitu produk ternakan dan juga perolehan daripada sumber bahan mentah ternakan untuk memajukan ternakan dalam negara kita akan menghadapi saingan hebat. Misalnya, tempat saya di Kelantan itu, dari sudut ternakan ayam itik saya contohkan, menghadapi cabaran hebat daripada Thailand yang begitu terkedepan sampai sekarang pun Kelantan masih menerima bekalan sama ada secara sah ataupun tidak sah bekalan ayam itik daripada sebelah Thailand termasuklah telur serta bahan makanan untuk penternakan itu sendiri.

Jadi, perkara ini sudah pasti pihak kementerian khususnya menerusi Jabatan Haiwan itu sendiri mengambil inisiatif lebih dengan ransangan-ransangan yang sedia diberi oleh pihak kerajaan dalam bentuk insentif kewangan itu. Kemudian satu lagi persaingan ataupun perkara yang perlu diambil perhatian untuk tempoh jangka panjang ialah kemasukan ataupun jangkitan penyakit-penyakit terhadap ternakan-ternakan dalam negara kita. Baru-baru ini negara telah pun dikejutkan dengan serangan penyakit hawar terhadap ternakan lembu dan pihak kerajaan dalam Dewan ini juga telah membuat satu jawapan yang mungkin tidak meyakinkan pihak penternak sendiri iaitu tidak ada satu bantuan secara segera kepada pihak penternak-penternak lembu yang mana lembu mereka telah pun mati akibat serangan hawar ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, saya tidak tahu ada atau tidak kaitan dengan apa yang dibentang.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Saya cuba mengaitkan masalah yang melibatkan aspek pentadbiran, aspek pengeluaran dan latihan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, disebut sini bayaran insentif bagi kakitangan untuk pegawai-pegawai yang melakukan kerja-kerja kewangan.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Misalnya, di peringkat latihan sudah pasti kewangan yang diperuntukkan ialah untuk melahirkan tenaga pakar, penasihat ataupun pakar-pakar veterinar untuk memastikan, memajukan lagi bidang penternakan dalam negara. Saya cuba hendak kaitkan begitu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Oh.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Itu maksud saya, sebab itulah saya cuba memberi satu pandangan yang bersifat futuristic, saya yakin pihak Setiausaha Parlimen boleh bersetuju dengan cadangan saya ini. Dari sudut pandangan futuristic apabila budget yang kita keluarkan atau lulus pada hari ini kesannya bukan hari ini ataupun kesannya terkebelakang, tetapi kesannya ke depan.

Jadi, dalam hal ini pihak kementerian khususnya, harus mengambil kira ancaman ataupun cabaran yang ada di sektor pertanian ini, khususnya haiwan yang saya maksudkan tadi kerana kita yakin di sebalik insentif yang diberi oleh pihak kerajaan dari sudut motivasi pekerja atau kakitangan itu sendiri ialah untuk mendapatkan hasil. Jadi, hasil itulah yang saya cuba bangkitkan pada petang ini. Dari sudut pengeluaran haiwan misalnya, negara sebenarnya masih kekurangan dari sudut penyelidikan, dari sudut pembangunan ataupun R&D, dengan izin, bagi memastikan pengeluaran ternakan negara kita ini boleh memenuhi keperluan kerana kita tahu sehingga hari ini pun negara masih bergantung kepada daging-daging yang diimport daripada negara-negara tertentu. Itu yang kedua.

Yang ketiga, suka saya menyebut di bawah Perbekalan yang telah pun diperuntukkan untuk perikanan itu, aktiviti Pentadbiran dan Kewangan. Saya yakin insentif kewangan yang diberikan di bawah aktiviti ini yang berjumlah RM1.5 juta ini lebih kurang, akan melibatkan kegiatan yang lebih memberangsangkan lagi aktiviti Perikanan apabila pihak pegawai dan kakitangan itu sendiri mengambil tanggungjawab lebih kerana perikanan yang kita yakin berlaku dalam negara kita ini dari sudut jangka panjang dengan lautnya yang begitu luas sudah pasti tenaga-

tenaga yang ada di pihak Jabatan Perikanan itu sendiri boleh turun ke padang. Maksudnya, boleh menyampaikan beberapa ilmu penangkapan secara lebih moden, lebih efisien dan lebih mendapatkan produktiviti yang diharap-harapkan oleh pihak kerajaan demi untuk menyekat beberapa kemasukan atau pengimportan hasil tangkapan daripada luar negara.

Misalnya, kami di Thailand..... maaf, kami di Kelantan misalnya setiap tahun...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Thailand?

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Minta maaf, kami di Kelantan, tersasullah petang-petang ini, maklumlah hari Khamis.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa, tersasul sekali dua tidak kisah. *[Ketawa]* Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Terima kasih Tuan Pengerusi, kami di Kelantan boleh dikatakan tiga bulan dalam setahun bergantung kepada hasil ternakan ikan daripada Thailand kerana pada masa itu aktiviti perikanan tidak boleh berlaku dengan baiknya kerana lautnya bergelora akibat daripada musim.

Jadi, oleh kerana itu penyediaan di peringkat pentadbiran bagi memastikan langkah-langkah mengatasi masalah ini boleh dibuat melalui membuka lebih banyak lagi bilik-bilik beku untuk menampung ikan-ikan yang dari sudut jangka panjang boleh digunakan apabila waktu terdesak, bekalan terputus dan seumpamanya.

Dalam hal ini, suka juga saya menyebutkan.... panjang lagikah Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada dua minit lagi.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Dua minit lagi, insyaAllah, iaitu kerjasama seharusnya dieratkan di antara pihak kakitangan jabatan di peringkat negeri dengan Federal dalam menyelesaikan beberapa perkara teknikal khususnya kita menghadapi beberapa perkara yang bersifat rungutan. Di antara rungutan, pertama sekali ialah sekatan untuk menangkap ikan di kawasan larangan di antaranya ialah Taman Laut. Taman Laut ini satu perkara juga yang menjadi masalah kepada

nelayan-nelayan tradisional kerana mereka sudah pasti tidak boleh menghampiri, menangkap ikan lebih-lebih lagi, menghampiri pun tidak boleh....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini keluar sangatlah Yang Berhormat.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Yakah?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Keluar sangat.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Kalau begitu saya undur baliklah....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya. Saya hendak tanya adakah kakitangan yang menangkap ikan di laut ada kaitan dapat insentif kewangan, itu mungkin masuk. *[Ketawa]* Cara sahaja Yang Berhormat, bendanya itu juga. Sila.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Betul, betul saya faham tetapi bila cakap ini terlajak-lajak juga.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Insentif kepada kakitangan ini, pihak kementerian perlu juga fikir insentif kepada pihak-pihak yang kurang bernasib baik, saya hendak cadangkan iaitu insentif kepada nelayan kecil yang kesuntukan dari pelbagai sudut - banyak perkaralah, dialami nelayan kecil tradisional di luar-luar bandar ini, di pantai-pantai kerana dalam tempoh setahun dari sudut praktikal hanya enam bulan sahaja mereka boleh menangkap ikan dengan baik.

Jadi, insentif yang tertentu perlu juga difikir, kalau pada pihak pegawai dan kakitangan di jabatan atau di kementerian boleh diberi, kepada nelayan-nelayan tertentu pun sama ada insentif itu dalam bentuk sumbangan tahunan ataupun dalam bentuk imbuhan-imbuhan kerugian di sudut tertentu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat, sudah habis.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Jadi itulah, terima kasih, saya pun mohon untuk mengundur diri, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya beri Kota Melaka dahulu, selepas itu bolehlah Parit Buntar. Sila Kota Melaka.

5.08 ptg.

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tambahan sebanyak lebih daripada RM5 juta telah diminta daripada Dewan ini untuk membiayai bayaran insentif bagi kakitangan dan sebagainya dan saya rasa cara kementerian meminta wang yang begitu besar adalah tidak betul dan tidak adil kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini oleh kerana kita tidak dapat butir yang cukup. Saya rasa kalau perkara ini berlaku di syarikat swasta tentu CEO akan tendang keluar sesiapa yang akan minta wang dengan butiran yang begitu ringkas.

Saya kurang faham apakah makna ayat 'untuk membiayai bayaran insentif bagi kakitangan menjalankan tugas kewangan'. Bagi orang biasa menjalankan tugas kita tidak memberi insentif cuma bagi orang yang, kalau ayat itu berbunyi: 'membiayai bayaran insentif kepada kakitangan meningkatkan produktiviti', mungkin boleh. Ini dia jalankan tugas sahaja beri insentif, saya kurang faham. Saya bercadang pada sidang yang akan datang semua kementerian yang ingin meminta wang tambahan jangan anggap Dewan ini sebagai Dewan yang penuh dengan Ahli Parlimen yang akan luluskan secara buta sahaja.

Tuan Pengerusi, kalau saya boleh sentuh satu perkara sebelum saya masuk tajuk iaitu berkenaan dengan kuorum, iaitu adalah tanggungjawab kerajaan untuk memberi kuorum yang cukup dalam Dewan ini oleh kerana ini adalah memang urusan kerajaan. Saya beri amaran bahawa sekiranya Ahli Parlimen semua tidak minat dengan apa yang diuruskan di dalam Dewan ini, satu hari kita Barisan Alternatif akan keluar dan tidak cukup kuorum itu jadi masalah Barisan Nasional. Jangan kata semua tanggungjawab sama-sama, kita tahu tetapi ini urusan kerajaan.

Kalau Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional tidak minat jangan tuduh kita tidak ada minat. Itu yang saya hendak cakap. Saya masuk tajuk sekarang saya hendak tanya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Kerk Kim Hock: Saya beri peringatan, lagipun saya harap menteri atau timbalan menteri yang berkaitan akan jawab dan bukan kita biar Setiausaha Parlimen yang tidak berkaitan menjawab dan kadang-kadang tidak jawab.

Okay, saya masuk insentif bagi kakitangan bertugas kewangan. Kalau tugas kewangan, saya ingin bertanya apakah sebabnya sehingga hari ini, pampasan ihsan yang telah dijanji kepada para penternak babi di seluruh negara itu belum dibayar? Dalam jawapannya, semasa menjawab perbahasan budget, Yang Berhormat Menteri Pertanian telah mengaku bahawa beliau tidak tahu bahawa satu keputusan telah dibuat oleh kerajaan untuk membayar pampasan ihsan sebanyak RM120 kepada setiap ekor khinzir yang telah dimusnahkan.

Beliau juga pada hari itu ada janji bahawa beliau akan check dan kerajaan akan menunaikan janjinya dan saya kata janji itu mesti ditunaikan tetapi sehingga hari ini, walaupun keputusan telah dibuat dalam bulan September tahun lalu, sehingga hari ini belum ada sesiapa mendapat RM70 tambahan itu. Lagipun sebenarnya, RM50 seekor khinzir, pampasan ihsan yang telah dijanjikan, bukan semuanya telah dapat. Jadi, kalau ini masuk dalam tugas kewangan, saya mungkin boleh setuju kalau insentif bagi kakitangan yang bekerja kuat untuk menyelesaikan penderitaan para penternak babi.

Saya haraplah satu jawapan akan diberikan, bilakah kerajaan akan tunaikan janjinya dan bilakah wang pampasan ihsan ini akan diberikan kepada para penternak babi yang sekarang banyak yang telah menganggur? Macam di Bukit Pelanduk, tanah pun telah digazetkan tidak boleh dijalankan menternak babi. Jadi, saya harap satu jawapan yang baik akan diberi dan jangan bagi jawapan seperti Yang Berhormat bagi Tanjong Karang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah. Parit Buntar, selepas itu menteri menjawab.

5.13 ptg.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi Maksud B.19 ini, saya hendak khusus kepada perkataan insentif itu supaya saya tidak terkeluar daripada landasan ini.

Pertama sekali kalau kita buat bacaan sedikit tentang pembangunan pertanian iaitu terutamanya, Tuan Pengerusi, salah satu daripada perkara yang akan memberikan kejayaan kepada usaha-usaha pembangunan pertanian ialah rapatnya hubungan di antara pegawai-pegawai pertanian dengan *clientele* iaitu petani-petani, pesawah-pesawah dan juga pekebun-pekebun kecil getah. Tetapi apa yang berlaku di Malaysia kerana kita mengikut model British. Pegawai-pegawai duduk di bandar. Saya ambil contoh di Kuala Selangor.

Bukit Malawati, di situlah DOnya, di situlah ADOnya, satu masa dahulu tahun 1973, saya duduk di sanalah. Di situlah JPSnya, di situlah engineer-nya, di situlah DIDnya. Di situlah semuanya. Padahal tempat operasi mereka, nun di Sungai Burung, nun di sawah sempadan, nun di Sungai Panjang, nun di nun-nun lagi. Maka, timbullah kita lihat, Tuan Pengerusi, ialah timbul dua budaya ini. Orang bandar, pegawai-pegawai.....ya?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tanjong Karang berdiri.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Boleh betulkan fakta sikit?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Boleh minta jalan?

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Boleh? Penjelasan.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: [*Mengangguk*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila, sila.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Betullah, Tuan Pengerusi, kata Yang Berhormat bagi Parit Buntar tetapi jangan lupa di Tanjong Karang juga ada engineer JPS yang jaga barat laut. Operasi pejabatnya di Tanjong Karang.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Betul, betul. Saya tidak menafikan, betul, alhamdulillah. Saya pun satu kawasan dengan Yang Berhormat. Tetapi....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sungai Burung ya?

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Ya, Sungai Burung salah satu kawasan dalam Parlimen Tanjong Karang. Itu yang menyebabkan *reduce* sikit majoriti Yang Berhormat itu *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, saya hendak menyebutkan ini begini, yang pertama sekali kalau misalnya pegawai-pegawai suatu insentif – insentif kalau boleh, Setiausaha Parlimen beritahu Menteri agaknya, kalau boleh beri insentif kepada pegawai-pegawai ini tinggal bersama petani. Dia ada kesan emosi, kesan *affective* – “a-f-f-e-c-t-i-v-e” *[Mengeja]* Kesan emosi. Bayangkan kalau misalnya pegawai, ketua pertanian duduk dalam masyarakat petani, apa agak kesannya? Bayangkan kalau menteri pula duduk di kalangan petani.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Heh, tidak boleh.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Heh, boleh, apa salahnya!

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, boleh. *[Ketawa]* Sila, sila, sila.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya hendak sebut kesan-kesan emosi, kesan *affective* yang saya rasa inilah di antara sebab mengapa usaha-usaha pengembangan kita selama ini hampir kepada kegagalan.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Shah Alam.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Boleh saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Shah Alam minta penjelasan.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Yang Berhormat, saya hendak tahulah. Duduk di Parit Buntar ke atau Sungai Burung kawasan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Yang pertama sekali, beginilah, saya katakan kita ini produk British, saya ini hendak mengemukakan cadangan. Saya pun memang culprit. Saya pun culprit.

Dato' Ir Mohd Zin bin Mohamed: Yang Berhormat tadi buat cadangan supaya setiap tokoh-tokoh yang berhubung kait dengan disiplin yang sedia ada, duduk *insitu*, dalam kawasan yang sedia ada tetapi ini Yang Berhormat

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Shah Alam, Shah Alam ini kilang sahaja, Tuan Pengerusi. Shah Alam ini kilang sahaja.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Yang Berhormat sekarang Ahli Parlimen mana? Parit Buntar, at the same time, dengan izin, Sungai Burung, jadi saya hendak tanya Yang Berhormat duduk di mana? Kawasan mana?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia hendak tahu kawasan.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Yang Berhormat buat ceramah motivasi suruh duduk dalam kawasan, jadi saya hendak tanya Yang Berhormat duduk kat mana?

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tak, bukan itu isunya. Saya hendak menyebutkan bukan itu isunya. Isunya ialah kita ini produk British, duduk di kawasan bandar tetapi hati kita sepatutnya bersama dengan orang kampung, bersama dengan nelayan. Itu yang idealnya. Saya cakap ini *ideal state*. [Disampuk]

Nombor dua

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia berdiri lagi Yang Berhormat, Shah Alam.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Saya sambut baik saranan Yang Berhormat....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti dulu, nanti dulu Yang Berhormat Shah Alam. Hendak bagi jalan tidak, dia berdiri?

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tak apa, tak apa, saya bagi.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Saya sambut baik saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat ya. Duduk dalam kawasan, *leading by example*, jadi tokoh kawasan untuk memelopori masyarakat. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat ada kawasan Parlimen tempat yang lain, Dewan Undangan Negeri tempat yang lain,

jadi kalau yang idealnya *insitu* duduk dalam kawasan, jadi saya hendak tanya Yang Berhormat duduk dalam kawasan mana?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, cukuplah.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed:at the same time.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya pun tidak mahu berpanjangan-panjang hal ini sebab saya pun mencari masa sebenarnya. Tetapi apa yang pastinya untuk soalan begitu, saya rasa ialah kita tinggal, saya di Parit Buntar dan juga di Sungai Burung, tetapi tinggal di Kuala Lumpur. *[Disampuk]* Itu produk daripada British. Saya tinggal di Sungai Burung, tidak apa, Parit Buntar, tidak apa. Yang Berhormat tinggal di Shah Alam, tidak apa, tidak ada masalah.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Saya duduk dalam kawasan, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudahlah.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Okay, tidak perlulah itu.

Yang kedua, Tuan Pengerusi ya, saya ingat kalau misalnya mereka tinggal itu, lebih mudah mereka memberi khidmat terutama dalam hal-hal yang melibatkan *emergency* atau darurat. Saya ambil contoh, sekarang ini di bandar Tanjong Karang, satu tempat namanya Sungai Kajang, ban pecah, besar pecahnya. Dekat dua rantai pecahnya ban itu. Tetapi sampai sekarang ini, *repair* terlalu lambat sebab saya difahamkan oleh Yang Berhormat teman saya mengatakan ketua JPS berkursus dan sebagainya. Sebenarnya yang menengok itu agaknya orang-orang yang nombor dua, orang yang nombor tiga tetapi orang yang pertama tidak ada di situ untuk merasakan *the feeling of the people*, dengan izin.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, kalau misalnya kita sebutkan tadi macam Yang Berhormat bagi Shah Alam menyebutkan lebih mudah bagi pegawai-pegawai pertanian ini dengan insentif ini memberikan bimbingan, *leadership* (kepemimpinan) kepada orang kampung yang sangat memerlukan terutama dalam hal-hal mengenai pertanian ini. Jadi, saya hendak cadangkan ini akan menjimatkan kos. Kalau kita tengok dia punya tuntutan bulanan yang dibuat oleh pegawai-pegawai sama ada pertanian atau di luar pertanian, oleh kerana mereka tinggal jauh daripada *clientele*,

maka tuntutan dan kos akan tinggi. Cadangan saya ini sekurang-kurangnya boleh mengurangkan kos supaya masa akan datang tidak ada lagi tambahan sampai empat kali kita memohon tambahan untuk mendapatkan belanja bagi jabatan-jabatan beroperasi.

Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pertanian, kalau boleh saya harap sangatlah bahawa DPN-3 ini, Dasar Pertanian Negara Ketiga ini kalau boleh cadangan saya ini dimasukkan.

Nombor dua, kalau boleh dibuat satu *pilot project*, tengok dulu sama ada apa yang dikatakan ini kesan emosi, kesan affektif itu berjalan dan memberikan keuntungan kepada petani-petani kalau ini dapat berlaku, saya rasa bolehlah diperkembangluaskan kepada negeri-negeri seluruh negeri kita termasuklah Sabah dan Sarawak.

Dan yang ketiga, kalau boleh Tuan Pengerusi, peruntukan ini, insentif yang ada ini kalau boleh di~~extend~~kan, dipanjangkan kepada projek contoh yang saya cadangkan tadi supaya kita dapat jalankan program ini.

Saya membawa contoh-contoh ini, perkara-perkara ini bukan hanya khayalan-khayalan saja, kalau kita pergi Tanzania, ada projek namanya 'Ujama', kalau kita pergi ke Sri Lanka, ada projek yang seperti ini di mana pegawai-pegawai pertanian duduk bersama dengan petani, hidup bersama dengan petani dan akhirnya mereka sebahagian daripada petani dan kalau kita tengok di Thailand, negara yang sangat maju di Tenggara Asia ini dalam hal pertanian precisely pegawai-pegawai pengembangan mereka hidup berkembang bersama dengan petani, tidak seperti kita mengikut sistem British.

Sebab itu, akhirnya Tuan Pengerusi, saya berharap sangatlah kalau dapat dalam alaf baru ini kita buang cara yang conventional, kita cubakan cara yang tidak conventional, cara kita, bukan kita copy cara-cara yang lain yang kita dapati buat sekian masanya, rasa saya kurang *applicable* dalam konteks memajukan pertanian di negara ini. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Silakan Menteri menjawab.

5.23 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bachok, Kota Melaka dan Parit Buntar yang telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan insentif dan lain-lain yang berkaitan dengan Kementerian Pertanian. Saya hendak menyentuh tentang Bachok ini yang mengatakan aktiviti pertanian telah mengadakan latihan dan sebagainya, insya-Allah kita akan terus menerus meningkatkan lagi, perkara ini perkara biasalah yang kita lakukan dan insya-Allah, kita akan tingkatan insya Allah kita lakukan, itu perkara biasalah, kita dah buat banyak kali kursus-kursus, kita tak payahlah lagi hendak membangkitkan perkara ini lagi.

Berkeanaan dengan haiwan, apabila kerajaan dapat memasuki AFTA, Apakah cabaran yang akan dihadapi oleh Malaysia. Perkara ini dari segi ternakan kita adalah cukup dan hal ehwal yang berkaitan dengan penternakan ayam dan ayam telur dan itik. Yang kita import yang besar ialah dari segi bahan-bahan lain macam lembu dan kerbau dan sebagainya dan perkara ini kita akan terus meningkatkan di bawah Dasar Pertanian Negara yang ketiga ini kita akan terus meningkatkan pengeluaran bahan-bahan tersebut, insya Allah bersamalah kita doakan dapat dijalankan.

Berkeanaan dengan perikanan pula walaupun kita telah mengadakan banyak latihan malahan laut dalam pun kita banyak latihan. Dalam perkara ini kita pun bingung disebabkan kadang-kadang kita orang Malaysia ini tak mahu pergi laut, laut yang lebih daripada tujuh hari, dua belas hari, tak mau pi, betui Kuala Kedah? Dia gelak. Jadi tak taulah pasal apa tak mau pi tetapi yang besarnya ialah.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Isteri tinggal rumah.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tak taulah, mungkin kot Yang Berhormat. Jadi kita telah mengadakan latihan laut dalam kepada peserta-peserta yang kita ambil dari sesebuah kawasan dan dalam perkara ini kita akan cuba meneruskan usaha ini dan insya Allah kita akan meningkatkan lagi usaha tersebut.

Berkenaan dengan perikanan pula, disebabkan oleh musim tengkujuh di Kelantan, Terengganu dan Pahang jadi kita telah bekalkan peti sejuk dan telah meningkatkan tiga pelabuhan yang tertentu iaitu di Kuantan, di Chendering, Terengganu dan Tok Bali di Kelantan. Kita akan terus meningkatkan lagi usaha ini dan kita akan mengadakan *break water*, dengan izin, supaya bot-bot dapat masuk dengan selamatnya dan usaha untuk menghadapi laut yang bergelora.

Kota Melaka juga telah membangkitkan berkaitan dengan khinzir.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Minta penjelasan sikit, boleh?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Terima kasih. Berhubung dengan pengkalan perikanan ini, satu yang disebut oleh pihak Yang Berhormat tadi di Tok Bali, Pasir Puteh, saya kebetulan kawasan itu adalah laluan dan boleh dikatakan kampung jugalah, tak dapat melihat peranan Kementerian Pertanian khususnya Jabatan Perikanan sendiri berperanan besar untuk memajukan pengkalan perikanan di Tok Bali itu. Yang saya nampak ialah aktiviti swasta, kemudian aktiviti persendirian daripada nelayan-nelayan tempatan, kemudian lagi adalah sedikit daripada pihak Persatuan Nelayan, itupun dalam keadaan tidak bermaya dari sudut pengurusan untuk membolehkan bot-bot laut dalam untuk mendarat ikan. Kemudian yang dibangkit tadi, pihak Yang Berhormat juga menyebut iaitu adanya kemudahan bilik-bilik beku dan seumpamanya. Perkara ini saya boleh dikatakan tidak memuaskan sangatlah, tidak memuaskan sebab rungutan yang paling besar di antaranya ialah ikan mesti dijual pada hari pendaratan itu juga. Sekian, terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Pengerusi, dari segi ini kerajaan hanya menyediakan kemudahan untuk kegunaan pihak swasta ataupun pihak nelayan. Yang mustahaknya ialah kita membekalkan kemudahan, ini yang kita lakukan. Bersamalah kita perkara ini perlu diselesaikan dengan sebaik mungkin dan saya percayalah ini ialah satu isu yang begitu jurang perpisahan kita, saya percaya pihak kerajaan akan membangunkan kawasan ini dan bersamalah kita membangunkan dengan sebaik mungkin, Yang Berhormat. Saya berharap kita akan cubalah walaupun terdapat

sedikit sebanyak kelemahan dari segi persatuan dan sebagainya dan insya-Allah, kita akan cuba selesaikan itu sebaik mungkin.

Yang Berhormat bagi Kota Melaka membangkitkan berkaitan dengan penternakan babi. Pihak kerajaan memanglah prihatin dan simpati terhadap penternak babi dan kerajaan telah menyatakan sekali lagi, saya nyatakan di sini, kerajaan akan tambah pampasan kepada RM120 yang kurang daripada 3,000 ekor. Dan perkara ini Yang Berhormat, kalau terdapat boleh dikatakan masa-masa tertentu yang mungkin kita akan kata borang ataupun terdapat orang kata double counting, takut.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dua kali kira.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Dua kali kira, ya terima kasih. Inilah yang menyebabkan kelambatan, saya ingat perkara ini Yang Berhormat, bersamalah kita selesaikan perkara ini.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya sedar bahawa jumlah khinzir yang dimusnahkan itu memang menimbulkan pertikaian tetapi cuma di Negeri Sembilan oleh kerana apabila wabak ini, virus ini berlaku, ramai para penternak telah lari daripada rumah mereka tetapi dalam negeri Perak, tidak ada sesiapa yang telah lari, maka jumlah khinzir yang telah dimusnahkan nanti tidak ada pertikaian. Ini pegawai-pegawai Kementerian Pertanian pun tahu juga tetapi yang malang sekali ialah Yang Berhormat Menteri Pertanian sendiri pun tidak tahu, dalam Dewan ini beliau telah mengaku tetapi selepas mengakui sehingga hari ini saya tidak tahu apakah tindakan yang telah diambil.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Yang Berhormat, tak usahlah bangkitkan soal itu, cukuplah. Jadi saya telah menyatakan, kerajaan akan bayar RM120 setiap ekor babi yang telah dimusnahkan [*Disampuk*] sedang dalam proses

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tunggu Yang Berhormat, akan dibayar....

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tunggulah, kalau nak bayar pun, kita kena terperinci dulu disebabkan kita accountable.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: RM120 atau RM150?

Dato' Abu Bakar bin Taib: RM120.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: RM120?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Satu dua kosong.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, satu dua kosong, besok salah dengar pula! *[Disampuk]*

Dato' Abu Bakar bin Taib: Boleh, boleh. *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak apa, tak apa, cukup, cukup.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Parit Buntar, saya akan cuba jawab, Tuan Pengerusi, Parit Buntar telah menyatakan lebih ceramah berkaitan dengan ceramah insentif ini, jadi saya pun tak tahulah tapi Yang Berhormat, kita telah adakan berbagai program 2L, Lawatan dan seterusnya, kita telah adakan, kita telah adakan kemasukan pegawai-pegawai pertanian, kita letakkan di kampung-kampung. Jadi ini yang kita lakukan sekarang ini dan saya tak nampak macam hal-hal yang kita hendak selesaikan secara pertanian pengurusan, kita letakkan di kampung. Jadi tak tahulah macam mana yang Yang Berhormat hendak, bagi saya perkara ini adalah perkara biasa saja dan mungkinlah akan dibesarkan oleh Yang Berhormat tapi pada saya, saya sebagai Pegawai Pertanian dulu, saya duduk kampung.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Panjang lagi Setiausaha Parlimen hendak jawab?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Sikit lagi, sikit lagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, kalau sikit lagi, saya bagi masa sampai selesai, sila, sila.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Sikit saja, Tuan Pengerusi, saya kata bukan hanya pertemuan, pertembungan dengan orang kampung, kita hendak duduk dalam kawasan kampung supaya bersama-sama dengan orang kampung dalam kehidupan dan merasai kehidupan kampung itu dan terus bersama dengan orang kampung, itu maksudnya, bukan datang begitu. Memanglah dalam 2P kah, 2L kah,

2T kah, memang, pasal dia orang kampung, dia mesti jumpa orang kampung tetapi kalau berjumpa dalam suasana kerja macam itu, jumpa sebagai seorang profesional, berjumpa dengan *clientele* macam itu, hubungannya hanya hubungan kerja sahaja, tidak lebih daripada itu, tetapi untuk kejayaan sebagaimana Thailand buat, saya rasa lebih daripada hubungan profesional, lebih daripada hubungan kerjaya.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Terima kasih. Jadi dalam perkara ini, kita memang ada pegawai yang duduk dalam kampung, Yang Berhormat. Memanglah tak ada tapi di Kedah, tempat saya, duduk dalam kampung, di Kedah, di Padang Terap, duduk dalam kampung.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tapi itu duduk *by design* kah ataupun duduk dalam....

Dato' Abu Bakar bin Taib: Kita ada rumah, memang kita kerajaan membuat rumah dalam kampung, itu yang kita lakukan sekarang ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Rumah Pegawai Pertanian?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Ya, bukan Pegawai Pertanian tetapi ..

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pembantu?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Ya, Pembantu Pertanian. Inilah yang kita lakukan dan kalau tak silap saya, kalau perkara ini bukanlah perkara baru Yang Berhormat kita telah adakan dan perkara ini kita telah lakukan sebenarnya. Jadi itulah dan yang lain-lain itu tiada apa yang hendak ditegaskan, hanya hendak ucapkan terima kasihlah kepada semua yang telah ambil bahagian dan insya-Allah dari segi ini kita akan cuba tingkatkan lagi produk aktiviti pertanian, kita akan cuba dan seterusnya dapat menambahkan pengeluaran dan mengurangkan barangan import, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM5,287,360, untuk Maksud B.19 di bawah Kementerian Pertanian jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujukan.

Wang sebanyak RM5,287,360 untuk Maksud B.19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM20 untuk Maksud P.19 yang disebutkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1999 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM20 untuk Maksud P.19 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 1999.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, ini kita boleh lama sikit balik kampung, Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi Isnin minggu depan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.35 petang.

LAMPIRAN

Februari 2000

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

- “ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi bin Norwawi (Kuala Rajang)

- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)

- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Haji Noh bin Haji Omar, K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng, K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S.R. Anpalagan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Tuan Rizalman bin Abdullah, J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- Yang Berhormat Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)

- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)

- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang Anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- Yang Berhormat Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)

- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- Yang Berhormat Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)

- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)

Yang Berhormat Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)

- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S.

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Hajah Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Khairul Azila binti Haji Khairuddin

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat
Mashitah binti Kamaruddin
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT PERTAMA

Jilid II

Bil. 33

Khamis

13 April 2000

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**USUL MENARIK BALIK BACAAN KALI KEDUA DAN
KETIGA RANG UNDANG-UNDANG**

(Halaman 24)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) 2000

(Halaman 25)

Jawatankuasa:

Jadual –

Maksud B. 4, B.7 dan B.10

(Halaman 93)

Maksud B. 16

(Halaman 107)

Maksud B. 17

(Halaman 112)

Maksud B. 19

(Halaman 136)

USUL:

Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.4) 1999

Jawatankuasa:

Maksud P. 4, B.7 dan B.10

(Halaman 93)

Maksud P. 16

(Halaman 107)

Maksud P. 17

(Halaman 112)

Maksud P. 19

(Halaman 136)